


**AMMB Holdings Berhad**

Nombor Syarikat 223035-V  
Diperbadankan di Malaysia



# PENYATA KEWANGAN 2008

---

Dinyatakan dalam Ringgit Malaysia  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2008

- 146 Laporan Pengarah
- 164 Kenyataan Oleh Para Pengarah
- 164 Pengakuan Berkanun
- 165 Laporan Juruaudit
- 166 Kunci Kira-kira
- 167 Penyata Pendapatan
- 168 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
- 170 Penyata Aliran Tunai
- 173 Nota-nota Penyata Kewangan

# LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan pengarah serta penyata kewangan AMMB HOLDINGS BERHAD yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

## AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah sebagai syarikat pegangan pelaburan.

Syarikat-syarikat subsidiari, seperti yang disenaraikan dalam Nota 15 Penyata Kewangan, menyediakan rangkaian perkhidmatan perbankan pelaburan, perbankan komersil, pembiayaan runcit dan perkhidmatan kewangan berkaitan termasuk perniagaan perbankan Islam, penanggungan insurans nyawa dan am, pembrokeran stok dan saham, pembrokeran niaga hadapan, nasihat pelaburan dan pengurusan aset, pelaburan harta tanah dan amanah saham.

Tiada perubahan penting berlaku dalam jenis aktiviti Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan.

## PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

- 1) Pada 18 Mei 2007, setelah memperolehi kelulusan yang diperlukan dari para pemegang saham dan pihak berwajib, Syarikat telah melaksanakan yang berikut:
  - (i) Menambah modal saham yang dibenarkan Syarikat dari RM5,000,000,000 merangkumi 5,000,000,000 saham biasa RM1.00 setiap satu ke RM5,200,000,000 merangkumi 5,000,000,000 saham biasa RM1.00 setiap satu dan 200,000,000 saham-saham keutamaan boleh tukar ("CPS") RM1.00 setiap satu;
  - (ii) Menerbitkan 163,934,426 CPS kepada ANZ Funds pada harga terbitan RM3.05 setiap CPS berjumlah RM500,000,000 yang akan ditukar menjadi 163,934,426 saham biasa baru RM1.00 setiap satu dalam Syarikat; dan
  - (iii) Penerbitan RM575,000,000 nilai nominal Bon Boleh Tukar Tidak Bercagar Sepuluh (10) tahun ("EB") oleh AmBank kepada ANZ Funds yang boleh ditukar kepada 188,524,590 saham biasa baru dalam Syarikat pada harga pertukaran RM3.05 sesaham.
- 2) Pada 13 Mac 2008, CPS telah ditukar kepada 163,934,426 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada kadar satu saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham untuk ditukar kepada setiap satu CPS bernilai RM1.00 setiap satu.
- 3) Syarikat telah menggunakan sejumlah RM450,000,000 daripada kutipan CPS untuk melanggan terbitan hak AMFB Holdings Berhad ("AMFB") sebanyak 30,000,000 saham biasa baru RM1.00 setiap satu pada harga terbitan RM5.00 setiap saham berjumlah RM150,000,000 dan RM300,000,000 amanun nominal Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Ditukar Tidak Boleh Tebus Berfaedah yang diterbitkan oleh AMFB atas dasar hak. Harga terbitan RM5.00 setiap saham diperolehi berdasarkan 17.6% premium ke atas aset ketara bersih setiap saham AMFB pada harga anggaran RM4.25 pada 31 Mac 2007.
- 4) AMFB telah melanggan RM150,000,000 Saham Terutama Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus Tidak Berkumulatif RM1.00 setiap satu dan RM300,000,000 amanun nominal Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Ditukar Tidak Boleh Tebus Berfaedah yang diterbitkan oleh AmBank atas dasar hak untuk menambah lagi dana modal AmBank.
- 5) Selepas memperolehi kelulusan yang diperlukan daripada pihak berwajib, AmBank telah menyelesaikan penjualan portfolio pinjaman tidak berbayar runcit dan korporatnya berikutan penerimaan ganjaran jualan berjumlah RM328.5 juta daripada ABS Enterprise One Berhad, Neptune ABS One Berhad dan Neptune ABS Two Berhad.

# LAPORAN PENGARAH

## PERISTIWA-PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

- (5) AmInvestment Bank Berhad (“AmInvestment Bank”) dan pihak Arab Saudi telah saling bersetuju untuk tidak meneruskan cadangan usaha sama dalam Syarikat yang akan ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pasaran modal di Arab Saudi.
- (6) Pada 5 September 2007, Arab-Malaysian Credit Berhad telah memasuki perjanjian Jual Beli dengan Melawangi Sdn Bhd untuk penjualan ruang pejabat yang bertempat di Tingkat Bawah dan Tingkat Satu West Wing, Menara PJ, Pusat Perniagaan AmCorp yang berukuran lebih kurang 6,792 kaki persegi, didirikan atas tanah yang dipegang dibawah hak milik Pajakan Negeri 21919, Lot No. 19, Seksyen 16, Bandar Petaling Jaya, Daerah Petaling, Selangor bagi jumlah ganjaran sebanyak RM3,200,000.
- (7) Syarikat telah mencadangkan dan melaksanakan yang berikut:
- (i) Penswastaan AmInvestment Group Berhad (“AIGB”) melalui penyusunan skim AIGB dan pemegang-pemegang saham berdasarkan kepada Seksyen 176 dan 178 Akta Syarikat, 1965 (“Akta”) dimana AIGB akan mengurangkan modalnya mengikut kepada Seksyen 64 Akta dengan membatalkan 646,800,000 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu (“AIGB Saham DiBatalkan”), mewakili 49.0% modal saham berbayar dan diterbitkan sedia ada yang tidak dipegang oleh Syarikat, dalam ganjaran untuk pembayaran tunai sebanyak RM3.70 sesaham yang dibatalkan oleh AIGB dibayar kepada Syarikat (“Penswastaan AIGB”). Penswastaan AIGB telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham AIGB pada Mesyuarat Persidangan Mahkamah yang berlangsung berdasarkan kepada arahan Mahkamah Tinggi Malaya pada 26 Septembar 2007. Tambahan pula, arahan Mahkamah Tinggi Malaya membenarkan penyusunan skim telah diperolehi pada 21 November 2007.
- Pada 15 Januari 2008, Penswastaan AIGB telah selesai berikutan pembayaran tunai RM3.70 sesaham sebanyak RM2,393,160,000 kepada pemegang-pemegang saham minoriti AIGB, dan AIGB menjadi syarikat subsidiari milik penuh Syarikat.
- Pada 4 Februari 2008, modal saham diterbitkan dan berbayar AIGB telah dimansuhkan penyenaraian daripada Senarai Rasmi Bursa Malaysia Sekuriti Berhad (“Bursa Sekuriti”) berdasarkan perenggan 8.15(6) Keperluan Penyenaraina Bursa Sekuriti.
- (ii) Terbitan hak boleh diumumkan semula sebanyak 295,972,939 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat (“Terbitan Hak”) pada harga terbitan RM3.40 setiap Saham Hak, pada kadar berikut:-
- (a) satu (1) Saham Hak untuk setiap lapan (8) sedia ada saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu; dan
- (b) satu (1) Saham Hak untuk setiap lapan (8) CPS sedia ada bernilai RM1.00 setiap satu yang dipegang dalam Syarikat.
- Pada 15 Januari 2008, Terbitan hak akan selesai berikutan sebut harga dan penyenaraian 295,972,939 saham-saham baru diterbitkan kepada pemegang-pemegang saham yang berkelayakan dalam Syarikat. Terbitan Hak diteruskan bagi kegunaan Syarikat untuk membiayai sebahagian pembayaran tunai kepada pemegang saham minoriti AIGB.
- (iii) Pelarasan kepada Waran 2003/2008 harga pelaksanaan daripada RM2.19 sesaham kepada RM2.15 sesaham dan peningkatan sebanyak 1,281,618 tambahan Waran 2003/2008 berikutan daripada pelarasan yang timbul dari Terbitan Hak.
- (iv) Pelarasan kepada harga pengubahan Bon Tidak Berubah dan Tidak Bercagar daripada RM3.05 sesaham kepada RM2.95 sesaham berikutan daripada pelarasan yang timbul daripada Terbitan Hak.
- (8) Syarikat telah mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia (“BNM”) bagi memulakan perbincangan dengan MAA Holdings Berhad (“MAAH”), mengikut Seksyen 67 Akta Insuran, 1996, untuk cadangan perolehan perniagaan insuran am dalam Malaysian Assurance Alliance Berhad, komposit penginsuran, dan pengambilalihan ekuiti dalam MAA Takaful Berhad, dimana operasi perniagaan insuran Takaful dipegang oleh MAAH.

# LAPORAN

# PENGARAH

## PERISTIWA-PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

- (9) Syarikat telah mendapat kelulusan daripada BNM bagi pemegang saham AmAssurance Berhad (“AmAssurance”) untuk memulakan perundingan awal dengan Friends Provident plc, mengikut Akta Insuran 1996 (“Akta Insuran”), bagi cadangan penjualan pengambilalihan minoriti dalam perniagaan insuran nyawa, AmAssurance. Permohonan secara berasingan juga telah diserahkan kepada BNM bagi memperolehi kelulusan dari badan berwajib dibawah Akta Insuran bagi membolehkan Syarikat mengasingkan lesen insuran komposit AmAssurance sedia ada, bagi membolehkan Syarikat mengambil alih perniagaan insuran am dan nyawa melalui dua syarikat yang berasingan.
- (10) Pada 29 November 2007, AmInvestment Bank telah memasuki perjanjian persefahaman dengan Woori, syarikat subsidiari Kumpulan Kewangan Woori, Korea bertujuan mempromosikan kerjasama dalam perniagaan perbankan pelaburan antara dua pihak, bagi membolehkan kedua-dua kumpulan kewangan bagi menstabilkan penubuhan perniagaan francais dan kedua-dua rangkaian domestik dan daerah pasaran modal.
- (11) Pada 7 Disember 2007, syarikat subsidiari AIGB diperbadankan di Brunei dikenali sebagai AmCapital (B) Sdn Bhd (“AmCapital (B)”). AmCapital (B) akan memulakan operasi perniagaan dalam perbankan pelaburan yang berkait dengan aktiviti-aktiviti selepas mendapat lesen daripada pihak berkuasa yang berkaitan daripada Brunei.
- (12) Pada 13 Disember 2007, Syarikat telah menebus keseluruhan RM150.0 juta amaun nominal 3.0% Bonds 2002/2007, yang mana sebelum ini diterbitkan pada 13 Disember 2002.
- (13) Pada 18 Januari 2008, Syarikat telah menubuhkan syarikat subsidiari yang dikenali sebagai AmG Insurance Berhad bagi memudahkan pembahagian komposit perniagaan insuran AmAssurance Berhad kepada pengasingan perniagaan insuran am dan nyawa.
- (14) Selepas mendapat kelulusan daripada badan-badan tertentu, AmBank telah menerbitkan Lima Tahap Nota Jangka Sederhana (“MTN”) berjumlah RM860.0 juta dibawah Program MTN nilai nominal berjumlah RM2.0 bilion. Kenaikan berterusan daripada Program MTN akan digunakan untuk pembiayaan semula hutang bersubordinat sedia ada dan untuk keperluan modal kerja am.

MTN diterbitkan dibawah Program MTN merangkumi modal Tahap 2 dibawah rangkakerja kecukupan modal untuk institusi-institusi kewangan dalam pematuhan dengan RangkaKerja Modal Kecukupan Berwajaran Risiko yang diterbitkan oleh BNM.

- (15) Selepas mendapat kelulusan daripada badan-badan tertentu pada 11 Mac 2008, AmBank bercadang menerbitkan Dolar Singapura (“SGD”) 425 juta Modal Tidak-Inovatif Tahap 1 (“NIT1”), merangkumi Modal Sekuriti Berterusan Tidak-Kumulatif (“NCPCS”) yang diterbitkan oleh AmBank, dimana mengokot kepada Nota-nota Bersubordinat (“SubNotes”) diterbitkan oleh AmCapital (L) Inc (“AmCapital”) (“Sekuriti Stapled”).

Sekuriti Stapled juga akan diterbitkan dan ditawarkan kepada individu yang tidak mempunyai kerakyatan Amerika Syarikat seperti yang ditentukan dalam Seksyen 902(k) Peraturan S dalam urusniaga luar pesisir dibawah Akta Sekuriti Amerika Syarikat 1933 (“Akta Sekuriti US”), digubal dari semasa ke semasa. Tambahan pula, Sekuriti Stapled hanya akan diterbitkan pada atau ditawarkan atau dilanggan oleh individu diluar Malaysia.

NCPCS dan SubNota tidak boleh diniagakan secara berasingan sehingga berlakunya Acara Tugasan Khas.

Bagi memudahkan Cadangan Terbitan NIT1, pada 26 Februari 2008 AmBank memperolehi tiga (3) saham-saham biasa bernilai USD1.00 setiap satu, mewakili keseluruhan modal saham berbayar dan diterbitkan AmCapital, merupakan syarikat tidak bergiat, untuk ganjaran tunai bernilai USD3.00, dan seterusnya menjadikan AmCapital syarikat subsidiari milik penuh AmBank.

AmCapital diperbadankan pada 2 Januari 2008 dan mempunyai modal saham dibenarkan bernilai USD10,000 dibahagikan kepada 10,000 saham-saham biasa bernilai USD1.00 setiap satu dimana tiga (3) saham-saham biasa bernilai USD1.00 setiap satu diterbitkan dan dibayar sepenuhnya. AmCapital diperbadankan bagi tujuan untuk menerbitkan SubNota.

Sekuriti Stapled di beri pemeringkatan BB oleh kedua-dua Fitch Ratings Ltd. and Standard & Poor’s, bahagian McGraw-Hill Companies, Inc.

# LAPORAN PENGARAH

## PERISTIWA-PERISTIWA SETERUSNYA

- (1) Pada 9 April 2008, AmBank menerbitkan Tahap Enam MTN berjumlah RM600.0 juta. Kenaikan berterusan akan digunakan untuk pembentukan semula hutang subordinat sedia ada. Terkini, AmBank telah menerbitkan sejumlah RM1,460.0 juta MTN dibawah RM2.0 bilion nilai nominal Program MTN.
- (2) Pada 11 Mac 2008, Syarikat telah mengumumkan Cadangan Penyusunan Semula Dalaman Kumpulan merangkumi:
  - (a) Pindahan aktiviti-aktiviti berdasarkan dana AmInvestment Bank merupakan 100% syarikat subsidiari milik penuh AIGB, kepada AmBank dan syarikat subsidiari milik penuh AmBank iaitu AmIslamic Bank Berhad (“AmIslamic”) (“Cadangan Pindahan Perniagaan”); dan
  - (b) Penjajaran semula struktur pemegangan saham untuk operasi syarikat subsidiari utama kepada pembentukan sepenuhnya Kumpulan Modal Pasaran Kumpulan Pengurusan Harta (Cadangan Pindahan Dalaman”).

Pada 11 Mac 2008, AmInvestment Bank memasuki Perjanjian Pindahan Perniagaan secara berasingan masing-masing dengan AmBank dan AmIslamic yang berkait dengan Cadangan Pindahan Perniagaan.

Bank Negara Malaysia (“BNM”) dan Kementerian Kewangan (“MOF”) telah meluluskan Cadangan Pindahan Perniagaan pada 19 Disember 2007. Dilaksanakan dengan cara arahan peletakan hak (“Arahan”) oleh Mahkamah Tinggi Malaya (“Mahkamah”) yang akan diperolehi oleh AmInvestment Bank, AmBank dan AmIslamic mengikut Seksyen 50 Akta Institusi Kewangan dan Perbankan 1989, dimana:-

- (i) Bergantung kepada syarat-syarat yang mungkin dipersetujui antara AmInvestment Bank dan AmBank, AmBank akan memperolehi aset-aset dan menganggap liabiliti yang berkaitan dengan Aktiviti Berdasarkan Dana konvensional AmInvestment Bank dimana akan termasuk 100% kepentingan pemegang saham AmInvestment Bank dalam AmInternational (L) Ltd, bank berlesen luar pesisir; dan
- (ii) Bergantung kepada syarat-syarat yang mungkin dipersetujui antara AmInvestment Bank dan AmIslamic, AmIslamic akan memperolehi aset-aset dan menganggap liabiliti yang berkaitan dengan Aktiviti Berdasarkan Dana Islam AmInvestment Bank berdasarkan nilai buku aset dan liabiliti pada tarikh Arahan yang sebenarnya. Ganjaran bagi Cadangan Pindahan Perniagaan, dikira atas dasar nilai buku aset yang diperolehi ditolak nilai buku anggaran liabiliti, akan dijelaskan dalam tunai oleh AmBank dan AmIslamic.

Selepas selesai Cadangan Pindahan Perniagaan, AmInvestment Bank akan menyusun semula dana modal dan sebarang lebihan akan diagihkan kepada Syarikat (melalui AIGB) bagi keperluan modal kerja.

Cadangan Pindahan Dalaman, yang menerima kelulusan dari BNM pada 19 Disember 2007, akan termasuk pindahan antara kumpulan dalam Kumpulan AmBank adalah seperti berikut:-

- (a) AmInvestment Bank akan memperolehi syarikat-syarikat berikut daripada AmSecurities Holding Sdn Bhd (“AMSH”):-
  - (i) AmFutures Sdn Bhd, broker hadapan berlesen untuk ganjaran tunai yang berdasarkan nilai buku;
  - (ii) AmResearch Sdn Bhd, terlibat dalam menyediakan nasihat pelaburan, untuk ganjaran tunai yang berdasarkan nilai buku; dan
- (iii) PT. AmCapital Indonesia (“AMCI”), pembrokeran stok berlesen, juga akan mengambil tatajamin dan aktiviti-aktiviti pengurusan pelaburan untuk ganjaran tunai yang berdasarkan kos pelaburan.

# LAPORAN PENGARAH

## PERISTIWA-PERISTIWA SETERUSNYA (SAMBUNGAN)

- (b) AIGB akan memperolehi syarikat-syarkat berikut daripada AmInvestment Bank:-
- (i) AmInvestment Management Sdn Bhd, syarikat pengurusan aset untuk ganjaran tunai yang berdasarkan nilai buku; dan
  - (ii) AmInvestment Services Berhad, syarikat pengurusan unit amanah untuk ganjaran tunai yang berdasarkan nilai buku.

Berikutnya kepada kelulusan MOF dan BNM, Cadangan Penyusunan Dalaman juga bergantung kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti untuk Cadangan Pindahan Dalaman (selain daripada AMCI), Badan Pengawas Pasar Modal dan Lembaga Kewangan untuk pindahan AMCI dan mana-mana pihak berkuasa, jika perlu.

Kelulusan daripada Pihak berkuasa Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan untuk pindahan AmInternational (L) Ltd, Ahli JawatanKuasa Pelaburan Luar Negara dan Mahkamah Tinggi Malaya untuk Cadangan Pindahan Perniagaan yang diperolehi masing-masing pada 21 Disember 2007, 7 Mac 2008 dan 12 April 2008.

Pada 12 April 2008, AmInvestment Bank telah selesai Pindahan Perniagaan bagi ganjaran tunai berjumlah RM1,370.5 juta berdasarkan pada nilai buku aset dan liabiliti pada 11 April 2008 mengikut kepada Perjanjian Pindahan Perniagaan bertarikh 11 Mac 2008 kepada AmBank dan AmIslamic.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	<b>Kumpulan RM'000</b>	<b>Syarikat RM'000</b>
Keuntungan sebelum pencukaian dan zakat	<b>1,194,437</b>	<b>100,527</b>
Pencukaian dan zakat	<b>(383,618)</b>	<b>(26,563)</b>
Keuntungan sebelum kepentingan minoriti	<b>810,819</b>	<b>73,964</b>
Kepentingan minoriti	<b>(142,277)</b>	<b>-</b>
Keuntungan bersih hak para pemegang saham Syarikat	<b>668,542</b>	<b>73,964</b>
Keuntungan tidak diagih pada awal tahun (dinyata semula)	<b>711,232</b>	<b>711,940</b>
Keuntungan untuk diagihkan	<b>1,379,774</b>	<b>785,904</b>
Pindahan kepada rizab berkanun	<b>(137,676)</b>	<b>-</b>
Dividen dibayar	<b>(78,831)</b>	<b>(78,831)</b>
Keuntungan tidak diagih pada akhir tahun	<b>1,163,267</b>	<b>707,073</b>

# LAPORAN PENGARAH

## RANCANGAN PERNIAGAAN DAN STRATEGI

AMMB Holdings Berhad (“Kumpulan”) berkomitmen untuk mempertahankan tarafnya sebagai perkhidmatan kumpulan kewangan yang terunggul di Malaysia dan menguasai pasaran dalam segmen-segmen produk-produk utama. Dengan usaha memperjuangkan tema utama perkhidmatan berkualiti, Kumpulan akan menyediakan kombinasi produk-produk berkualiti pada harga pasaran bersaingan dan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan. Pelaburan adalah saling melengkapi antara kedua-dua infrastruktur dan keupayaan pembangunan baru dalam proses-proses operasi, pengurusan risiko, MIS, modal insan dan perkembangan bakat, dan pembangunan jualan yang betaraf dunia.

18 Mei 2007 merupakan peristiwa penting dalam sejarah Kumpulan. Perkongsian yang strategik dengan Australia and New Zealand Banking Group Limited (“ANZ”) telah disempurnakan, menandakan satu permulaan perjalanan yang baru, masa depan yang cerah dan peluang-peluang yang menjanjikan harapan. Kumpulan akan mengambil peluang terhadap pendedahan ANZ kepada perniagaan-perniagaan antarabangsa, sistem-sistem perbankan dan peluang-peluang antara sempadan di Asia dan Pacific bagi menaikkan ekuiti jenama. Pertumbuhan aset dan pendapatan akan diberikan fokus kepada semua bahagian termasuk perbankan runcit dan perniagaan, perbankan pelaburan dan insurans.

Untuk perniagaan runcit dan komersil, penambahan sedang dilaksanakan bagi memberi khidmat pelanggan yang lebih komprehensif. Inisiatif ini termasuklah inovasi baru, mempakejkan semula dan mengumpulkan produk-produk termasuk pinjaman hartanah perumahan dan komersil bagi tujuan pembiayaan semula sektor-sektor, pergabungan kad-kad pra-bayar dengan syarikat-syarikat luar yang besar, dan skim-skim pembiayaan mikro bagi syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Proses-proses perniagaan telah disusun atur semula dengan mempraktikkan kemahiran ANZ dalam pengurusan saluran pengedaran, perkembangan produk dan pengurusan risiko.

Agenda strategik utama ialah pertumbuhan urusniaga-uruniaga deposit (akaun simpanan dan semasa). Inisiatif pertumbuhan deposit berasaskan kepada permerolehan akaun-akaun baru, peningkatan pengaktifan, mencegah ketidakaktifan dan penutupan, peningkatan pengurusan wang dan pengunaan perkhidmatan perdagangan dan jualan antaraan kepada pelanggan-pelanggan Kumpulan. Bahagian runcit dan pembiayaan komersil juga akan terus mengembangkan rangkaian cawangan, saluran-saluran elektronik, perbankan internet, perbankan bergerak dan perhubungan perniagaan bertujuan bagi pertumbuhan deposit, termasuk produk-produk pendapatan yuran lain dan perkhidmatan.

Kumpulan akan terus mempertahankan penguasaannya sebagai pembiayaan utama dalam sektor pembiayaan kenderaan, disamping mengarahkan semula pertumbuhan keatas segmen-segmen perniagaan yang lebih menguntungkan. Kualiti aset terus menunjukkan peningkatan apabila Kumpulan telah berjaya menyempurnakan aktiviti penghapusan pinjaman-pinjaman tidak berbayar (“NPL”) berjumlah RM549 juta dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008. Ini dilengkapi dengan pemulihan hutang-hutang, strategi pungutan dan pengurusan pemulihan.

Dalam cabang perbankan pelaburan, pada 15 Januari 2008 Kumpulan telah menyempurnakan penswastaan AmlInvestment Group Berhad (“AIGB”) dan menjadikan AIGB subsidiari miliki penuh AMMB Holdings Berhad. Berikut itu, penyusunan semula dalaman perniagaan telah diselesaikan pada 12 April 2008, dengan pemindahan pembiayaan syarikat-syarikat besar dan aktiviti perbendaharaan AmInvestment Bank Berhad ke AmBank (M) Berhad dan AmlIslamic Bank Berhad. Kini, AIGB memberikan tumpuan kepada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan ekuiti, aktiviti pasaran modal, khidmat nasihat syarikat dan pengurusan dana.

Di bawah struktur operasi yang telah diselaraskan, AIGB berada dalam posisi yang baik menanamkan kepentingannya sebagai “Francais Tempatan dengan Laluan Pengedaran Sedunia dan Tempatan” dalam pasaran modal. Inisiatif berterusan akan memberi tumpuan kepada pengukuhan francais, mempelbagaikan pendapatan serta membina imej melalui kepelbagaian dan menerima pakai teladan yang baik. Perbankan pelaburan telah konsisten dalam usaha memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan baru yang menarik. Bagi mencapai keperluan peningkatan permintaan pelanggan-pelanggan syarikat besar serta perbankan persendirian dan segmen-segmen pengurusan harta.

Jabatan perniagaan insurans beroperasi dengan model cawangan baru menyediakan tempat untuk mengembangkan tenaga agensi dan penebusan perniagaan bancassurance yang tinggi. Dalam persediaan pelonggaran dalam industri insurans, usaha bagi mengasingkan lesen perniagaan insurans nyawa dan am AmAssurance Berhad sedang dilaksanakan. Inisiatif untuk menyelaraskan operasi-operasi insurans Kumpulan, dengan mengenali keperluan untuk pengkhususan dan pertumbuhan melalui penyatuan. Dalam perniagaan insurans am, rakan niaga strategik dengan Insurance Australia Group Limited (“IAG”) telah menganugerahkan Kumpulan dengan pengetahuan antarabangsa dan teladan perniagaan yang luas. Perolehan taktikal juga menjadi saranan untuk meluaskan skala perniagaan insurans am.

# LAPORAN PENGARAH

## TINJAUAN BAGI TAHUN KEWANGAN HADAPAN

Suasana makroekonomi tidak menentu dengan kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat hentaman kemelesetan sejagat berpotensi memberi kesan kepada ekonomi sedunia. Walaubagaimanapun, harga komoditi yang kukuh, permintaan tempatan dan pasaran eksport yang pelbagai dan produk-produk akan terus memanfaatkan Malaysia dan ekonomi dijangka berkembang daripada 4% ke 5% pada tahun 2008. Sektor perbankan menjangkakan permintaan sederhana untuk pembiayaan dari kedua-dua persendirian dan perniagaan terutamanya dengan pelaksanaan Pelan Malaysia Ke Sembilan (“9MP”).

Pasaran ekuiti akan menerima kesan akibat daripada perkembangan aliran yang akan mempengaruhi hampir semua pasaran-pasaran serantau, walaubagaimanapun, pasaran hutang dijangka tetap teguh memandangkan kecairan tempatan yang kukuh. Promosi aktif pembiayaan Islam daripada kerajaan Malaysia dan peningkatan permintaan untuk sekuriti bersyarat Syariah dari pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa mencurahkan dorongan bagi menerbit sekuriti pasaran modal.

Kedudukan Kumpulan kukuh bagi menempuh ketidak stabilan serantau dan sedunia. Langkah-langkah telah diambil bagi mengukuhkan kunci kira-kira dan kedudukan modal, menyediakan dasar bagi penubuhan inisiatif aset untuk masa hadapan. Didirikan atas reputasi jenama yang akan sentiasa ada dan francais pelanggan yang kukuh, Kumpulan akan merebut semua peluang kemajuan bagi mengukuhkan lagi status tara dengan bank-bank tempatan, serantau dan antarabangsa.

## BUTIRAN BERSIFAT LUAR BIASA

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tidak banyak terjejas oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan bersifat luar biasa selain daripada didedahkan dalam peristiwa-peristiwa penting di atas dan Nota 56 kepada penyata pendapatan.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan bersifat luar biasa yang mungkin, pada pendapat para pengarah, banyak menjaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi dua belas bulan yang berikutnya.

## DIVIDEN

Dalam tahun kewangan, Syarikat telah membayar dividen pertama dan terakhir sebanyak 5.0%, ditolak cukai 26.0%, bagi tahun kewangan sebelumnya berjumlah RM78,830,920 yang mana amaun tersebut telah diambil kira dalam laporan pengarah bagi tahun kewangan tersebut dan telah dibayar pada 19 Oktober 2007 kepada para pemegang saham yang namanya tersenarai di dalam Rekod Para Pelabur pada 4 Oktober 2007.

Bagi tahun kewangan semasa, para pengarah kini mencadangkan pembayaran dividen pertama dan terakhir sebanyak 6.0%, ditolak cukai 25.0%, berjumlah RM122,533,632 yang akan dibayar kepada para pemegang saham yang namanya berdaftar di dalam Daftar Para Ahli dan Rekod Para Pelabur pada tarikh yang akan ditentukan oleh para pengarah. Penyata kewangan untuk tahun kewangan semasa tidak meengambilkira cadangan dividen tersebut. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira di dalam dana pemegang saham sebagai agihan dari keuntungan tidak diagih di dalam tahun kewangan yang berikut berakhir 31 Mac 2009.

# LAPORAN PENGARAH

## RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Berikut adalah pindahan-pindahan penting ke (atau daripada) rizab dan peruntukan yang dibuat dalam tahun kewangan:

	Nota kepada Penyata Kewangan	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
(a) Rizab Berkanun Pindahan daripada keuntungan tidak diagihkan	33	<b>137,676</b>	-
(b) Rizab Sedia Untuk Dijual Timbul daripada kerugian belum direalisasi bersih atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dijual	33	<b>6,538</b>	-
(c) Rizab Naik Turun Pertukaran Mata Wang Asing Timbul daripada penterjemahan yang dinyatakan dalam mata wang asing syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu	33	<b>(2,131)</b>	-
(d) Peruntukan/(Masuk kira semula peruntukan): Faedah tergantung Peruntukan bagi kerugian pinjaman dan pembiayaan: Peruntukan tertentu - bersih Peruntukan am Pindahan ke rizab persamaan keuntungan Kemerosotan nilai ke atas: Sekuriti Amaun boleh diperolehi semula di bawah urusniaga sekuritasasi yang disokong aset	35 39 39	<b>98,355</b> <b>765,110</b> <b>67,107</b> <b>(18,211)</b> <b>111,958</b> <b>10,000</b>	- - - - - -

## HUTANG LAPUK DAN RAGU DAN PEMBIAYAAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan pembiayaan dan membuat peruntukan hutang ragu dan pembiayaan dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk dan pembiayaan yang dikenal pasti telah dihapuskan dan peruntukan yang secukupnya telah disediakan bagi hutang ragu dan pembiayaan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk dan pembiayaan dihapuskan atau jumlah peruntukan hutang ragu dan pembiayaan bagi Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi.

## ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang dan pembiayaan, yang tidak mungkin direalisasikan melalui urus niaga biasa, nilai seperti ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah dikurangkan nilai kepada nilai anggaran boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

## KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menampilkan pematuhan kaedah penilaian aset atau tanggungan yang sedia ada di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, mengelirukan atau tidak sesuai.

# LAPORAN PENGARAH

## TANGGUNGAN LUAR JANGKA DAN LAIN-LAIN LIABILITI

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan dan menjadi sandaran bagi pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka bagi Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan, melainkan yang ditanggung melalui operasi urus niaga biasa.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain yang boleh atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh akhir tempoh kewangan yang mana, pada pendapat para pengarah akan atau mungkin memberi kesan yang besar terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya.

## PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui akan adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang boleh menyebabkan sebarang amaun dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

## TERBITAN SAHAM DAN DEBENTUR

Dalam tahun kewangan, modal saham diterbitkan dan dibayar penuh Syarikat telah meningkat daripada 2,130,565,410 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu kepada 2,722,969,590 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dengan terbitan:

- (i) 132,496,745 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada RM2.19 sesaham sebelum Terbitan Hak dan RM2.15 sesaham selepas Terbitan Hak menerusi pelaksanaan saham waran 2003/2008 Syarikat. Premium saham terhasil berjumlah RM155,302,602 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.
- (ii) 70 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada RM6.51 per sesaham sebelum Terbitan Hak menerusi pelaksanaan saham waran 1997/2007 Syarikat. Premium saham terhasil berjumlah RM386 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.
- (iii) Terbitan hak sebanyak 295,972,939 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga RM3.40 sesaham pada kadar satu (1) saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu bagi setiap lapan (8) saham-saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 yang dipegang. Premium saham terhasil berjumlah RM 710,335,054 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.
- (iv) 163,934,426 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga RM3.05 sesaham pada kadar satu (1) saham biasa baru bernilai RM1.00 bagi setiap satu (1) CPS sedia ada bernilai RM1.00 setiap satu yang dipegang. Premium saham terhasil berjumlah RM366,065,574 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.

592,404,180 saham-saham biasa baru diterbitkan bertaraf pari passu dalam semua yang berkaitan dengan saham-saham biasa ada Syarikat.

Sepanjang tahun kewangan, Syarikat tidak menerbitkan sebarang saham dan debentur baru.

## OPSYEN SAHAM

Syarikat tidak memberi opsyen bagi mengambil alih saham yang tidak diterbitkan oleh Syarikat.

Tiada sebarang saham yang diterbitkan pada tahun kewangan ini menerusi pelaksanaan sebarang opsyen bagi mengambil alih saham-saham Syarikat. Pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang saham-saham tidak diterbitkan oleh Syarikat di bawah opsyen ini.

# LAPORAN PENGARAH

## WARAN

Syarikat tidak menerbitkan sebarang waran di sepanjang tahun kewangan.

- (i) Waran 1997/2007 telah dilembagakan di bawah Surat Ikatan Pol bertarikh 19 Mac 1997.

Ciri-ciri utama Waran 1997/2007 adalah seperti berikut:

- (a) Waran 1997/2007 memberi hak kepada pemegang yang berdaftar untuk melanggan satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga pelaksanaan sepanjang tempoh pelaksanaan.
- (b) Harga pelaksanaan adalah RM6.51 sesaham, dan boleh dibayar keseluruhannya dengan wang tunai. Harga pelaksanaan Waran 1997/2007 adalah tertakluk kepada pelarasan dalam keadaan tertentu menurut peruntukan Surat Ikatan Pol.
- (c) Tempoh Waran 1997/2007 adalah untuk lima (5) tahun kalender. Jangka masa ini telah dilanjutkan untuk lima tahun lagi dan akan matang pada 13 Mei 2007.

Pergerakan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Waran 1997/2007 dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

### Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu

	Baki pada 1.4.2007	Dilaksanakan	Dihapuskan	Baki pada 31.3.2008	-
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah Waran 1997/2007	143,534,078	70	143,534,008		-

- (ii) Waran 2003/2008 telah dilembagakan di bawah Surat Ikatan Pol bertarikh 29 November 2002 dan 29 Januari 2003.

Ciri-ciri utama Waran 2003/2008 adalah seperti berikut:

- (a) Setiap Waran 2003/2008 memberi hak kepada pemegang yang berdaftar untuk melanggan satu saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu pada harga pelaksanaan sepanjang tempoh pelaksanaan.
- (b) Harga pelaksanaan adalah RM2.15 sesaham, dan dibayar penuh secara wang tunai bagi setiap Waran 2003/2008 dipegang dari tarikh peruntukan. Harga pelaksanaan Waran 2003/2008 adalah tertakluk kepada pelarasan di dalam keadaan tertentu menurut peruntukan Surat Ikatan Pol.
- (c) Tempoh Waran 2003/2008 adalah untuk jangka masa permulaan lima (5) tahun kalender dan akan matang pada 20 Mac 2008.

Pergerakan saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah Waran 2003/2008 dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

### Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu

	Pelarasan			Baki pada	
	Baki pada 1.4.2007	Bagi Terbitan Hak	Dilaksanakan	Dihapuskan	31.3.2008
Bilangan saham belum diterbitkan di bawah waran 2003/2008	132,073,430	1,281,618	132,496,745	858,303	-

Berikutnya Terbitan Hak, pelarasan dibuat kepada harga pelaksanaan Waran 2003/2008 dari RM2.19 sesaham kepada RM2.15 sesaham dan peningkatan sebanyak 1,281,618 waran 2003/2008.

# LAPORAN PENGARAH

## PARA PENGARAH

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan lalu adalah:

Tan Sri Dato' Azman Hashim  
Dato' Azlan Hashim  
Tun Mohammed Hanif Omar (Pengarah Bebas)  
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman (Pengarah Bebas)  
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert (Pengarah Bebas)  
Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain (Pengarah Bebas)  
Dato' Izham Mahmud (Pengarah Bebas)  
Dr Robert John Edgar (dilantik pada 15.08.2007)  
En Alexander Vincent Thursby (dilantik pada 2.01.2008)  
En Peter John Hodgson (dilantik pada 15.08.2007)  
En Owen James Wilson (Pengarah gantian kepada Dr Robert dan En Peter)  
En Cheah Tek Kuang  
En Soo Kim Wai  
Puan Salina Binti Azman (tamat perkhidmatan pada 31.05.2007)

Mengikut Artikel 89 Tata Urusan Syarikat, Dato' Azlan Hashim, Tan Sri Datuk Dr Aris Osman@Othman, Dato Izham Mahmud dan En Soo Kim Wai bersara, dan oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

## KEPENTINGAN PENGARAH

Mengikut Artikel 97 Tata Urusan Syarikat, En Alexander Vincent Thursby bersara, dan oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Menurut Tata Urusan Syarikat, para pengarah tidak perlu memiliki saham di dalam Syarikat.

Kepentingan para pengarah dalam saham dan debentur Syarikat dan syarikat -syarikat subsidiari pada akhir tahun kewangan seperti tercatat dalam Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang disimpan oleh Syarikat di bawah Seksyen 134, Akta Syarikat 1965, adalah seperti berikut:

## KEPENTINGAN LANGSUNG

### Dalam Syarikat

#### Bilangan saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu

Saham	Waran	Baki pada 1.4.2007	Dilaksanakan/Belian	Terbitan Hak	Jualan	Baki pada 31.3.2008
Dato' Azlan Hashim		90,000	70,000	20,000	-	180,000
Dato' Izham Mahmud		4,670	-	2,330	-	7,000
En Cheah Tek Kuang		23,800	46,189	8,811	-	78,800

#### Bilangan Waran

Waran 2003/2008	Baki pada 1.4.2007	Dilaksanakan/Belian	Baki pada 31.3.2008
En Cheah Tek Kuang	46,189	-	46,189

# LAPORAN

## PENGARAH

### KEPENTINGAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

Dalam syarikat subsidiari,  
AmInvestment Group Berhad

Saham	Bilangan saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
	Baki pada 1.4.2007	Belian	* Jualan	Baki pada 31.3.2008
Tan Sri Dato' Azman Hashim	94,554,848	-	94,554,848	-
Dato' Azlan Hashim	980,000	-	980,000	-
Tun Mohammed Hanif Omar	200,000	-	200,000	-
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman	50,000	-	50,000	-
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert	50,000	-	50,000	-
Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain	50,000	-	50,000	-
Dato' Izham Mahmud				
- Dipegang secara langsung	101,070	-	101,070	-
- Dipegang secara nomini	6,000	-	6,000	-
En Cheah Tek Kuang	370,100	-	370,100	-
En Soo Kim Wai	100,000	-	100,000	-

\* Berikutnya kepada Penswastaan syarikat pegangan, AmInvestment Group Berhad oleh syarikat pegangan pelaburan induk, AMMB Holdings Berhad.

### KEPENTINGAN TIDAK LANGSUNG

Dalam Syarikat

Saham	Nama Syarikat	Bilangan saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
		Baki pada 1.4.2007	Waran Dilaksanakan /Belian	Terbitan Hak	Baki pada 31.3.2008
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmcorpGroup Berhad	700,742,421	41,572,771	53,350,147	315,514,006 <b>480,151,333</b>
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	439,047	-	-	439,047

Waran 2003/2008	Nama Syarikat	Bilangan Waran		
		Baki pada 1.4.2007	Dilaksanakan/ Belian	Baki pada 31.3.2008
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmcorpGroup Berhad	40,602,771	-	40,602,771
	AMDB Equipment Trading Sdn Bhd	22,682	-	22,682

# LAPORAN PENGARAH

## KEPENTINGAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

Dalam syarikat subsidiari,  
AmInvestment Group Berhad

### Bilangan saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu

Saham	Nama Syarikat	Baki pada 1.4.2007	Belian	*Jualan	Baki pada 31.3.2008
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmcorpGroup Berhad AMDB Equipment Trading Sdn Bhd Azman Hashim Holdings Sdn Bhd	157,656,926 100,646 209,502	- - -	157,656,926 100,646 209,502	- - -

\* Berikutkan kepada Penswastaan syarikat pegangan, AmInvestment Group Berhad oleh syarikat pegangan pelaburan induk, AMMB Holdings Berhad.

Berdasarkan pegangan saham yang dinyatakan di atas, para pengarah di atas dianggap mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan.

## MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada pengarah Syarikat telah menerima atau layak menerima sebarang ganjaran (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran pengarah yang telah diterima atau akan diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 41 penyata kewangan) atas sebab perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan dengan para pengarah atau dengan firma di mana para pengarah adalah ahli, atau syarikat di mana para pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar, kecuali urus niaga pihak berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Nota 40 kepada penyata kewangan.

Syarikat tidak terlibat dalam sebarang urusan semasa atau akhir tahun kewangan bertujuan bagi membolehkan para pengarah menerima manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau lain-lain badan korporat.

# LAPORAN PENGARAH

## URUS TADBIR KORPORAT

### (i) Pengawasan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah (“Lembaga”) komited sepenuhnya untuk memastikan prinsip dan amalan terbaik dalam urus tadbir korporat digunakan secara konsisten di dalam Kumpulan. Syarikat merupakan sebuah syarikat pegangang pelaburan. Di mana aktiviti-aktiviti perniagaan utama dikendalikan melalui pelbagai syarikat-syarikat subsidiari. Lembaga mengikut langkah-langkah terbaik dalam urus tadbir korporat seperti yang terdapat dalam Kod Malaysia urus tadbir korporat.

Lembaga mengawasi pengurusan perniagaan Kumpulan dan hal ehwal dengan matlamat meningkatkan nilai pemegang saham. Mesyuarat Lembaga dijadualkan setiap bulan bagi melaksanakan tugas serta bertanggungjawab, dengan mesyuarat tambahan diadakan jika dan apabila perlu.

Lembaga mengkaji perkara-perkara utama di bidang strategi, kewangan, struktur organisasi, pembangunan perniagaan, sumber manusia (tertakluk kepada perkara yang dirizabkan untuk mesyuarat pemegang saham mengikut undang-undang) dan mengasaskan garis panduan untuk keseluruhan perniagaan, polisi risiko dan kawalan, peruntukan modal dan meluluskan perubahan utama dalam aktiviti perniagaan Kumpulan.

Lembaga pada masa ini terdiri daripada dua belas (12) pengarah yang mempunyai kemahiran dan pengalaman luas, yang mana lima (5) adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Para Pengarah menyertai sepenuhnya dalam proses membuat keputusan dalam isu-isu penting berhubung Syarikat dan subsidiarinya. Para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas memastikan strategi-strategi yang dicadangkan oleh pihak pengurusan dibincangkan dan diperiksa sepenuhnya, serta mengambil kira kepentingan jangka panjang para pemegang amanah harta.

Terdapat pembahagian yang nyata antara peranan-peranan yang dimainkan oleh Pengerusi dan Ketua Eksekutif Operasi subsidiari-subsidiari.

Kumpulan Pengurusan Kanan syarikat subsidiari dijemput menghadiri Mesyuarat Lembaga untuk memberi penerangan terperinci dan penjelasan tentang perkara-perkara yang dibawa ke Lembaga. Setiausaha Kumpulan telah diberi kuasa oleh Lembaga di dalam hal-hal urus tadbir dan pematuhan kewajipan berkanun.

### (ii) Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga

Lembaga membahagikan tanggungjawab tertentu kepada Jawantankuasa Lembaga. Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam bidang perbincangan tertentu adalah:

1. Jawatankuasa Pencalonan
2. Jawatankuasa Ganjaran
3. Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan
4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan
5. Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan

Peranan dan tanggungjawab setiap jawatankuasa diwujudkan berdasarkan terma rujukan yang telah diluluskan oleh Lembaga. Minit mesyuarat Jawatankuasa akan dibentangkan pada mesyuarat Pengarah berikutnya bagi tujuan pendapat dan notasi

# LAPORAN

## PENGARAH

### URUS TADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

#### (ii) Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga (Sambungan)

Kehadiran ahli-ahli Lembaga di mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan pelbagai Jawatankuasa Lembaga adalah seperti berikut:

**Bilangan mesyuarat yang dihadiri dalam Tahun Kewangan ("TK") 2008**

	<b>Lembaga Pengarah</b>	<b>Jawatankuasa Pencalonan</b>	<b>Jawatankuasa Ganjaran</b>	<b>Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan</b>	<b>Pengurusan Risiko AMMB Holdings</b>	<b>Jawatankuasa ditubuhkan pada 23.11.2007</b>	<b>Kumpulan Teknologi Maklumat</b>
Tan Sri Dato' Azman Hashim	14	3	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
Dato' Azlan Hashim	11	2	2	3		T/B	7
		(letak jawatan 19.10.07)					
Tun Mohammed Hanif Omar	14	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman	14	3 (Pengerusi)	T/B	4 (Pengerusi)	2 (berkuatkuasa 3.10.07)	2	T/B
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert	14	3	T/B	2 (berkuatkuasa 3.10.07)	2 (Pengerusi) (berkuatkuasa 3.10.07)	2	T/B
Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain	12	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
Dato' Izham Mahmud	12	3	2 (Pengerusi)	4		T/B	T/B
Dr Robert John Edgar	6 (berkuatkuasa 15.08.07)	1 (berkuatkuasa 3.10.07)	T/B	2 (berkuatkuasa 3.10.07)		T/B	T/B
Alexander Vincent Thursby	2 (berkuatkuasa 2.01.08)	T/B	T/B	T/B		T/B	T/B
Peter John Hodgson	6 (berkuatkuasa 15.08.07)	T/B	Tiada (berkuatkuasa 3.10.07)	T/B	2 (berkuatkuasa 3.10.07)	T/B	T/B
Cheah Tek Kuang	14	T/B	T/B	T/B		T/B	4
Soo Kim Wai	14	T/B	2	T/B		T/B	T/B
Bilangan mesyuarat yang diadakan dalam TK2008	14	3	2	4	2		7

Note: 1. Semua kehadiran menunjukkan bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh perkhidmatan Pengarah.

2. T/B menunjukkan bukan ahli.

#### Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa merangkumi lima (5) pengarah dimana sebahagian besarnya merupakan pengarah bebas. Ia bertanggungjawab mengkaji struktur, saiz dan komposisi Lembaga serta mencadangkan kepada Lembaga mengenai sebarang perubahan tidak langsung. Lembaga juga mencadangkan perlantikan pengarah baru bagi Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta mengkaji setiap tahun prestasi Lembaga, ahli jawatankuasa Lembaga dan para pengarah secara individu, mengkaji keperluan kemahiran dan pengalaman dan kualiti serta kebolehan lain Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ke dalam Lembaga.

Lembaga Pengarah, atas cadangan Jawatankuasa Pencalonan juga telah meluluskan mekanisma bagi mengkaji secara formal keberkesanan Lembaga secara keseluruhannya dan jawatankuasa dan sumbangan Pengerusi dan setiap Pengarah terhadap keberkesanan Lembaga.

Sepanjang tahun kewangan 31 Mac 2008, telah diadakan tiga (3) mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan.

# LAPORAN PENGARAH

## URUS TADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

### Jawatankuasa Ganjaran

Semua ahli Jawatankuasa ini adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Jawatankuasa bertanggungjawab menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga rangka kerja atau polisi lembaga bagi ganjaran para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan Pengurusan Kanan lain.

Ganjaran untuk para pengarah ditentukan pada tahap yang membolehkan Kumpulan menarik dan mengekalkan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan Pengurusan Kanan lain yang mempunyai kepakaran yang relevan dan pengalaman yang diperlukan untuk mengurus Kumpulan dengan berkesan. Khidmat nasihat digunakan untuk mengkaji perkaedahan bagi menganugerahkan Pengarah-pengarah Eksekutif dan Kakitangan Pengurusan berdasarkan Petunjuk Kunci Prestasi yang diperlukan untuk dicapai.

### Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan

Lembaga telah melantik Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (AEC) bagi membantu menuaikan tanggungjawabnya untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi aset Kumpulan dan pelaburan para pemegang saham.

Penyata kewangan, dasar-dasar perakaunan dan sistem kawalan dalaman perakaunan adalah tanggungjawab Lembaga melalui AEC. AEC bermesyuarat dalam tahun bagi mengkaji skop kedua-dua fungsi audit dalaman dan juruaudit berkanun, keputusan yang dicapai serta penilaian sistem kawalan dalaman. Penyata kewangan disatukan Kumpulan dan penyata kewangan Syarikat telah dikaji oleh AEC sebelum diserahkan kepada pengarah Syarikat untuk penyerapan.

Selain itu, AEC telah mengkaji syarat-syarat kelulusan dan pendedahan urus niaga pihak-pihak yang berkaitan, mengkaji proseduryang telah diambil oleh Kumpulan bagi tujuan mengenal pasti dan melapor dimana perlu, mendapatkan kebenaran bagi urus niaga berkaitan dan dengan bantuan juruaudit dalaman, mengkaji urus niaga pihak-pihak berkaitan.

### Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko merupakan bahagian yang penting dalam proses membuat keputusan strategik Kumpulan untuk memastikan objektif-objektif korporat selaras dengan pulangan risiko yang betul. Lembaga meluluskan strategi pengurusan risiko dan menetapkan had toleransi risiko; dan meluluskan aktiviti-aktiviti selepas mengambil kira kapasiti tanggungan risiko dan persediaan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengarah ditubuhkan di AmlInvestment Bank, AmBank dan AmlIslamic Bank bagi menyelia seluruh pengurusan kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan, modal dan risiko strategik yang membawa kesan kepada Kumpulan serta memastikan proses pengurusan risiko berfungsi dengan lancar.

Jawatankuasa ini bebas dari pengurusan dan merangkumi hanya pengarah-pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa memastikan had toleransi Lembaga dikuatkuasakan sepenuhnya, serta mengkaji pendedahan kepada had risiko tinggi dan keputusan pengagihan modal serta memastikan bahawa kesemua ini adalah dalam kepentingan Kumpulan. Ia juga mengkaji keupayaan bagi berhadapan dengan risiko ini dalam keadaan normal dan tertekan.

Jabatan Pengurusan Risiko bebas daripada pelbagai unit perniagaan dan memainkan peranan sebagai mangkin bagi membangunkan dan mengekalkan polisi yang menyeluruh serta mengurus polisi, strategi dan prosedur dengan teliti dalam Kumpulan. Fungsi-fungsinya merangkumi penyelidikan dan analisis, laporan portfolio pendedahan risiko, penyeliaan pematuhan, perumusan polisi-polisi dan metodologi penilaian risiko dan perumusan strategi risiko.

# LAPORAN

# PENGARAH

## URUS TADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

### Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan

Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan (“GITC”) merangkumi dua (2) ahli. Jawatankuasa bertanggungjawab menentukan dan mencadangkan kepada Lembaga mengenai perkembangan IT dalam Kumpulan sejajar dengan objektif dan strategi perniagaan dan berkhidmat sebagai parti bebas dan objektif dalam meneliti penggunaan sumber-sumber IT Kumpulan termasuk peralatan komputer, perisian, tenaga kerja dan lain-lain pelaburan yang berkaitan dengan IT.

Tambahan itu, GITC juga mengkaji dan mencadangkan untuk kelulusan oleh pelbagai syarikat dalam Kumpulan, bagi sebahagian besar perolehan IT dan memastikan perolehan selaras dengan rancangan IT.

Sepanjang tahun kewangan 31 Mac 2008, telah diadakan tujuh (7) mesyuarat GITC.

### Audit Dalaman dan Aktiviti Kawalan Dalaman

Jabatan Audit Dalaman melapor kepada AEC dan Ketua Audit Dalaman Kumpulan. Ia membantu Lembaga Pengarah mengkaji serta melapor risiko perniagaan dan kawalan dalaman dan beroperasi berdasarkan rangka kerja yang didefinisikan dalam Piagam Audit.

AEC meluluskan pelan audit tahunan Audit Dalaman yang merangkumi audit bagi unit dan operasi utama dalam Kumpulan. Keputusan setiap audit diserahkan kepada Jawatankuasa Audit Kumpulan & Pemeriksaan dan semua perkara-perkara penting akan dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan. Keputusan mesyuarat Audit dan Pemeriksaan akan dibentangkan secara formal di Lembaga Pengarah bagi tujuan notasi dan pengambilan tindakan dimana perlu. Ketua Audit Dalaman Kumpulan dan juruaudit luar akan menyertai mesyuarat ini melalui jemputan.

Skop audit dalaman merangkumi kajian kecukupan proses pengurusan risiko, kawalan operasi, kawalan kewangan, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan, serta keberkesanan pengurusan, latihan pembiayaan dan teknologi maklumat, termasuk pelbagai sistem aplikasi dalam produksi, pengumpulan maklumat dan rangkaian sekuriti.

Audit Dalaman memberi tumpuan kepada pelaksanaan audit berdasarkan pelan audit, yang memberi keutamaan kepada penilaian risiko audit yang menyeluruh terhadap semua bahagian yang penting dan perlu diaudit dalam Kumpulan. Struktur penilaian risiko audit memastikan kesemua bahagian risiko yang dikenal pasti diberi perhatian bagi memastikan keberkesanan liputan audit dan kekerapan audit. Pelan audit yang berasaskan risiko dikaji setiap tahun bagi mengenal pasti perubahan kewangan yang penting dalam persekitaran perniagaan dan risiko.

Audit Dalaman juga aktif dalam aktiviti pembangunan sistem yang penting dan dalam jawatankuasa projek bagi tujuan memberi nasihat dalam bidang pengurusan risiko dan langkah-langkah kawalan dalaman.

### (iii) Maklumat Pengurusan

Kesemua Pengarah mengkaji kertas kerja dan laporan Lembaga sebelum setiap mesyuarat Lembaga. Maklumat dan keterangan berkaitan dengan operasi Syarikat dan subsidiarinya yang penting bagi pengetahuan Pengarah berkaitan perkara-perkara dalam agenda mesyuarat dan perkara-perkara lain yang berkaitan akan diedarkan sebelum mesyuarat dimulakan. Laporan Lembaga, termasuk minit mesyuarat kesemua jawatankuasa Lembaga, keputusan pencapaian bulanan Kumpulan, pengurusan risiko kredit, aset liabiliti dan pengurusan risiko pasaran dan pencapaian industri serta pembangunan peraturan yang sedia ada dan persekitaran ekonomi dan perniagaan.

Kesemua laporan tersebut diterbitkan awal bagi membolehkan para pengarah mempunyai masa untuk memperolehi keterangan dan dimana perlu, diberikan taklimat dengan teliti sebelum mesyuarat. Lembaga akan memberi pendapat berdasarkan polisi Kumpulan.

# LAPORAN PENGARAH

## PENGIKTIRAFAN OLEH AGENSI LUAR

Taraf AA3/P1 dari RAM dan AA-/MARC-1 dari Malaysian Rating Corporation Berhad untuk AmInvestment Bank telah dilengkapi dengan pemeringkatan antarabangsa BB+/B dari Standard and Poor's dan BB+/B dari Fitch Ratings Singapore Pte Ltd ("Fitch"). RM1.0 bilion Deposit Instrumen Boleh Niaga jangka panjang telah di beri pemeringkatan dengan taraf jangka panjang AA3 oleh RAM. RM 460.0 juta Bon Bersubordinat Boleh Ditebus dan Tidak Bercagar dan RM200.0 juta Bon Bersubordinat Tahap 2 masing-masing telah diberi pemeringkatan jangka panjang A1 oleh Rating Agency Malaysia Berhad.

Taraf jangka panjang AmBank (M) telah dinaikkan kepada A1 sementara jangka pendek kekal tidak berubah pada taraf P1 telah diperakui oleh RAM. AmBank (M) telah diberi pemeringkatan antarabangsa Baa2/P-3 dari Moody's Investors Service. BBB-/A-3 dari Standard & Poor's and BBB-/F3 dari Fitch. Sementara itu, taraf jangka panjang dan jangka pendek BBB-/A3 telah diperakui semula oleh Capital Intelligence.

RAM telah memberi pemeringkatan jangka panjang A2 kepada RM200.0 juta Bon Bersubordinat Boleh Ditebus dan Tidak Bercagar dan RM575.0 juta Bon Boleh Tukar AmBank(M). RAM juga memberi taraf jangka panjang A2 kepada RM2.0 bilion Program Nota Berjangka-Sederhana.

Sekuriti Hibrid telah diberi taraf Ba2 oleh Moody's Investor Service, BB oleh Standard & Poor's dan BB oleh Fitch.

Fitch dan Standard & Poor's telah memberi pemeringkatan jangka panjang BB kepada dolar Singapura-Sekuriti Stapled.

RAM telah menaik taraf jangka panjang AmIslamic Bank kepada A1, sementara jangka pendek kekal tidak berubah pada taraf P1. RM400.0 juta Sukuk Musyarakah bersubordinat AmIslamic juga telah dinaik taraf kepada A2 oleh RAM.

## JAWATANKUASA SHARIAH

Jawatankuasa Shariah merangkumi tiga (3) penasihat, ditubuhkan di bawah "Garis Panduan Urus Tadbir Jawatankuasa Shariah bagi Institusi Kewangan Islam (BNM/GPS 1)" yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia bagi memberi nasihat serta petunjuk kepada Lembaga Pengarah ke atas semua aspek berkaitan dengan prinsip Shariah termasuk pembangunan produk, pasaran dan pelaksanaan. Penasihat Shariah turut membantu dalam pembentukan perniagaan dan prosedur operasi yang berkaitan dengan pematuhan kepada prinsip Shariah

## JURUAUDIT

Juruaudit Tetuan Ernst & Young, menyatakan kesanggupan untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah.



**TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM**

Kuala Lumpur, Malaysia  
Tarikh: 13 Mei 2008



**CHEAH TEK KUANG**

# KENYATAAN OLEH PARA PENGARAH

MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, **TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM** dan **CHEAH TEK KUANG**, bagi pihak pengarah-pengarah AMMB HOLDINGS BERHAD, dengan bangganya menyatakan bahawa pada pendapat mereka, penyata kewangan adalah disediakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia seperti yang diubahsuai mengikut Garis Panduan Bank Negara Malaysia supaya memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2008 dan keputusan serta perubahan dalam ekuiti dan aliran wang tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah.

TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM

CHEAH TEK KUANG

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: 13 Mei 2008

# PERAKUAN BERKANUN

MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, **ARUNASALAM MUTHUSAMY**, pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan **AMMB HOLDINGS BERHAD**, dengan tulus ikhlas mengakui bahawa penyata kewangan adalah pada pendapat saya, benar, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar, dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas  
**ARUNASALAM MUTHUSAMY** di Kuala Lumpur  
dalam Wilayah Persekutuan pada 13 Mei 2008

Dihadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

Dikemukakan bagi pihak :

Alamat: Tingkat 22, Bangunan AmBank Group,  
No. 55 Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur.  
Nombor Telefon: 03-20362633/44/55



ARUNASALAM MUTHUSAMY

# LAPORAN JURUAUDIT

KEPADА PEMEGANG SAHAM (DIPERBADANKAN DI MALAYSIA) AMMB HOLDINGS BERHAD

Kami telah mengaudit penyata kewangan. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat kami mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami dan untuk melaporkan pendapat kami, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada sesiapa orang yang lain bagi isi kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut adalah bebas dari salah nyata yang ketara. Audit merangkumi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pernyataan dalam penyata kewangan berkenaan. Audit juga merangkumi penilaian terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian terhadap pembentangan penyata kewangan keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965, Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia seperti yang diubahsuai mengikut Garis Panduan Bank Negara Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai:
  - (i) kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2008 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir; dan
  - (ii) perkara-perkara yang diperlukan menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk dinyatakan dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftarnya yang diperlukan menurut Akta tersebut disimpan oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya yang diauditkan oleh kami telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta tersebut.

Kami telah meneliti penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat-syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh kami, sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 15 kepada penyata kewangan, yang mana penyata kewangan mereka telah dimasukkan dalam penyata kewangan yang disatukan.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan syarikat subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan bagi syarikat subsidiari yang diperbadankan di Malaysia tidak mengandungi sebarang ulasan di bawah Seksyen 174(3) Akta berkenaan.

  
**ERNST & YOUNG**  
AF : 0039  
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur, Malaysia  
Tarikh: 13 Mei 2008

  
**LIM SAW KENG**  
No.2215/10/09(J)  
Rakan Kongsi

# KUNCI

# KIRA-KIRA

PADA 31 MAC 2008

	Nota	2008 Kumpulan RM'000	2008 Syarikat RM'000	2007 Kumpulan RM'000	2007 Syarikat RM'000
<b>ASET</b>					
Wang tunai dan dana jangka pendek	5	<b>10,958,364</b>	<b>315,078</b>	10,593,220	52,964
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	6	<b>52,468</b>	-	501,431	43,450
Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi	7	<b>1,387,810</b>	<b>15,034</b>	1,639,857	146,331
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	8	<b>6,699,010</b>	<b>20,000</b>	6,918,905	20,000
Sekuriti sedia untuk dijual	9	<b>1,850,935</b>	<b>3,978</b>	1,855,529	2,000
Sekuriti dipegang sehingga matang	10	<b>1,179,878</b>	-	2,312,570	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	11	<b>52,453,593</b>	-	47,610,755	-
Aset kewangan derivatif	12	<b>370,681</b>	-	400,312	-
Aset-aset lain	13	<b>2,231,758</b>	<b>26,973</b>	2,151,703	29,697
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	14	<b>1,660,197</b>	-	1,807,058	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	15	-	<b>6,543,314</b>	-	3,700,154
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	16	<b>1,301</b>	-	1,754	-
Bayaran pajakan tanah prabayar	17	<b>7,059</b>	-	7,156	-
Hartanah dan peralatan	18	<b>225,616</b>	<b>900</b>	234,000	1,129
Aset dana nyawa	54	<b>1,702,469</b>	-	1,458,908	-
Aset cukai tertunda	43	<b>608,583</b>	-	901,258	-
Aset tak ketara	19	<b>1,801,985</b>	-	588,442	-
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>83,191,707</b>	<b>6,925,277</b>	78,982,858	3,995,725
<b>LIABILITI DAN EKUITI</b>					
Deposit daripada pelanggan	20	<b>47,767,451</b>	-	42,381,662	-
Deposit dan penempatan bank dan lain-lain institusi kewangan	21	<b>15,118,689</b>	-	17,441,339	-
Obligasi atas jualan sekuriti bawah perjanjian beli-balik	22	-	-	3,140,243	-
Bil dan penerimaan belum bayar	23	<b>1,909,243</b>	-	1,461,577	-
Obligasi rekursa atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	24	<b>243,979</b>	-	755,061	-
Liabiliti kewangan derivatif	12	<b>410,929</b>	-	470,742	-
Liabiliti-liabiliti lain	25	<b>3,250,328</b>	<b>3,684</b>	3,125,060	7,044
Pinjaman berjangka	26	<b>1,790,844</b>	<b>1,506,000</b>	309,680	206,000
Pinjaman berjangka bersubordinat	27	<b>460,000</b>	-	460,000	-
Bon tidak bercagar	28	<b>1,750,000</b>	-	1,322,795	147,795
Nota-nota berjangka sederhana	29	<b>860,000</b>	-	-	-
Modal hibrid	30	<b>673,830</b>	-	666,474	-
Tanggungan dana nyawa	54	<b>189,819</b>	-	172,281	-
Dana pemegang polisi nyawa	54	<b>1,512,650</b>	-	1,286,627	-
Jumlah liabiliti		<b>75,937,762</b>	<b>1,509,684</b>	72,993,541	360,839
Modal saham	32	<b>2,722,970</b>	<b>2,722,970</b>	2,130,565	2,130,565
Rizab	33	<b>4,446,623</b>	<b>2,692,623</b>	2,657,236	1,504,321
Ekuiti yang berkaitan dengan pemegang ekuiti Syarikat		<b>7,169,593</b>	<b>5,415,593</b>	4,787,801	3,634,886
Kepentingan minoriti	34	<b>84,352</b>	-	1,201,516	-
Jumlah ekuiti		<b>7,253,945</b>	<b>5,415,593</b>	5,989,317	3,634,886
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI</b>		<b>83,191,707</b>	<b>6,925,277</b>	78,982,858	3,995,725
<b>PENGLIBATAN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKA</b>	49	<b>57,539,798</b>	-	48,568,133	-
<b>ASET BERSIH SESAHAM (RM)</b>	52	<b>2.63</b>	<b>1.99</b>	2.25	1.71

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# PENYATA

## PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2008

	Nota	2008	2007		
		Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<b>Pendapatan operasi</b>	53	<b>6,007,582</b>	<b>134,766</b>	5,497,289	107,217
Pendapatan faedah	35	<b>3,783,729</b>	<b>26,688</b>	3,366,912	10,068
Perbelanjaan faedah	36	<b>(2,153,121)</b>	<b>(30,717)</b>	(1,994,802)	(22,732)
Pendapatan/(Perbelanjaan) faedah bersih		<b>1,630,608</b>	<b>(4,029)</b>	1,372,110	(12,664)
Pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam	58(xxv)	<b>517,185</b>	-	506,102	-
Pendapatan operasi lain	37	<b>1,218,824</b>	<b>108,078</b>	1,150,040	97,149
Pendapatan bersih		<b>3,366,617</b>	<b>104,049</b>	3,028,252	84,485
Perbelanjaan operasi lain	38	<b>(1,552,272)</b>	<b>(3,522)</b>	(1,356,845)	(23,737)
Keuntungan operasi		<b>1,814,345</b>	<b>100,527</b>	1,671,407	60,748
Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	39	<b>(512,183)</b>	-	(1,519,481)	-
Pindahan dari rizab persamaan keuntungan	25	<b>18,211</b>	-	60,912	-
Kerugian kemerosotan nilai atas:					
Sekuriti		<b>(111,958)</b>	-	(283,758)	-
Amaun boleh diperolehi semula di bawah urusniaga sekuritisasi yang disokong aset		<b>(10,000)</b>	-	(10,000)	-
Aset diperolehi hasil pertukaran hutang		<b>(45)</b>	-	(2,555)	-
Peruntukan pelbagai hutang ragu belum terima - bersih		<b>(2,292)</b>	-	(2,205)	-
(Peruntukan)/Masuk kira semula peruntukan penglibatan dan tanggungan luar jangka		<b>(1,641)</b>	-	25	-
Keuntungan sebelum bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu dan pencukaian		<b>1,194,437</b>	<b>100,527</b>	(85,655)	60,748
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu		-	-	1,043	-
<b>Keuntungan/(Kerugian) sebelum pencukaian dan zakat</b>		<b>1,194,437</b>	<b>100,527</b>	<b>(84,612)</b>	<b>60,748</b>
Pencukaian dan zakat	42	<b>(383,618)</b>	<b>(26,563)</b>	(44,285)	(22,256)
Keuntungan/(Kerugian) bagi tahun		<b>810,819</b>	<b>73,964</b>	(128,897)	38,492
Diagihkan kepada:					
Para pemegang saham Syarikat		<b>668,542</b>	<b>73,964</b>	(282,456)	38,492
Kepentingan minoriti		<b>142,277</b>	-	153,559	-
Keuntungan/(Kerugian) bagi tahun		<b>810,819</b>	<b>73,964</b>	(128,897)	38,492
<b>Pendapatan/(Kerugian) sesaham (sen)</b>	45	<b>28.24</b>	<b>3.12</b>	(13.26)	1.81
Asas		<b>27.91</b>	<b>3.09</b>	(13.26)	1.76
<b>Dividen pertama dan terakhir sesaham biasa (sen)</b>		<b>6.0</b>	<b>6.0</b>	5.0	5.0
Kasar		<b>4.4</b>	<b>4.4</b>	3.7	3.7

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# PENYATA

## PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2008

Kumpulan	Hak Para Pemegang Saham Syarikat									
	Tidak boleh diagihkan					Boleh diagihkan				
	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab modal RM'000	Rizab sedia untuk dijual RM'000	Rizab pertukaran mata wang asing RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan Minoriti RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000	
<b>Pada 1 April 2006</b>										
Dinyatakan sebelum ini	2,130,534	791,550	1,000,417	9,713	15,736	1,199,136	5,147,086	1,108,820	6,255,906	
Pelarasan tahun lepas				-	-	(8,626)	(8,626)	-	(8,626)	
Pada 1 April 2006 (dinyatakan semula)	2,130,534	791,550	1,000,417	9,713	15,736	1,190,510	5,138,460	1,108,820	6,247,280	
Keuntungan belum direalisasi bersih ke atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dijual	-	-	-	26,649	-	-	26,649	-	26,649	
Pindahan daripada penyata pendapatan	-	-	107,340	-	-	(107,340)	-	-	-	
Pelarasan pertukaran mata wang	-	-	-	-	(5,439)	-	(5,439)	-	(5,439)	
(Perbelanjaan)/Pendapatan bersih yang diiktiraf langsung dalam ekuiti	-	-	107,340	26,649	(5,439)	(107,340)	21,210	-	21,210	
(Kerugian)/Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	-	(282,456)	(282,456)	153,559	(128,897)	
Jumlah keuntungan/(perbelanjaan) bersih yang diiktiraf untuk tahun	-	-	107,340	26,649	(5,439)	(389,796)	(261,246)	153,559	(107,687)	
Timbul dari tawaran penjualan terhad AmFirst REIT <sup>AA</sup>	-	-	-	-	-	(12,783)	(12,783)	-	(12,783)	
Diterbitkan berikutan pelaksanaan waran 2003/2008	31	38	-	-	-	-	69	-	69	
Timbul dari perolehan AmPrivate Equity Sdn Bhd	-	-	-	-	-	-	-	4,500	4,500	
Timbul dari perolehan Am ARA REIT Holdings Sdn Bhd	-	-	-	-	-	-	-	300	300	
Perolehan saham dalam P.T. AmCapital Indonesia	-	-	-	-	-	-	-	(822)	(822)	
Jualan saham dalam P.T. AmCapital Indonesia	-	-	-	-	-	-	-	511	511	
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	(76,699)	(76,699)	(65,352)	(142,051)	
<b>Pada 31 Mac 2007</b>	<b>2,130,565</b>	<b>791,588</b>	<b>1,107,757</b>	<b>36,362</b>	<b>10,297</b>	<b>798,502</b>	<b>4,875,071</b>	<b>1,201,516</b>	<b>6,076,587</b>	

<sup>A</sup> Ini adalah berkaitan dengan penurunan aset bersih Kumpulan yang timbul daripada 49% Tawaran Jualan Terhad perbankan pelaburan Kumpulan di bawah Penyusunan Semula Kumpulan.

Kumpulan	Nota	Hak Para Pemegang Saham Syarikat									
		Tidak boleh diagihkan					Boleh diagihkan				
		Pengubahan Modal saham keutamaan <sup>A</sup> RM'000	Pengubahan Premium saham RM'000	Rizab modal RM'000	Rizab sedia untuk dijual RM'000	Rizab pertukaran mata wang asing RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan Minoriti RM'000	Jumlah ekuiti RM'000	
<b>Pada 1 April 2007</b>											
Dinyatakan sebelum ini		2,130,565	-	791,588	1,107,757	36,362	10,297	798,502	4,875,071	1,201,516	6,076,587
Pelarasan tahun lepas	57	-	-	-	-	-	-	(87,270)	(87,270)	-	(87,270)
Pada 1 April 2007 (dinyatakan semula)		2,130,565	-	791,588	1,107,757	36,362	10,297	711,232	4,787,801	1,201,516	5,989,317
Keuntungan belum direalisasi bersih ke atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dijual	-	-	-	-	6,538	-	-	6,538	-	6,538	
Perbelanjaan berkaitan dengan terbitan hak	-	-	(6,434)	-	-	-	-	(6,434)	-	(6,434)	
Pindahan daripada penyata pendapatan	-	-	-	137,676	-	-	(137,676)	-	-	-	
Pelarasan pertukaran mata wang	-	-	-	-	(2,131)	-	(2,131)	-	-	(2,131)	
Pendapatan/(Perbelanjaan) bersih yang diiktiraf langsung dalam ekuiti	-	-	(6,434)	137,676	6,538	(2,131)	(137,676)	(2,027)	-	(2,027)	
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	-	-	668,542	668,542	142,277	810,819	
Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) bersih yang diiktiraf untuk tahun	-	-	(6,434)	137,676	6,538	(2,131)	530,866	666,515	142,277	808,792	
Diterbitkan oleh CPS <sup>A</sup>	-	458,343	-	-	-	-	-	458,343	-	458,343	
Diterbitkan berikutan:											
Pelaksanaan Waran 1997/2007		*	*	*	*	-	-	-	-	-	
Pelaksanaan Waran 2003/2008		132,497	-	155,303	-	-	-	287,800	-	287,800	
Terbitan Hak		295,973	-	710,335	-	-	-	1,006,308	-	1,006,308	
Pengubahan CPS		163,935	(458,343)	336,065	-	-	-	41,657	-	41,657	
Langganan saham dalam AmPrivate Equity		-	-	-	-	-	-	-	3,180	3,180	
Timbul dari penswastaan AIGB		-	-	-	-	-	-	-	(1,188,227)	(1,188,227)	
Timbul dari jualan saham dalam MVM		-	-	-	-	-	-	-	(380)	(380)	
Dividen dibayar	44	-	-	-	-	-	(78,831)	(78,831)	(74,014)	(152,845)	
<b>Pada 31 Mac 2008</b>		<b>2,722,970</b>	-	<b>1,986,857</b>	<b>1,245,433</b>	<b>42,900</b>	<b>8,166</b>	<b>1,163,267</b>	<b>7,169,593</b>	<b>84,352</b>	<b>7,253,945</b>

# PENYATA

## PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2008

Syarikat	Nota	Modal saham RM'000	Pengubahan saham keutamaan^		Premium saham RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
				RM'000			
<b>Pada 1 April 2006</b>		2,130,534	-	-	792,343	762,930	3,685,807
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	-	38,492	38,492
Timbul dari tawaran jualan terhad AmFirst REIT^^		-	-	-	-	(12,783)	(12,783)
Diterbitkan berikut pelaksanaan Waran 2003/2008	31	-	-	38	-	-	69
Dividen dibayar		-	-	-	(76,699)	(76,699)	
<b>Pada 31 Mac 2007</b>		<b>2,130,565</b>	-	<b>792,381</b>	<b>711,940</b>	<b>3,634,886</b>	
<b>Pada 1 April 2007</b>		<b>2,130,565</b>	-	<b>792,381</b>	<b>711,940</b>	<b>3,634,886</b>	
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	<b>73,964</b>	<b>73,964</b>	
Perbelanjaan berkaitan dengan terbitan hak		-	-	<b>(8,534)</b>	-	<b>(8,534)</b>	
(Perbelanjaan)/Pendapatan bersih yang diiktiraf langsung dalam ekuiti		<b>2,130,565</b>	-	<b>783,847</b>	<b>785,904</b>	<b>3,700,316</b>	
Diterbitkan oleh CPS ^		-	<b>458,343</b>	-	-	-	<b>458,343</b>
Diterbitkan berikut:							
Pelaksanaan Waran 1997/2007		-*	-	-*	-	-	-
Pelaksanaan Waran 2003/2008		<b>132,497</b>	-	<b>155,303</b>	-	<b>287,800</b>	
Terbitan Hak		<b>295,973</b>	-	<b>710,335</b>	-	<b>1,006,308</b>	
Pengubahan CPS		<b>163,935</b>	<b>(458,343)</b>	<b>336,065</b>	-	<b>41,657</b>	
Dividen dibayar	44	-	-	-	(78,831)	(78,831)	
<b>Pada 31 Mac 2008</b>		<b>2,722,970</b>	-	<b>1,985,550</b>	<b>707,073</b>	<b>5,415,593</b>	

^ Mewakili komponen ekuiti berjumlah 163.9 juta saham-saham keutamaan boleh ubah (“CPS”) bernilai RM1.00 setiap satu kepada ANZ Funds Pte Ltd, subsidiari milik penuh Kumpulan Perbankan Australia dan New Zealand pada harga terbitan RM3.05 untuk setiap CPS dan diubah kepada 163.9 juta saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam tahun kewangan.

^^ Ini berkaitan dengan baki RM0.15 setiap satu AmFirst Real Estate Investment Trust (“AmFirst REIT”) dibayar tunai oleh Syarikat mengikut Tawaran Jualan Terhad AmFirst REIT.

\* Mewakili 70 saham-saham biasa baru diterbitkan berikut pelaksanaan Waran 1997/2007 oleh Syarikat. Premium saham terhasil berjumlah RM386 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# PENYATA

## ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2008

	2008	2007	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000
	Syarikat RM'000		Syarikat RM'000
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN OPERASI</b>			
Keuntungan/(Kerugian) sebelum pencukaian dan zakat	<b>1,194,437</b>	<b>100,527</b>	(84,612)
Campur/(Tolak) pelarasan bagi:			60,748
Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan-bersih	<b>512,183</b>	-	1,519,481
Kerugian/(Keuntungan) penilaian semula sekuriti dipegang untuk urusniaga	<b>128,923</b>	-	(93,465)
Masuk kira semula kemerosotan nilai atas sekuriti	<b>111,958</b>	-	283,758
Faedah tergantung - bersih	<b>98,355</b>	-	108,502
Susut nilai hartaanah dan peralatan	<b>48,425</b>	<b>229</b>	51,587
Pelunasan perisian komputer	<b>23,494</b>	-	127
Kerugian kemerosotan amaun boleh diperolehi semula di bawah urusniaga sekuritisasi yang disokong aset	<b>10,000</b>	-	10,000
Peruntukan pelbagai hutang ragu belum terima-bersih	<b>2,292</b>	-	2,205
Peruntukan am/(Masuk kira semula peruntukan am) penglibatan dan tanggungan luar jangka	<b>1,641</b>	-	(25)
Pelbagai penghutang belum terima dihapuskan	<b>1,616</b>	-	805
Peruntukan harta-harta dirampas	<b>473</b>	-	423
Pendapatan dari sekuritasi aset	<b>183</b>	-	179
Pelunasan bayaran pajakan tanah prabayar	<b>165</b>	-	165
Kerugian kemerosotan nilai atas aset diperolehi hasil pertukaran hutang	<b>45</b>	-	2,555
Hartanah dan peralatan dihapuskan	<b>37</b>	-	257
Keuntungan bersih jualan sekuriti dipegang untuk jualan	<b>(131,616)</b>	-	(197,902)
Keuntungan bersih dari penebusan sekuriti dipegang hingga matang	<b>(106,235)</b>	-	(53,177)
Pendapatan dividen kasar dari pelaburan	<b>(58,540)</b>	<b>(107,980)</b>	(49,054)
Kerugian atas penilaian semula derivatif	<b>(46,770)</b>	-	107,104
Keuntungan bersih jualan sekuriti sedia untuk dijual	<b>(31,735)</b>	-	(28,033)
Pindahan dari rizab persamaan keuntungan	<b>(18,211)</b>	-	(60,912)
Pelunasan premium tolak pertambahan diskauan sekuriti pasaran wang - bersih	<b>(14,640)</b>	-	(14,912)
Keuntungan bersih jualan hartaanah dan peralatan	<b>(686)</b>	<b>(21)</b>	(1,700)
Perisian komputer dihapuskan	-	-	981
Keuntungan atas jualan aset di pegang untuk dijual	-	-	(19,284)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	-	-	(1,043)
Keuntungan/(Kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja dibawa ke hadapan	<b>1,725,794</b>	<b>(7,245)</b>	1,505,121
			(36,127)

# PENYATA

## ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2008

	2008	2007		
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN OPERASI (SAMBUNGAN)</b>				
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja yang di bawa kehadapan	<b>1,725,794</b>	<b>(7,245)</b>	1,505,121	(36,127)
Pengurangan/(Pertambahan) aset operasi:				
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	<b>178,382</b>	<b>43,450</b>	402,555	34,600
Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi kewangan	<b>252,046</b>	<b>131,297</b>	(883,585)	(109,230)
Sekuriti dipegang untuk jualan	<b>269,358</b>	-	(469,030)	150,197
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	<b>(5,453,376)</b>	-	(4,378,269)	-
Aset-aset lain	<b>(110,639)</b>	<b>30,800</b>	(743,227)	30,485
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	<b>146,861</b>	-	(30,365)	-
Deposit dan dana amanah dengan intitusi kewangan	<b>65,656</b>	-	(268,729)	-
(Pertambahan) / Pengurangan tanggungan operasi:				
Deposit daripada pelanggan	<b>5,385,789</b>	-	3,463,498	-
Deposit dan penempatan bank dan lain-lain institusi kewangan	<b>(2,327,653)</b>	-	2,800,538	-
Kewajipan sekuriti bawah perjanjian beli balik	<b>(3,140,243)</b>	-	(432,014)	-
Bil dan penerimaan belum bayar	<b>452,669</b>	-	548,854	-
Pinjaman berjangka	<b>1,481,164</b>	<b>1,300,000</b>	(172,553)	-
Kewajipan rekursa atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	<b>(511,082)</b>	-	(1,113,587)	-
Liabiliti-liabiliti lain	<b>168,713</b>	<b>(27,719)</b>	819,875	(15,522)
Wang (digunakan dalam)/diwujudkan dari operasi	<b>(1,416,561)</b>	<b>1,470,583</b>	1,049,082	54,403
Pembayaran cukai	<b>(93,509)</b>	-	(111,362)	-
Wang tunai bersih (diguna dalam)/diwujudkan dari kegiatan operasi	<b>(1,510,070)</b>	<b>1,470,583</b>	937,720	54,403
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN PELABURAN</b>				
Perolehan/(Pembelian) dari jualan sekuriti-bersih	<b>1,184,502</b>	<b>(1,978)</b>	67,560	(2,000)
Dividen diterima dari lain-lain pelaburan	<b>43,320</b>	-	35,809	-
Perolehan dari jualan harta dan kelengkapan	<b>900</b>	<b>21</b>	10,311	-
Pulangan terakhir yang diterima untuk MVSB	<b>453</b>	-	-	-
Perolehan baki 49.0% kepentingan ekuiti dalam AIGB	<b>(2,399,594)</b>	<b>(2,401,694)</b>	-	-
Pembelian harta dan kelengkapan	<b>(63,445)</b>	-	(45,662)	(796)
Pembelian perisian komputer	<b>(15,269)</b>	-	(39,098)	-
Perbelanjaan permodalan ke atas perolehan kepentingan ekuiti dalam FIPL	<b>(818)</b>	-	-	-
Dividen diterima dari syarikat-syarikat subsidiari	-	<b>79,905</b>	-	70,811
Timbul daripada langganan terbitan hak AMFB	-	<b>(150,000)</b>	-	-
Timbul daripada langganan AMFB Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Ditukar Tidak Boleh Ditebus	-	<b>(300,000)</b>	-	-
Jualan 1.0% kepentingan ekuiti dalam syarikat subsidiari perbankan stok dan saham	-	-	422	-
Baki 51.0% kepentingan ekuiti dalam FIPL	-	-	(1,353)	-
Baki 16.93% kepentingan ekuiti dalam syarikat subsidiari perbankan stok dan saham	-	-	(1,554)	-
Wang tunai bersih (digunakan dalam)/diwujudkan dari kegiatan kewangan	<b>(1,249,951)</b>	<b>(2,773,746)</b>	26,435	68,015

# PENYATA

## ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2008

	2008	2007		
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<b>ALIRAN WANG TUNAI DARI KEGIATAN PELABURAN (SAMBUNGAN)</b>				
Perolehan dari terbitan saham-saham terbitan hak	<b>1,006,308</b>	<b>1,006,308</b>	-	-
Perolehan daripada nota-nota berjangka sederhana	860,000	-	-	-
Perolehan dari bon boleh ditebus dan tidak bercagar	575,000	-	400,000	-
Perolehan dari terbitan saham-saham pengubahan saham keutamaan	500,000	500,000	-	-
Jualan dari pelaksanaan waran 2003/2008 dalam Syarikat	287,800	287,800	69	69
Perolehan dari terbitan saham oleh syarikat subsidiari kepada kepentingan minoriti	2,800	-	4,800	-
Pembayaran balik Bon Diskaun	(150,000)	(150,000)	-	-
Pembayaran dividen kepada para pemegang saham Syarikat	(78,831)	(78,831)	(76,699)	(76,699)
Pembayaran dividen kepada kepentingan minoriti oleh syarikat-syarikat subsidiari	(74,014)	-	(65,352)	-
Timbul dari tawaran penjualan terhad AmFirst REIT	-	-	62,898	(12,783)
Pembayaran balik bersih pinjaman berjangka bersubordinat	-	-	(220,000)	-
Wang tunai bersih diwujudkan dari/(digunakan dalam) kegiatan kewangan	<b>2,929,063</b>	<b>1,565,277</b>	105,716	(89,413)
Pertambahan bersih wang tunai dan kesamaan wang tunai	<b>169,042</b>	<b>262,114</b>	1,069,871	33,005
Wang tunai dan kesamaan wang tunai pada awal tahun	<b>10,490,422</b>	<b>52,964</b>	9,420,551	19,959
Wang tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun (Nota 1)	<b>10,659,464</b>	<b>315,078</b>	10,490,422	52,964

### Nota 1 : Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Bagi tujuan penyata aliran wang tunai, wang tunai dan kesamaan wang tunai mengandungi wang tunai dan dana jangka pendek ditolak overdraf bank. Wang tunai dan kesamaan wang tunai dalam penyata wang aliran wang tunai terdiri daripada amaun kunci kira-kira yang berikut:

	2008	2007		
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Wang tunai dan dana jangka pendek	<b>10,958,364</b>	<b>315,078</b>	10,593,220	52,964
Overdraf bank (Nota 25)	(541)	-	(9,515)	-
	<b>10,957,823</b>	<b>315,078</b>	10,583,705	52,964
Tolak: Tunai dan baki bank dan deposit di simpan dalam amanah (Nota 5)	(297,825)	-	(92,900)	-
Kesan perubahan kadar pertukaran mata wang	<b>10,659,998</b>	<b>315,078</b>	10,490,805	52,964
Wang tunai dan kesamaan wang tunai	(534)	-	(383)	-
	<b>10,659,464</b>	<b>315,078</b>	10,490,422	52,964

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

## 1. AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah sebagai syarikat pegangan pelaburan.

Syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti yang disenaraikan dalam Nota 15, menyediakan rangkaian perkhidmatan perbankan saudagar, perbankan komersil, pembiayaan runcit dan perkhidmatan kewangan berkaitan termasuk perniagaan perbankan Islam, penanggungan insurans nyawa dan am, pembrokeran stok dan saham, pembrokeran niaga hadapan, nasihat pelaburan dan pengurusan aset, pelaburan harta tanah dan amanah saham.

Tiada perubahan penting berlaku dalam aktiviti Kumpulan dalam tahun kewangan.

Syarikat merupakan sebuah syarikat awam berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di dalam Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia"). Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat telah diluluskan dan diberi kuasa untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 29 April 2008.

## 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut konvesyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989, Akta Insurans 1996 dan Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") di Malaysia seperti yang diubahsuai mengikut Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM").

Penyata kewangan juga meliputi kegiatan perniagaan perbankan Islam yang dijalankan oleh Kumpulan. Perniagaan perbankan Islam secara amnya merujuk kepada penerimaan deposit, tawaran pembiayaan, pasaran modal dan aktiviti perbendaharaan di bawah prinsip Shariah.

Penyata kewangan direkodkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan digenapkan kepada nilai ribu yang hampir (RM'000), kecuali dinyatakan sebaliknya.

Dalam menyediakan penyata kewangan dalam mematuhi FRS, pihak pengurusan dikehendaki membuat penilaian, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan pakai dasar-dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Walaupun anggaran berdasarkan pengetahuan pengurusan mengenai bidang-bidang dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran di dalam ini. Bidang-bidang penting bagi anggaran dan kritikal yang digunakan dalam mengguna pakai dasar-dasar yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, seperti yang didekahkan dalam Nota 4.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai Oleh Kumpulan adalah sejajar dengan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelum ini kecuali penerimaan pakai berikut:

- (i) Piawaian Pelaporan Kewangan (“FRS”) yang baru dan disemak semula diselaraskan bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 April 2007:

FRS 117            Pajak  
FRS 124            Transaksi Entiti Berkaitan

- (ii) Kumpulan dan Syarikat tidak menerima pakai awal piawaian FRS, pelarasan FRS dan Interpretasi IC berikut, yang berkuatkuasa pada awal tahun kewangan 1 Julai 2007:

#### FRS

FRS 107 : Penyata Aliran Tunai

FRS 111 : Kontrak Pembinaan

FRS 112 : Cukai-cukai Pendapatan

FRS 118 : Hasil

FRS 119 : Faedah Kakitangan

FRS 120 : Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan

FRS 134 : Laporan Kewangan Interim

FRS 137 : Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

Amendment to FRS 121 : Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing-Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing

IC Interpretation 1 : Perubahan dalam Penyataan Penyataan, Pemulihan dan Liabiliti Serupa yang sedia ada

IC Interpretation 2 : Saham-saham Ahli dalam Entiti Koperatif dan Instrumen-instrumen serupa

IC Interpretation 5 : Hak kepada Kepentingan berikutnya Penyataan Penyataan, Pemulihan dan Dana Pemulihan Alam Sekitar

IC Interpretation 6 : Liabiliti berikut penyertaan dalam Pasaran Khusus-Sisa Peralatan Elektrik dan Elektronik

IC Interpretation 7 : Menerima pakai Pendekatan Penyataan semula kepada FRS129 Perakaunan Kewangan dalam Ekonomi-ekonomi Inflasi Melampau

IC Interpretation 8 : Skop FRS 2 Pembayaran berasaskan Saham

Bagi tahun kewangan sebelum ini, MASB juga telah mengeluarkan FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran, yang MASB belum mengumumkan tarikh ia akan berkuat kuasa. Kesan penerimaan pakai FRS 117, 124 dan 139 ke atas penyata kewangan sebaik sahaja penerimaan pakai untuk pertama kali piawaian ini yang diperlukan oleh perenggan 30(b) bagi FRS 108 Dasar-dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan Perakaunan tidak perlu didedah oleh sebab pengecualian yang diperlukan di bawah perenggan 103AB FRS 139.

Penerimaan pakai FRS 117 dan 124 tidak mempunyai kesan kewangan yang penting ke atas Kumpulan. Kesan-kesan utama perubahan dalam polisi perkaunan berikutnya penyerapan FRS 117 didedahkan dalam Nota 57.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### Asas Penyatuan

Penyata kewangan Kumpulan mengandungi penyata kewangan Syarikat dan kesemua syarikat-syarikat subsidiariya seperti yang disenaraikan dalam Nota 15 yang telah disediakan hingga akhir tahun kewangan kecuali bagi P.T.AmCapital Indonesia, di mana penyata kewangan telah disediakan sehingga 31 Disember 2007 dengan pelarasan, di mana sesuai, dibuat untuk urus niaga penting yang berlaku di antara 1 Januari 2008 hingga 31 Mac 2008.

Syarikat menggunakan kedua-dua kaedah gabungan (atau "kaedah pengumpulan kepentingan") dan kaedah pemerolehan untuk menyediakan penyata kewangan disatukan.

Di bawah kaedah pemerolehan, keputusan syarikat-syarikat subsidiari yang diperolehi atau dijual dalam tahun kewangan diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dari tarikh efektif pemerolehan atau tarikh efektif penjualan, mana yang digunakan. Kos pemerolehan diukur sebagai nilai saksama aset yang diberikan, tanggungan yang dikenakan atau diserap dan instrumen ekuiti yang diterbitkan pada tarikh pertukaran, ditambah kos yang berkaitan langsung dengan pemerolehan tersebut.

Aset yang diperolehi dan dikenalpasti dan tanggungan dan tanggungan kontingen yang diserap dalam gabungan perniagaan diukur mulanya pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan, tanpa mengira sejauh mana kepentingan minoriti. Lebihan kos pemerolehan ke atas nilai saksama aset bersih yang boleh dikenalpasti sebagai bahagian Kumpulan pada tarikh pemerolehan dikira sebagai ihsan dalam penyatuhan. Jika kos pemerolehan kurang dari nilai saksama aset syarikat subsidiari yang diperolehi, perbezaan ini diiktiraf terus ke penyata kewangan.

Kaedah gabungan diguna pakai dalam pemindahan syarikat subsidiari menurut skim aturan di bawah penyusunan semula Kumpulan yang selesai dalam 1992. Kaedah pemerolehan telah diguna pakai dalam pemerolehan yang lain.

Di bawah kaedah gabungan, keputusan subsidiari dibentang seakan-akan gabungan telah berlaku sepanjang tahun-tahun semasa dan sebelumnya. Gabungan aset dan tanggungan dikira berdasarkan amaun yang dibawa dari perspektif kawalan pemegang saham yang sama pada tarikh pemindahan. Dalam penyatuhan, kos gabungan dihapuskan dengan nilai saham yang diterima. Sebarang perbezaan kredit yang berhasil diklasifikasi sebagai rizab yang tidak boleh diagihkan. Sebarang perbezaan debit yang berhasil diselaraskan dengan sebarang rizab yang sesuai. Sebarang premium saham, rizab penebusan modal dan rizab lainnya yang berkait dengan modal saham perusahaan yang bergabung, selagi ia belum dimodalkan dengan perbezaan debit, diklasifikasikan dan dibentangkan sebagai pergerakan dalam rizab modal lain.

Di mana perlu, pelarasan dibuat terhadap penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari untuk melaraskan polisi perakaunan mereka dengan apa yang diguna oleh ahli Kumpulan yang lain.

Semua transaksi penting antara syarikat, baki dan keputusan keuntungan belum direalisasi telah dihapuskan dalam penyatuhan. Kerugian belum direalisasi yang timbul dari transaksi dalam kumpulan juga dihapuskan kecuali transaksi memberi bukti penyusutan aset yang dipindahkan.

Keuntungan atau kerugian dari penjualan syarikat subsidiari adalah perbezaan antara hasil penjualan bersih dan bahagian Kumpulan dalam aset bersihnya pada tarikh penjualan termasuk amaun kumulatif sebarang perbezaan pertukaran berkenaan dengan syarikat subsidiari yang dijual. Semua untung atau rugi dari penjualan subsidiari diiktiraf dalam penyata pendapatan yang disatukan.

Kepentingan minoriti mewakili sebahagian dari keputusan bersih operasi dan aset bersih sebuah syarikat subsidiari yang diwakilkan kepada kepentingan ekuiti dan debentur yang tidak dimiliki, secara langsung atau tidak langsung melalui syarikat-syarikat subsidiari, oleh Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiari. Ia diukur pada bahagian nilai saksama aset dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari yang boleh diiktiraf pada tarikh pemerolehan dan perubahan dalam ekuiti syarikat-syarikat subsidiari dari tarikh tersebut, kecuali apabila kerugian untuk kepentingan minoriti melebihi kepentingan minoriti dalam ekuiti syarikat subsidiari tersebut. Dalam kes sedemikian, lebihan dan kerugian selanjutnya untuk kepentingan minoriti diwakilkan kepada pemegang ekuiti Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiari, kecuali kepentingan minoriti mempunyai obligasi yang mengikat kepada, dan mampu untuk menyerap kerugian tersebut. Apabila syarikat subsidiari tersebut melaporkan keuntungan, keuntungan untuk kepentingan minoriti diberi kepada pemegang ekuiti Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiari sehingga bahagian kerugian kepentingan minoriti yang sebelum ini diserap oleh pemegang ekuiti Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiari telah didapatkan kembali.

Untuk gabungan perniagaan di mana kepentingan ekuiti Kumpulan dalam sebuah syarikat subsidiari bertambah melalui langgaran tambahan terbitan saham baru syarikat subsidiari berbanding dengan kepentingan ekuiti sedia ada dan di mana harga terbitan saham adalah lebih tinggi atau rendah nilai aset bersih syarikat subsidiari tersebut, dan akibat dari kecairan atau kenaikan bahagian aset bersih Kumpulan dalam syarikat subsidiari tersebut diiktiraf ke dalam ekuiti.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### **Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Subsidiari**

Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti mereka. Pada amnya, disertai oleh pemegangan saham yang lebih dari 50.0% hak mengundi. Potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh diubah diambil kira apabila menentukan samada sebuah entiti itu adalah syarikat subsidiari.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari yang dihapuskan apabila disatukan, dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat pada kos ditolak kemerosotan nilai, jika ada.

Semasa jualan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil jualan bersih dan nilai buku akan dicaj atau dikredit ke penyata pendapatan.

#### **Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Bersekutu**

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting tetapi tidak mempunyai kuasa ke atas syarikat tersebut. Pengaruh penting merupakan kuasa untuk mengambil bahagian dalam menentukan polisi operasi dan kewangan syarikat bersekutu tetapi tidak berkuasa ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dibawah kaedah perakaunan ekuiti dan pada mulanya dinyatakan pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu termasuk premium atas penyatuhan diiktiraf semasa pemerolehan, bersih dari kerugian kemerosotan nilai terkumpul, jika ada.

Bahagian keuntungan atau kerugian selepas pemerolehan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan diiktiraf dalam penyata pendapatan, dan bahagian Kumpulan selepas pemerolehan dalam perubahan dalam rizab diiktiraf dalam rizab dari tarikh pengaruh besar bermula dan hingga tarikh pengaruh besar tersebut lenyap. Pergerakan kumulatif pasca-pemerolehan diselaraskan dengan amaun pelaburan yang dibawa. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, termasuk lain-lain amaun belum terima tidak bercagar, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, kecuali hingga ke tahap Kumpulan mengalami obligasi undang-undang atau membina atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Keuntungan belum direalisasi antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu dihapuskan sehingga kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu; kerugian belum direalisasi juga dihapuskan kecuali transaksi menyediakan bukti kemerosotan aset yang dipindahkan. Dimana perlu, pelarasaran dibuat terhadap penyata kewangan syarikat bersekutu supaya polisi perakaunannya sama dengan apa yang digunakan oleh ahli-ahli Kumpulan yang lain.

Keputusan syarikat-syarikat bersekutu diambil dari akaun terbaru syarikat bersekutu yang telah diaudit atau akaun pengurusan yang belum diaudit, disediakan pada tarikh tidak lebih dari tiga bulan sebelum tahun kewangan berakhir Kumpulan.

Premium dari penyatuhan berkaitan dengan syarikat bersekutu dimasukkan ke dalam amaun pelaburan dan tidak dilunaskan. Sebarang lebihan bagi bahagian Kumpulan ke atas nilai saksama bersih aset yang boleh dikenalpasti syarikat bersekutu ke atas kos pelaburan disisihkan dari amaun pelaburan dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan bagi menentukan bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu dalam jangka masa dimana pelaburan diperolehi.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kemerosotan nilai, jika ada, dalam kunci kira-kira Syarikat.

Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil jualan bersih dan nilai buku akan dicaj atau dikredit ke penyata pendapatan.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### Aset Tertunda

##### (i) Ihsan/Premium Berpunca Dari Penyatuan

Ihsan berpunca dari penyatuan bagi syarikat-syarikat subsidiari adalah termasuk dalam aset tertunda keatas kunci kira-kira. Premium berpunca dari penyatuan untuk syarikat bersekutu adalah termasuk dalam pelaburan syarikat bersekutu.

Ihsan/premium berpunca dari penyatuan hasil daripada pemerolehan sebelum 1 Januari 2006 mewakili lebihan harga pembelian ke atas kepentingan nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan yang dikenal pasti pada tarikh pemerolehan.

Ihsan/premium berpunca dari penyatuan hasil daripada pemerolehan pada atau selepas 1 Januari 2006 mewakili lebihan harga pembelian ke atas kepentingan nilai saksama aset, tanggungan dan penglibatan tanggungan bersih syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu Kumpulan yang dikenal pasti pada tarikh pemerolehan.

Ihsan, pada mulanya diiktiraf sebagai aset pada kos dan yang seterusnya diukur pada kos tolak kerugian kemerosotan nilai terkumpul, jika ada. Insan dikaji bagi kemerosotan nilainya pada setiap tahun, atau lebih kerap, jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan nilai-nilai buku akan merosot.

Pada pelupusan syarikat subsidiari dan bersekutu, pengagihan amaun ihsan/premium atas penyatuan termasuk dalam ketetapan keuntungan dan kerugian atas pelupusan.

##### (ii) Perisian Komputer

Perisian komputer yang dibeli dimodalkan atas dasar kos yang dikenakan untuk membeli dan menggunakan perisian spesifik. Semua kos ini dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus ke atas jangkahayat kegunaannya selama tiga (3) hingga lima (5) tahun.

Kos berkaitan dengan membangun dan menyelenggara program perisian komputer dikira sebagai belanja apabila ditanggung. Kos yang dikait langsung dengan produk perisian yang boleh dikenalpasti dan unik dibawah kawalan Kumpulan, dan mungkin menghasilkan manfaat ekonomi melebihi satu (1) tahun, dikira sebagai aset tidak ketara. Kos langsung termasuk kos pekerja pembangunan perisian dan bahagian perbelanjaan berkaitan yang berpatutan.

Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset dan dilunas menggunakan kaedah garis lurus ke atas jangkahayat kegunaannya selama tiga (3) hingga lima (5) tahun.

##### (iii) Lain-lain aset tak ketara

Lain-lain aset tak ketara yang diperolehi diukur pada pengiktirafan awal pada kos. Berikut pengiktirafan awal, aset-aset tak ketara dibawa pada kos tolak apa-apa pelunasan terkumpul dan apa-apa kerugian pengurangan nilai terkumpul.

Aset tak ketara dengan hayat berguna terhad, jika ada, akan dilunaskan atas dasar garis lurus berbanding jangka hayat berguna dan dinilai untuk pengurangan nilai apabila terdapat penunjuk bahawa aset tak ketara itu mungkin dikurang nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tak ketara dengan jangka hayat terhad disemak semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Aset tak ketara dengan hayat berguna yang tidak terhad tidak dilunaskan atas dasar garis lurus berbanding jangka hayat berguna dan dinilai untuk pengurangan nilai apabila terdapat penunjuk bahawa aset tak ketara itu mungkin dikurang nilai. Aset tak ketara dengan jangka berguna yang tidak terhad disemak semula setiap tahun untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tidak terhad terus memerlukan sokongan.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### **Perjanjian Pembelian Balik**

Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian penjualan balik adalah sekuriti yang dibeli oleh Kumpulan dan Syarikat dengan komitmen untuk menjual balik pada masa hadapan. Komitmen untuk menjual balik sekuriti tersebut dinyatakan sebagai aset di dalam kunci kira-kira.

Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian balik adalah repo jualan beli-balik, merupakan sekuriti yang dibeli oleh Kumpulan dan Syarikat dengan pemindahan hak milik, dengan komitmen untuk menjual balik pada masa hadapan dan boleh diperniagakan lagi dalam tempoh masa repo. Komitmen untuk menjual balik sekuriti, yang diperuntukkan lagi dan dinyatakan sebagai sekuriti dijual dan belum dibeli balik, dinyatakan sebagai aset dalam kunci kira-kira.

Sebaliknya, kewajipan ke atas jualan sekuriti di bawah perjanjian beli balik adalah sekuriti yang dijual oleh Kumpulan dan Syarikat daripada portfolionya, dengan komitmen untuk membeli balik pada masa hadapan bagi tujuan pendanaan. Nilai yang mengiringi sekuriti perjanjian pembelian balik tetap di dalam akaun aset masing-masing, sementara kewajipan membeli balik sekuriti pada harga dipersetujui pada tarikh masa hadapan diambil kira sebagai tanggungan dalam kunci kira-kira.

#### **Sekuriti**

Pegangan portfolio sekuriti Kumpulan adalah diiktiraf berdasarkan kategori dan kaedah penilaian berikut:

(i) Sekuriti dipegang untuk urus niaga

Sekuriti diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan jika ia dimiliki dengan tujuan mendapat faedah daripada perubahan harga sebenar atau jangka pendek atau untuk mengikat keuntungan arbitraj. Sekuriti dipegang untuk jualan akan dinyatakan pada nilai saksama dan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pertukaran nilai saksama dan sekuriti dipegang untuk jualan yang tidak diiktiraf lagi akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Sekuriti dipegang sehingga matang

Sekuriti dipegang sehingga matang adalah aset kewangan dengan pembayaran tetap atau tertentu dan kematangan yang tetap, di mana Kumpulan mempunyai tujuan dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Saham-saham tidak disebut harga dalam organisasi yang ditubuhkan bagi tujuan sosio-ekonomi dan instrumen ekuiti yang diterima hasil daripada pengstrukturran semula pinjaman atau pertukaran pinjaman yang mana tidak mempunyai harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran aktif dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur secara pasti juga diklasifikasikan sebagai sekuriti dipegang hingga matang dan diukur pada kos.

Sekuriti dipegang hingga matang diukur pada pertambahan/pelunasan kos berdasarkan kaedah sela efektif. Pelunasan premium, pertambahan nilai diskauan dan kemerosotan nilai serta keuntungan dan kerugian yang timbul daripada sekuriti dipegang hingga matang yang tidak diiktiraf lagi akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Apa-apa jualan atau pengelasan semula jumlah sekuriti penting yang dipegang sehingga matang tidak menghampiri kematangannya akan menyebabkan pengelasan semula semua sekuriti dipegang sehingga matang kepada sekuriti sedia untuk dijual, dan menghalang Kumpulan daripada mengklasifikasikan kelas sekuriti yang sama seperti sekuriti dipegang sehingga matang bagi tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan berikutnya.

(iii) Sekuriti sedia untuk dijual

Sekuriti sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang tidak diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual atau dipegang hingga matang. Sekuriti sedia untuk dijual diukur pada nilai semasa atau pada kos pelunasan (tolak kerugian kemerosotan nilai) jika nilai saksama tidak boleh diukur. Sebarang keuntungan atau kerugian timbul daripada perubahan nilai saksama diiktiraf secara langsung dalam ekuiti melalui penyata perubahan dalam ekuiti, sehingga aset kewangan dijual, dikumpul, dilupuskan atau dirosot nilai, pada masa di mana keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam ekuiti sebelum ini akan dipindahkan ke penyata pendapatan.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### Peruntukan Hutang Ragu Dan Pembiayaan

Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, peruntukan tertentu hutang ragu dan pembiayaan disediakan apabila kemungkinan kutipan tidak dapat ditentukan. Untuk penilaian kemungkinan kutipan, pihak pengurusan menimbangkan beberapa faktor seperti keadaan kewangan peminjam, anjuran aliran wang tunai, pengurusan, kualiti cagaran atau jaminan bagi hutang belum diterima serta keadaan ekonomi semasa dan dijangkakan.

Peruntukan am juga disediakan berdasarkan pada peratusan yang ditetapkan bagi pertambahan bersih hutang dan pembiayaan belum diterima. Peratusan ini dikaji setiap tahun berdasarkan pengalaman di masa lampau dan keadaan semasa dan jika perlu, pelarasan dibuat pada peruntukan am keseluruhannya.

Pinjaman atau pembiayaan yang tidak boleh dikutip atau sebahagian daripadanya yang dikelaskan sebagai lapuk adalah dihapuskan selepas mengambilkira nilai realisasi cagaran, jika ada, apabila pihak pengurusan berpendapat tiada peluang untuk bayaran balik.

Peruntukan am dan tertentu untuk pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan bagi Kumpulan dikira berdasarkan kepada keperluan garis panduan BNM iaitu "Dasar peruntukan bagi pinjaman tidak berbayar dan Peruntukan Substandard, Hutang Lapuk dan Ragu" ("BNM/GP3"). Walaubagaimanapun, Kumpulan telah melakukan pengukuhan serapan keatas dasar klasifikasi pinjaman tidak berbayar, di mana pinjaman telah dicategorikan sebagai pinjaman tidak berbayar dan substandard apabila pembayaran tertunggak lebih daripada tiga (3) bulan daripada hari pertama atau selepas tarikh matang.

Kumpulan melakukan pengukuhan serapan keatas dasar pinjaman tidak berbayar peruntukan tertentu dan seperti berikut:

- (i) Nilai yang ditentukan sebagai cagaran dipegang bagi pinjaman tidak berbayar dijamin oleh harta-harta yang ditetapkan berdasarkan keatas nilai-nilai sebenar harta berdasarkan seperti berikut:
  - (a) ditetapkan hanya lima puluh peratus (50%) daripada nilai sebenar harta yang dipegang sebagai cagaran pinjaman tidak berbayar dimana tunggakkannya lebih daripada lima (5) tahun tetapi kurang daripada tujuh (7) tahun; dan
  - (b) tiada nilai ditetapkan kepada nilai sebenar daripada harta dipegang sebagai cagaran bagi pinjaman tidak berbayar dimana tunggakkannya lebih daripada tujuh (7) tahun.
- (ii) Peruntukan tertentu sebanyak 20% dibuat ke atas pinjaman tidak berbayar tertunggak sehingga tiga (3) kepada kurang daripada enam (6) bulan. Sebelum ini, peruntukan tertentu hanya dibuat apabila pinjaman tidak berbayar tertunggak sehingga enam (6) bulan dan keatas.

Para pengarah berpendapat bahawa pengolahan seperti ini akan menunjukkan dasar peruntukan pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan yang lebih berhemat.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### **Penghutang Perniagaan dan Lain-Lain Penghutang**

Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang dinyatakan pada nilai buku setelah dikurangkan dengan peruntukan sewajarnya berdasarkan anggaran aman dianggap tidak dapat bayar balik. Peruntukan hutang rugu dibuat berdasarkan anggaran kemungkinan kerugian yang mungkin timbul akibat daripada sesetengah akaun belum terima yang tidak boleh dikutip.

Bagi syarikat subsidiari pelaburan saham dan operasi-operasi pembrokeran saham bagi faedah tergantung berkenaan dengan akaun-akaun lapuk dan rugu serta penentuan peruntukan am adalah dibuat berdasarkan Jadual 7, Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad seperti berikut:

- (i) Peruntukan tertentu dibuat ke atas akaun-akaun lapuk dan rugu pada kadar 50% dan 100% masing-masing, tertakluk kepada pengurangan faedah tergantung dan nilai kolateral yang dipegang. Peruntukan am ditetapkan berdasarkan 1.5% atas jumlah penghutang perniagaan selepas menolak aman faedah tergantung dan peruntukan tertentu mengikut Jadual 7, Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.
- (ii) Pendapatan faedah yang terakru atas akaun-akaun tersebut digantung apabila dianggap tidak berbayar selaras dengan Jadual 7, Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Selaras dengan Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad, akaun-akaun pelanggan dikategorikan sebagai tidak berbayar (lapuk dan rugu) seperti perkara-perkara dibawah:

#### **Kriteria untuk klasifikasi tidak berbayar**

<b>Jenis-jenis</b>	<b>Ragu</b>	<b>Lapuk</b>
Kerugian kontra	Apabila akaun kekal tidak berbayar untuk 16 hingga 30 hari daripada tarikh urusniaga kontra.	Apabila akaun kekal tidak berbayar lebih daripada 30 hari daripada tarikh urusniaga kontra.
Kontrak-kontrak pembelian tertunda	Apabila akaun kekal tidak berbayar daripada T+3 hari pasaran hingga 30 hari.	Apabila akaun kekal tidak berbayar lebih daripada 30 hari.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### **Harta-Harta Dirampas**

Harta-harta dirampas adalah pemerolehan sepenuh atau separa penjelasan hutang dan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai harta tersebut, jika ada.

#### **Amaun Belum Terima Di Bawah Urusniaga Sekuritisasi yang Disokong Aset (“ABS”)**

Ini adalah berkaitan dengan baki ganjaran pembelian yang boleh didapat balik di bawah urusniaga ABS oleh Badan Tujuan Khas (“SPV”), di mana amaun tersebut akan didapat balik selepas bon yang mendasari matang. Di bawah ABS, portfolio amaun-amaun belum terima dijual kepada SPV yang dibiaya melalui penerbitan bon yang dijamin oleh amaun belum terima.

Apabila tanda kemerosotan nilai wujud, amaun buku untuk amaun boleh didapat balik kembali dibawah urusniaga ABS dinilai dan diturunkan nilai kepada amaun boleh didapat kembali.

Perbezaan antara ganjaraan belian dan nilai buku diiktiraf ke dalam penyata pendapatan.

#### **Harta, Kelengkapan Dan Susut Nilai**

Harta dan kelengkapan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Kos termasuk perbelanjaan secara langsung diagih kepada pemerolehan item-item harta kelengkapan masing-masing.

Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam amaun buku aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mana yang manasabah, hanya apabila manfaat ekonomi akan datang bersangkutan dengan item tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Nilai buku bahagian yang diganti tidak diiktiraf lagi. Semua penyelenggaraan dan membaik pulih dicaj ke penyata pendapatan dalam tahun kewangan di mana ia berlaku.

Tiada susut nilai diperuntukkan bagi tanah milik bebas. Tanah pajakan disusut nilai dalam tempoh pajakan atau lima puluh tahun, yang mana lebih rendah. Susut nilai, lain-lain harta dan kelengkapan dikira menggunakan kaedah sama rata pada kadar-kadar berdasarkan anggaran hayat kegunaan masing-masing.

Kadar susut nilai tahunan bagi pelbagai kelas harta dan kelengkapan adalah seperti berikut:

Bangunan milik bebas	2%
Bangunan pegangan pajak	2% atau ke atas terma pajakan jangka pendek
Kenderaan bermotor	20%
Pembaikan pegangan pajak	10% - 33 1/3%
Peralatan komputer	20% - 33 1/3%
Kelengkapan pejabat dan kediaman, perabot dan perkakas	10% - 33 1/3%

Nilai baki, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula dan diselaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susut nilai jangkaan corak penggunaan manfaat-manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam butiran hartanah dan peralatan tersebut.

Sesuatu butiran aset tidak diiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi pada masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun buku bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### **Harta tanah Pelaburan**

Harta tanah pelaburan adalah harta tanah yang dipegang samada untuk mendapat pendapatan sewa atau kenaikan modal atau kedua-duanya. Harta tanah yang diduduki oleh syarikat dalam Kumpulan dikira sebagai didiami-pemilik dan bukan harta tanah pelaburan.

Harta tanah pelaburan Kumpulan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Harta tanah pelaburan disusutnilai dengan kaedah garislurus bagi melunaskan kos aset kepada nilai baki ke atas jangkahayat kegunaannya.

Harta tanah pelaburan dana insurans Kumpulan dinyatakan pada kos dan termasuk perbelanjaan sampingan dan berkaitan yang ditanggung. Selepas pengiktirafan permulaan, harta tanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama dikira dengan mengkaji harga transaksi sebagai bukti pasaran untuk harta tanah yang sama dan dilakukan oleh jurunilai berdaftar bebas dan memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf dan berpengalaman tentang lokasi dan kategori harta tanah yang dinilai.

Tanpa harga semasa dalam pasaran yang aktif, kaedah penilaian alternatif digunakan seperti harga terbaru dalam pasaran yang kurang aktif atau penilaian aliran tunai yang didiskaun. Penilaian aliran tunai disediakan dengan mengambil kira jumlah aliran tunai dijangkakan yang bakal diterima daripada penyewaan harta tanah tersebut. Satu hasil yang mencerminkan risiko spesifik yang tersirat dalam aliran tunai bersih kemudian digunakan untuk aliran tunai tahunan untuk mendapat penilaian harta tanah.

Keuntungan atau kerugian yang timbul dari perubahan dalam nilai saksama harta tanah pelaburan diiktiraf dalam akaun pendapatan insurans nyawa dalam tahun ianya timbul.

Harta tanah pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila ia dilupuskan atau harta tanah pelaburan dikeluarkan secara tetap daripada kegunaan dan tiada manfaat ekonomi masa depan dijangkakan daripada penjulannya. Sebarang keuntungan atau kerugian ke atas penyaraan harta tanah pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun ia berlaku.

#### **Aset bukan semasa (Atau Kumpulan Pelupusan) Dipegang Untuk Jualan dan Operasi Didiskaun.**

Aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) diklasifikasi sebagai aset dipegang untuk jualan dan dinyatakan pada amaun buku dan nilai saksama, mana yang lebih rendah, ditolak kos untuk jualan jika amaun buku dapat dikembalikan secara prinsipal melalui transaksi jualan dan bukan sebaliknya melalui penggunaan berterusan.

Satu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai operasi dihentikan apabila kriteria untuk diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan telah dipenuhi atau telah dilupuskan dan komponen tersebut mewakili jalur perniagaan berasingan utama atau operasi kawasan geografi, adalah sebahagian dari satu jalur perniagaan utama yang teratur atau operasi kawalan geografi, atau satu syarikat subsidiari yang diperolehi secara ekslusif dengan niat untuk dijual semula.

#### **Aset Dibeli Di Bawah Pajakan**

Aset dibeli di bawah pajakan kewangan di mana terdapat pemindahan manfaat dan risiko pemilikan aset tersebut kepada Kumpulan telah dipermodalkan sebagai harta dan kelengkapan. Aset dan kewajipan pajakan berkenaan telah direkodkan pada nilai sewa minima semasa atau nilai saksama aset pajakan pada tempoh permulaan pajakan, tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai, yang mana lebih rendah.

Semasa mengira nilai sewa minima semasa, faktor diskau yang diguna adalah kadar faedah terpendam dalam pajakan, jika laju boleh ditetapkan secara praktis, ataupun kadar pinjaman tambahan Kumpulan digunakan.

Pajakan yang tidak memenuhi kriteria tersebut akan dikelaskan sebagai pajakan operasi dan sewa yang berkaitan akan dicaj kepada penyata pendapatan semasa ditanggung.

Apabila pajakan operasi ditamatkan sebelum tamat tempoh pajakan, sebarang bayaran yang mesti dibuat kepada pemberi pajak sebagai penalti dikira sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana penamatkan pajakan berlaku.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### Kemerosotan Nilai Aset

##### (i) Sekuriti sedia untuk dijual

Kemerosotan nilai sekuriti sedia untuk dijual dihitung sebagai perbezaan antara amaun aset dinyatakan dan amaun yang dijangka boleh diperolehi semula. Untuk pelaburan ekuiti yang diklasifikasikan sebagai sedia ada untuk dijual, kejatuhan nilai saksama asset yang berlarutan atau ketara di bawah kosnya diambil kira dalam menentukan samada asset tersebut merosot nilainya. Jika wujud bukti sedemikian, kerugian kumulatif, diukur sebagai perbezaan antara kos perolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kemerosotan nilai ke atas asset kewangan yang sebelumnya diiktiraf dalam penyata pendapatan, dikeluarkan dari rizab sedia untuk dijual dalam ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kerugian kemerosotan nilai atas pelaburan ekuiti diiktiraf dalam penyata pendapatan tidak dibalikkan melalui penyata kewangan, hingga pelaburan tersebut dilupuskan. Untuk instrumen hutang, kebalikan kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan jika kenaikan dalam nilai saksama instrumen tersebut boleh secara objektif dikaitkan ke satu kejadian yang berlaku selepas kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata kewangan.

##### (ii) Sekuriti dipegang hingga matang

Untuk sekuriti dipegang hingga matang yang dinyatakan pada kos terlunas, amaun kerugian kemerosotan nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun dinyatakan dan nilai semasa anggaran aliran wang tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit yang belum dialami) didiskaun pada kadar faedah efektif asal asset kewangan tersebut. Amaun kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kebalikan dalam kerugian kemerosotan nilai seterusnya diiktiraf apabila penurunannya boleh dikaitkan secara objektif kepada kejadian yang berlaku selepas kemerosotan nilai diiktiraf, hingga ke tahap di mana amaun sekuriti yang dinyatakan tidak melebihi kos terlunas jika tiada kemerosotan nilai diiktiraf. Kebalikan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Untuk sekuriti yang dipegang hingga matang pada kos, amaun kerugian kemerosotan nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun aset dinyatakan dan nilai semasa anggaran aliran wang tunai masa hadapan didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa untuk asset kewangan yang serupa. Kerugian kemerosotan nilai tersebut tidak dibalikkan dalam tempoh seterusnya.

##### (iii) Ihsan

Bagi tujuan menguji kemerosotan nilai, ihsan diagihkan ke setiap unit dalam Kumpulan yang menghasilkan pendapatan ("CGU") yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi gabungan. Setiap CGU mewakili tahap terendah di mana ihsan diawasi dan tidak melebihi segmen berdasarkan salah satu format laporan utama Kumpulan. Ihsan yang telah diagihkan ke CGU diuji untuk kemerosotan nilai setiap tahun, atau lebih kerap jika terdapat tanda yang unit tersebut mungkin akan merosot nilainya. Jika amaun CGU yang boleh diperolehi kembali kurang dari amaun dinyatakan, kerugian kemerosotan nilai diagihkan dahulu untuk mengurangkan amaun ihsan dinyatakan yang diagihkan ke CGU dan kemudian ke asset-asset CGU lain secara pro-rata atas dasar amaun dinyatakan setiap asset CGU. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf untuk ihsan tidak dibalikkan dalam tempoh seterusnya.

##### (iv) Lain-lain aset bukan kewangan

Nilai dinyatakan lain-lain aset bukan kewangan Kumpulan, selain daripada aset cukai tertunggak dan aset bukan semasa (atau kumpulan perlupusan) yang dipegang untuk dijual, disemak untuk kemerosotan nilai apabila terdapat tanda yang aset tersebut mungkin merosot nilainya. Jika tanda tersebut wujud, amaun aset yang boleh diperolehi kembali (iaitu mana yang lebih tinggi antara nilai saksama dikurangi kos untuk menjual dan nilai yang digunakan) akan dianggarkan untuk menentukan amaun kerugian kemerosotan nilai.

Untuk tujuan menguji kemerosotan nilai aset-aset tersebut, amaun yang boleh diperolehi kembali ditentukan atas dasar aset individu kecuali asset-asset tersebut tidak menghasilkan aliran wang tunai yang sebahagian besarnya bebas dari lain-lain aset. Jika ini berlaku, amaun yang boleh diperolehi kembali adalah ditentukan untuk CGU dimana aset tersebut dimiliki.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila amaun aset dinyatakan (atau CGU) melebihi amaun yang boleh diperolehi dari aset tersebut (atau CGU). Kerugian kemerosotan nilai untuk satu aset selain dari ihsan dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun aset yang boleh diperolehi kembali semenjak kerugian kemerosotan nilai sebelum ini diiktiraf. Amaun aset dinyatakan selain ihsan dinaikkan sehingga amaun yang boleh diperolehi kembali yang telah disemak, dengan syarat amaun ini tidak melebihi amaun dinyatakan yang sepertutnya ditentukan (bersih dari perlunasan atau susutnilai) jika tiada kemerosotan nilai diiktiraf untuk aset tersebut dalam tahun-tahun sebelumnya.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### Bil Dan Penerimaan Belum Bayar

Bil dan penerimaan belum bayar merupakan bil dan penerimaan sendiri syarikat perbankan saudagar dan perbankan komersil yang didiskaunkan semula dan belum dijelaskan di pasaran.

#### Liabiliti

Pemutang perniagaan dan lain-lain pemutang adalah dinyatakan pada kos, iaitu nilai saksama nilai yang akan dibayar di masa hadapan untuk perkhidmatan yang diterima.

Bagi aktiviti pembrokeran stok dan saham bagi syarikat subsidiari perbankan pelaburan, pemutang perniagaan merupakan keuntungan kontra ke pelanggan bukan bermargin dan kontrak jualan syarikat yang belum dijelaskan bagi pihak pelanggan di hutang dimana penjelasan bayaran belum dibuat. Tempoh kredit bagi menyelesaikan bayaran syarikat ialah tiga (3) hari pasaran berdasarkan kepada peraturan Bursa Malaysia. Pelanggan dan wang amanah merupakan wang yang masih terhutang kepada pihak pelanggan yang dikekalkan dalam akaun ageregat Syarikat.

Deposit daripada pelanggan dinyatakan pada nilai penempatan. Deposit dan penempatan dengan bank-bank dan lain-lain institusi kewangan dinyatakan pada nilai penempatan.

#### Dana Insurans Am

Keputusan menanggung insurans am, selain daripada yang timbul dari perniagaan perjanjian masuk, ditentukan untuk setiap kelas perniagaan, selepas mengambil kira insurans semula, rizab premium belum terima, komisi bersih, tuntutan bersih yang dialami dan rizab tambahan lain.

Rizab Premium Belum Terima mewakili risiko yang belum tamat tempoh pada akhir tahun kewangan. Dalam menentukan risiko belum tamat tempoh pada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat mencerminkan risiko belum tamat tempoh sebenar yang digunakan adalah seperti berikut:

- (i) Kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- (ii) Kaedah 1/24th untuk lain-lain kelas dasar-dasar Malaysia, dikurangkan oleh peratusan sepadan komisen kasar perniagaan terus dan perbelanjaan agensi berkaitan yang tidak melebihi batas yang ditetapkan oleh BNM seperti berikut:

Motor	10%
Kebakaran, kejuruteraan, penerbangan dan badan marin kapal	15%
Perubatan dan kesihatan	
- Individu bersendirian	15%
- Tiga sekumpulan atau lebih	10%
Pampasan para pekerja dan tanggungan majikan	
- Pekerja asing	10%
- Lain-lain	25%
Lain-lain kelas	10% - 25%

- (iii) Kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan perjanjian masuk/ luar negara dengan pemotongan 20% untuk komisen; dan
- (iv) Dasar bukan tahunan dibahagi mengikut masa ke atas tempah risiko.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### Dana Insurans Nyawa

Keputusan penilaian risiko insurans nyawa yang boleh dipindahkan dari dana insurans nyawa ke penyata pendapatan adalah berdasarkan lebihan yang ditentukan dengan penilaian aktuari tahunan liabiliti jangka panjang kepada pemegang polisi, dibuat menurut peruntukan Akta Insurans, 1996 oleh aktuari Kumpulan yang dilantik. Sebarang defisit yang timbul dari penilaian aktuari boleh didapati dari dana pemegang saham. Penilaian terbaru telah dibuat sehingga 31 Mac 2008 dan keputusan telah dinyatakan sewajarnya.

#### Peruntukan Bagi Tuntutan

Bagi tuntutan-tuntutan insurans am, peruntukan dibuat bagi anggaran kos semua tuntutan serta perbelanjaan berkaitan, tolak amaun boleh didapat kembali daripada insurans semula, untuk tuntutan dibuat tetapi belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira menggunakan kaedah berdasarkan kes. Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan termasuk perbelanjaan berkaitan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan sehingga selepas tarikh kunci kira-kira berdasarkan anggaran aktuari oleh aktuari dalaman Kumpulan (“aktuari yang dilantik”) yang layak, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik.

Bagi tuntutan-tuntutan insurans nyawa, peruntukan dibuat bagi anggaran kos semua tuntutan serta perbelanjaan berkaitan, tolak amaun boleh didapat kembali daripada insurans semula, untuk tuntutan dibuat dan/atau apabila kejadian peristiwa yang boleh dituntut berlaku tetapi belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira, menggunakan kaedah berdasarkan kes tersebut.

#### Rizab Persamaan Keuntungan (“PER”)

PER adalah mekanisme untuk mengurangkan turun naik dalam kadar keuntungan belum bayar kepada pendeposit di bawah perniagaan perbankan Islam. Ia diperuntukkan berdasarkan Rangka Kerja Kadar Pulangan yang diterbitkan oleh BNM. Akaun bagi PER adalah diagihkan daripada dan dimasuk kira semula dalam jumlah pendapatan kasar Perbankan Islam. PER dinyatakan bawah “lain-lain tanggungan” Kumpulan.

#### Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila kemungkinan aliran sumber yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan bagi menyelesaikan tanggungan semasa akibat daripada peristiwa lampau dan anggaran yang munasabah boleh dibuat untuk amaun tersebut.

#### Pinjaman Menanggung Faedah

Semua pinjaman dikategorikan pada nilai saksama dengan ganjaran diterima ditolak secara langsung dari kos transaksi diagihkan. Selepas pengiktirafan, pinjaman menanggung faedah seterusnya, diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

#### Modal Hibrid

Modal Hibrid diklasifikasikan sebagai tanggungan dalam kunci kira-kira yang merupakan kewajipan berkontrak bagi Kumpulan untuk memebuat pembayaran tunai samada prinsipal atau faedah atau kedua-duanya kepada pemegang instrumen dan Kumpulan mempunyai kewajipan berkotak untuk menyelesaikan instrumen kewangan dengan tunai atau instrumen kewangan yang lain.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### Instrumen Ekuiti

Saham biasa adalah dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa adalah diiktiraf dalam penyata perubahan dalam ekuiti untuk tahun di mana dividen tersebut diisyiharkan.

Kos transaksi ekuiti selepas ditolak cukai diambilkira sebagai pengurangan daripada ekuiti. Kos transaksi ekuiti hanya terdiri daripada pertambahan kos luaran yang berhubung secara langsung kepada transaksi ekuiti yang sebaliknya mungkin dielakkan.

#### Peruntukan Penglibatan Dan Tanggungan Luar Jangka

Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas jaminan diberi bagi pihak pelanggan, peruntukan tertentu bagi penglibatan dan tanggungan luar jangka dibuat apabila panggilan atau potensi tanggungan berlaku dan terdapat kekurangan dalam nilai cagaran untuk menyokong jaminan tersebut.

#### Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam kunci kira-kira apabila kumpulan menjadi sebahagian daripada peruntukan perjanjian instrumen berkenaan.

Instrumen kewangan adalah dikelaskan sebagai tanggungan atau ekuiti mengikut isi kandungan penyusunan berkontrak. Faedah, dividen dan keuntungan dan kerugian yang berkait dengan instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai tanggungan, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai ekuiti akan dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan akan diimbangi apabila Kumpulan mempunyai hak perundangan yang berkuat kuasa untuk mengimbangi dan mempunyai rancangan untuk penyelesaian secara bersih atau untuk merealisasi aset dan menyelesaikan tanggungan secara serentak.

#### Instrumen Kewangan Derivatif dan Perakaunan Lindungan Nilai

Instrumen kewangan derivatif diukur pada nilai saksama dan dinyata sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai tanggungan apabila nilai saksama negatif. Sebarang keuntungan atau kerugian timbul daripada perubahan dalam nilai saksama instrumen derivatif diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ianya sebahagian daripada perhubungan lindung nilai yang layak menggunakan perakaunan lindung nilai di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf seperti berikut:

- (i) Lindung nilai saksama

Di mana instrumen derivatif kewangan melindung nilai perubahan dalam nilai saksama aset atau tanggungan yang diiktiraf, sebarang keuntungan atau kerugian atau instrumen lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Butiran yang dilindung nilai juga dinyatakan pada nilai saksama bagi risiko yang dilindung nilai dengan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

- (ii) Lindung nilai aliran tunai

Keuntungan dan kerugian bagi instrumen lindung nilai, ke tahap di mana lindungan nilai adalah efektif, adalah ditunda dalam komponen ekuiti yang berlainan. Sebarang keuntungan atau kerugian dari bahagian yang tidak efektif diiktiraf dalam penyata pendapatan. Keuntungan dan kerugian tertunda adalah dilepaskan kepada penyata pendapatan bagi tempoh di mana butiran lindung nilai mempengaruhi penyata pendapatan.

#### Perjanjian Jual Dan Beli Balik

Ini adalah tanggungjawab Kumpulan untuk menunaikan tanggungannya untuk membeli semula Sekuriti Islam tertentu pada tempoh matang. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf semasa jualan dan dinyatakan sebagai keuntungan atau kerugian perniagaan daripada sekuriti dipegang untuk jualan.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### **Liabiliti Kontingen dan Aset Kontingen**

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontingen adalah obligasi yang mungkin timbul dari kejadian sebelumnya yang kewujudannya akan disahkan dengan terjadi atau tidak satu atau lebih kejadian akan datang yang tidak pasti di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak berkemungkinan aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti kontingen juga timbul dalam keadaan yang luar biasa di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan tepat.

Aset kontingen adalah aset yang mungkin timbul dari kejadian sebelumnya yang kewujudannya akan disahkan dengan terjadi atau tidak satu atau lebih kejadian akan datang yang tidak pasti di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak mengiktiraf aset kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi mungkin berlaku, tetapi tidak semestinya.

#### **Pendapatan Operasi**

Pendapatan operasi Kumpulan merangkumi semua kelas pendapatan daripada perbankan pelaburan dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan tetapi selepas semua urus niaga syarikat-syarikat berkaitan dihapuskan.

Pendapatan operasi Syarikat merangkumi pendapatan faedah dan lain-lain pendapatan operasi.

#### **Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan Faedah dan Pembiayaan**

Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan bagi aset yang menanggung faedah berdasarkan kaedah akruan. Pendapatan faedah termasuk pelunasan premium atau kenaikan diskaun. Pendapatan faedah dan pembiayaan atas sekuriti dikira berdasarkan hasil efektif.

Kumpulan menggunakan perakaunan kaedah pembiayaan faedah dan untuk pendapatan dari kegiatan pajakan. Mengikut kaedah pembiayaan, lebihan agregat sewa ke atas kos harta pajakan (dikurangkan dengan anggaran nilai baki pada akhir pajakan), dikira sebagai pendapatan selama tempoh pajakan dan jumlahnya berkurangan setara dengan susutan baki jumlah belum diperolehi menggunakan kaedah "jumlah angka".

Pendapatan pembiayaan dan faedah atas overdraf, pinjaman jangka panjang dan pinjaman perumahan dihitung berdasarkan akruan dengan merujuk kepada tempoh masa seperti yang tercatat dalam perjanjian pinjaman. Pendapatan faedah dan pembiayaan dari pembiayaan sewa beli dan pendiskaunan blok Kumpulan dikira mengikut kaedah "jumlah angka". Pendapatan dari pembiayaan Perbankan Islam diiktiraf atas dasar akruan menurut prinsip Shariah.

Yuran pengendalian yang dibayar kepada penjual kenderaan untuk pinjaman sewa beli dilunaskan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman mengikut Surat Pekeliling BNM berkenaan FI Pengendalian bertarikh 16 Oktober 2006 dan ditolak dari pendapatan faedah yang diiktiraf dalam pinjaman sewa beli.

Apabila pinjaman menjadi tidak berbayar, faedah terakru dan diktiraf sebagai pendapatan sebelum tarikh pinjaman diklasifikasikan sebagai tidak berbayar mestilah dikeluarkan daripada pendapatan dan diimbangi dengan faedah belum terima terakru dalam kunci kira-kira. Selepas itu, faedah terakru atas pinjaman tidak berbayar mestilah diiktiraf sebagai pendapatan pada asas tunai berbanding dengan diakru dan digantung pada masa sama seperti yang diuraikan sebelum ini.

Akaun dianggap tidak berbayar jika pembayaran balik adalah tertunggak lebih daripada tiga bulan dan selepas tarikh kematangan bagi bil perdagangan, penerimaan jurubank dan penerimaan amanah.

Dasar Kumpulan bagi pengiktirafan pendapatan faedah atas pinjaman dan pendahuluan adalah selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia bagi Klasifikasi Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Ragu dan Pelarasan BNM/GP8.

Perbelanjaan faedah dan pendapatan ke atas deposit dan pinjaman (berhubung dengan aktiviti-aktiviti perniagaan Perbankan Islam) Kumpulan dan Syarikat diakru mengikut kaedah sama rata manakala caj kewangan blok diskaun diakru menggunakan kaedah "sum-of-digit".

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### **Pengiktirafan Pendapatan Yuran dan Lain-lain Pendapatan**

Yuran mengatur pinjaman, pengurusan dan penyertaan, komisen penerimaan dan pemfaktoran, komisen tata jamin diiktiraf sebagai pendapatan setelah perjanjian ditandatangani.

Yuran khidmat nasihat dan kegiatan kewangan korporat diiktiraf sebagai pendapatan setelah selesai setiap peringkat urusan.

Yuran pengurusan aset, harta tanah dan unit amanah, agensi dan yuran penglibatan diiktiraf sebagai pendapatan mengikut pembahagian masa.

Semua keuntungan atau kerugian dari perlupusan pinjaman tidak berbayar diiktiraf dalam penyata pendapatan setelah kontrak dimeterai. Keuntungan atau kerugian dari perlupusan pinjaman tidak berbayar adalah perbezaan antara pemerolehan penjualan bersih dan nilai dinyatakan pinjaman tidak berbayar bersih yang dilupuskan.

Yuran jaminan diiktiraf sebagai pendapatan apabila jaminan dikeluarkan dan, di mana jangkamasa jaminan melebihi setahun, sepanjang tempoh jaminan.

Pendapatan dari penjualan unit amanah diiktiraf selepas unit-unit diperuntukan, bersih dari kos penjualan unit.

Sewa kelengkapan dan harta diiktiraf berdasarkan akruan.

Dividen diiktiraf bila hak untuk menerima bayaran ditentukan.

Pendapatan premium dari insurans am diiktiraf dalam tempoh kewangan berkenaan dengan risiko ditanggung dalam tempoh kewangan tersebut. Perjanjian masuk insurans semula diiktiraf atas dasar nasihat berkala yang diterima dari syarikat insurans yang menyerahkan.

Pendapatan premium dari perniagaan insurans nyawa diiktiraf sebaik sahaja amaun premium boleh diukur dengan munasabah. Pendapatan premium pertama diiktiraf dari tarikh diwujudkan dan pendapatan premium berikutnya diiktiraf pada tarikh perlu dibayar. Premium belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira diiktiraf sebagai pendapatan dengan syarat premium tersebut masih berada dalam jangkamasa yang dibenarkan untuk pembayaran.

Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan kaedah akruan apabila ia matang.

#### **Ganjaran Pekerja**

(i) Ganjaran jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan ganjaran-ganjaran bukan kewangan telah diakru dalam tempoh dalam mana perkhidmatan tersebut dilakukan oleh para pekerja Kumpulan.

(ii) Pelan Caruman Yang Ditetapkan

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim persaraan negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ditanggung. Apabila caruman tersebut dijelaskan, Kumpulan tidak lagi mempunyai tanggungjawab pembayaran.

(iii) Manfaat Penamatan

Manfaat penamatan perlu dibayar apabila perkerjaan seorang pekerja ditamatkan sebelum tarikh normal persaraan atau apabila seorang pekerja menerima lebihan pekerja secara sukarela sebagai pertukaran untuk manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat penamatan apabila Kumpulan komited melaksanakannya samada dengan menamatkan pekerjaan pekerja sekarang menurut pelan formal terperinci tanpa kemungkinan ditarik kembali atau dengan menyediakan manfaat penamatan hasil daripada penawaran yang dibuat untuk menggalakkan lebihan pekerja secara sukarela. Manfaat yang jatuh lebih daripada 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira didiskaunkan ke nilai semasa.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### Cukai Pendapatan

Cukai atas keuntungan atau kerugian untuk tahun kewangan terdiri daripada pencukaian semasa dan tertunda. Pencukaian diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ia berkenaan dengan butiran yang diiktiraf terus dalam ekuiti, yang mana pencukaian akan diiktiraf dalam ekuiti.

Pencukaian semasa ditentukan mengikut bidang kuasa undang-undang pencukaian di mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan bercukai.

Cukai tertunda dibuat, mengikut kaedah tanggungan, atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas pencukaian bagi aset dan tanggungan dan nilai buku di dalam penyata kewangan. Secara prinsip, tanggungan cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh diberi potongan cukai dan kerugian yang belum digunakan sehingga kemungkinan keuntungan bercukai akan wujud untuk digunakan ke atas perbezaan sementara yang boleh ditolak dan kerugian pencukaian yang belum digunakan. Perbezaan sementara tidak diiktiraf bagi ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan permulaan aset dan tanggungan yang pada masa transaksi, tidak menjelaskan keuntungan perakaunan ataupun pencukaian. Jumlah cukai tertunda dibuat berdasarkan cara realisasi dijangka akan berlaku atau penjelasan nilai buku aset dan tanggungan, mengikut kadar cukai yang telah diwarta atau sebahagian besarnya telah diwarta pada tarikh kunci kira-kira.

#### Mata Wang Asing

##### (i) Fungsi dan Penyampaian Mata Wang

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi ("fungsian mata wang"). Penyata kewangan yang disatukan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga mata wang fungsian Syarikat.

##### (ii) Transaksi Mata Wang Asing

Dalam menyediakan penyata kewangan Syarikat, syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu, transaksi dalam mata wang selain dari mata wang fungsian entiti direkodkan pada kadar pertukaran yang lazim pada tarikh transaksi atau, jika tertakluk kepada kontrak pertukaran wang asing, pada kadar dikontrakkan. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, butiran kewangan yang didominasi dalam mata wang asing diterjemah pada kadar lazim pada tarikh kunci kira-kira. Butiran bukan kewangan dinyatakan pada nilai saksama yang didominasi dalam mata wang asing diterjemah pada kadar lazim apabila nilai saksama ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur dalam kos sejarah dalam mata wang asing diterjemah padakadar pertukaran lazim pada tarikh transaksi awalan.

Perbezaan pertukaran yang timbul dari penyelesaian butiran kewangan, dan dari terjemahan butiran kewangan, dimasukkan ke dalam penyata pendapatan tahun tersebut. Perbezaan pertukaran yang timbul dari terjemahan semula butiran bukan kewangan dinyatakan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam penyata pendapatan tahun tersebut kecuali untuk perbezaan yang timbul dari terjemahan butiran bukan kewangan berkaitan keuntungan dan kerugian yang diiktiraf langsung dalam ekuiti.

##### (iii) Operasi-operasi pertukaran mata wang

Untuk tujuan penyatuan, aset dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu yang dinyatakan dalam mata wang asing, diterjemah kepada RM pada kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira manakala penyata pendapatan ditukarkan kepada RM pada kadar pertukaran purata bagi tahun tersebut. Keuntungan atau kerugian timbul daripada perterjemahan kepada RM diambil kira dalam rizab perubahan pertukaran mata wang. Kerugian perterjemahan mata wang yang melebihi amaun dalam rizab perubahan pertukaran mata wang asing jika ada, akan diambil kira dalam penyata pendapatan.

Ihsan dan pelarasan nilai saksama yang timbul dari pemerolehan entiti luar negeri akan dianggap sebagai aset dan tanggungan entiti luar negeri dan diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira.

Kadar pertukaran prinsipal untuk setiap unit mata wang asing pada tarikh kunci kira-kira untuk tujuan perterjemahan adalah seperti berikut:

	31.3.2008	31.3.2007
Dolar Singapura (SGD)	<b>2.31</b>	2.28
Dolar Amerika (USD)	<b>3.19</b>	3.46
Rupiah Indonesia (IDR)	<b>0.0003</b>	0.0004
Dolar Hong Kong (HKD)	<b>0.41</b>	0.47

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### **Penyata Aliran Wang Tunai**

Kumpulan dan Syarikat menggunakan kaedah tidak langsung dalam penyedian penyata aliran wang tunai.

#### **Wang Tunai Dan Kesamaan Wang Tunai**

Untuk tujuan penyata aliran wang tunai, wang tunai dan kesamaan wang tunai meliputi wang tunai dan dana jangka pendek, ditolak overdraf bank.

### 4. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Penyediaan penyata kewangan melibatkan membuat sesuatu anggaran, anggapan mengenai masa hadapan dan pertimbangan. Ia menjelaskan polisi perakaunannya yang digunakan, jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan yang dibuat. Ia disemak berterusan dan berdasarkan pengalaman dan faktor berkaitan, termasuk jangkaan kejadian akan datang yang dipercayai munasabah di bawah keadaan tersebut. Keputusan sebenar mungkin berbeza dari anggaran.

Perkara yang melibatkan pertimbangan yang lebih kompleks dan sulit, atau perkara dimana anggapan dan anggaran penting kepada penyata kewangan adalah seperti berikut:

- (a) Liabiliti perniagaan insurans

Terdapat beberapa sumber ketidakpastian yang perlu dipertimbangkan dalam anggaran liabiliti di bawah perniagaan insurans nyawa dan am dimana akhirnya Kumpulan akan diminta membayar sebagai tuntutan.

Untuk perniagaan insurans nyawa, anggaran dibuat untuk kematian, kecacatan, kematangan, penamatian sukarela, pulangan pelaburan dan perbelanjaan administrasi menurut keperluan badan pengawasan. Kumpulan mendasarkan anggaran jangkaan jumlah kematian menggunakan jadual mortaliti berkanun, disesuaikan dimana perlu untuk mencerminkan pendedahan risiko Kumpulan yang unik. Jumlah anggaran kematian menentukan kemungkinan nilai manfaat akan datang yang akan dibayar, yang akan difaktorkan untuk memastikan liputan rizab yang mencukupi, yang kemudian diawasi bertentangan premium semasa dan akan datang. Untuk kontrak yang menanggung risiko kecacatan, anggaran dibuat berdasarkan pengalaman silam dan perkembangan terbaru. Walau bagaimanapun, epidemik dan juga cara hidup yang bermacam ragam boleh menyebabkan perubahan drastik terhadap pendedahan akan datang. Semua ini menimbulkan anggaran ketidakpastian terhadap liabiliti mutakhir dana insurans nyawa.

Untuk perniagaan insurans am, ketidakpastian utama timbul dari peruntukan teknikal yang termasuk liabiliti peruntukan premium dan tuntutan. Liabiliti premium merangkumi rizab premium belum terperoleh sementara liabiliti tuntutan merangkumi peruntukan untuk tuntutan tertunggak. Secara amnya, liabiliti tuntutan ditentukan berdasarkan pengalaman tuntutan lepas, pengetahuan kejadian semasa, terma dan kondisi polisi berkenaan dan interpretasi keadaan. Paling terkait adalah pengalaman lepas mengenai kes yang sama, sejarah tuntutan, perkembangan terbaru, perubahan keputusan perundangan, keputusan kehakiman dan kondisi ekonomi. Adalah pasti yang premium sebenar masa hadapan dan liabiliti tuntutan tidak akan membentuk seperti yang dianggarkan dan mungkin berbeza dari anggaran Kumpulan. Anggaran premium dan liabiliti tuntutan adalah sensitif terhadap berbagai faktor dan ketidakpastian.

Pembentukan peruntukan teknikal adalah proses ketidakpastian yang termaktub dan, sebagai kesan dari ketidakpastian ini, penyelesaian premium dan liabiliti tuntutan muktamad mungkin berbeza dari anggaran awal. Mungkin terdapat jurang laporan yang besar antara berlakunya kejadian yang diinsuranku dan waktu ianya dilaporkan kepada Kumpulan. Lanjutan dari pengenalan dan notifikasi kerugian yang diinsuranku, mungkin masih terdapat ketidakpastian dalam magnitud tuntutan tersebut. Terdapat banyak faktor yang akan menentukan tahap ketidakpastian seperti inflasi, interpretasi keputusan kehakiman yang tidak konsisten, perubahan perundangan dan prosedur kendalian tuntutan.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 4. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMBUNGAN)

#### (b) Kemerosotan nilai ihsan

Kumpulan menguji kemerosotan nilai ihsan setiap tahun menurut polisi perakaunannya. Semakan yang lebih kerap dilakukan jika kejadian menunjukkan ianya perlu. Amaun CGU yang boleh diperolehi kembali ditentukan berdasarkan kaedah nilai dipakai, dimana memerlukan penggunaan anggaran. Pengiraan nilai dipakai menggunakan model aliran wang tunai didiskaunkan menggunakan anggaran aliran wang tunai berdasarkan bajet setahun terbaru yang diluluskan oleh pihak pengurusan. Aliran wang tunai untuk tahun kedua hingga kelima diekstrapolat menggunakan anggaran kadar pertumbuhan purata berwajaran. Kadar pertumbuhan tidak dianggarkan untuk tahun keenam hingga kesepuluh. Kadar diskaun yang digunakan untuk anggaran aliran wang tunai diambil dari kos modal sebelum cukai purata berwajaran pada tarikh penilaian. Perubahan kepada anggapan yang digunakan oleh pihak pengurusan, terutamanya kadar diskaun dan kadar pertumbuhan, mungkin mempengaruhi keputusan ujian kemerosotan nilai tersebut dengan berkesan.

#### (c) Anggaran nilai saksama

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan dengan teknik penilaian. Kumpulan menggunakan berbagai-bagai kaedah dan membuat anggapan yang berdasarkan kondisi pasaran yang wujud pada tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau harga sebutan perniaga untuk instrumen yang serupa dan aloran wang tunai didiskaunkan adalah sebahagian dari teknik umum yang digunakan untuk mengira nilai saksama instrumen tersebut.

#### (d) Klasifikasi antara harta tanah pelaburan dan harta tanah dan kelengkapan

Kumpulan telah membentuk beberapa kriteria berdasarkan FRS 140 dalam membuat keputusan samada sebuah harta tanah layak sebagai harta tanah pelaburan. Harta tanah pelaburan dipegang untuk mendapat sewa atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya.

Sesetengah harta tanah merangkumi bahagian yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk kenaikan modal dan bahagian yang lain dipegang untuk digunakan dalam produksi atau penyediaan barang atau perkhidmatan atau untuk tujuan administrasi. Jika bahagian tersebut dapat dijual berasingan, Kumpulan akan mengambil kira bahagian tersebut berasingan. Jika bahagian tidak dapat dijual berasingan, harta tanah tersebut adalah harta tanah pelaburan hanya jika sebahagian kecil dipegang untuk digunakan dalam produksi atau penyediaan barang atau perkhidmatan atau untuk tujuan administrasi. Keputusan dibuat atas dasar harta tanah individu untuk menentukan samada perkhidmatan sampingan sangat bermakna sehingga harta tanah tidak layak sebagai harta tanah pelaburan.

#### (e) Aset Cukai Tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua kerugian cukai belum digunakan sehingga kemungkinan keuntungan bercukai yang mana kerugian tersebut boleh digunakan. Keputusan pengurusan yang penting diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf berdasarkan kemungkinan waktu dan tahap kentungan bercukai masa hadapan bersama dengan strategi rancangan cukai masa hadapan.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 5. WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	2008	2007		
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Wang tunai dan baki bank	<b>384,858</b>	<b>1,206</b>	339,168	1,480
Wang panggilan dan deposit matang dalam tempoh sebulan:				
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	<b>313,872</b>	-	51,484
Lain-lain	<b>1,582,925</b>	-	1,232,143	-
Bank Negara Malaysia	<b>8,887,060</b>	-	8,809,990	-
Lain-lain institusi kewangan	<b>103,521</b>	-	211,919	-
	<b>10,958,364</b>	<b>315,078</b>	10,593,220	52,964

Termasuk di atas adalah pembiayaan antara bank berjumlah RM9,033,916,000 (RM8,604,558,000 pada 2007) bagi Kumpulan dan deposit jangka pendek dan wang tunai dipegang bagi pihak pelanggan dan broker saham berjumlah RM297,825,000 (RM92,900,000 pada 2007) bagi Kumpulan.

Pada 31 Mac 2008, kedudukan pinjaman dan pembiayaan antara bank bersih bagi Kumpulan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2008 RM'000	2007 RM'000
Pembiayaan antara bank		
Wang tunai dan dana jangka pendek	<b>10,502,776</b>	8,604,558
Deposit dengan institusi-institusi kewangan (Nota 7)	<b>1,329,700</b>	1,207,544
	<b>11,832,476</b>	9,812,102
Pinjaman antara bank (Nota 21)	<b>(37,001)</b>	(1,101,039)
Pembiayaan antara bank - bersih	<b>11,795,475</b>	8,711,063

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 6. PEMBELIAN SEKURITI BAWAH PERJANJIAN JUAL-BALIK

	2008	2007		
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	-	-	43,450
Lain-lain	<b>52,468</b>	-	501,431	-
	<b>52,468</b>	-	501,431	43,450

Termasuk di atas adalah wang tunai dipegang bagi pihak pelanggan dan broker saham berjumlah RM45,819,000 (RM316,400,000 pada 2007) bagi Kumpulan.

### 7. DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN BANK DAN LAIN-LAIN INSTITUSI KEWANGAN

	2008	2007		
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	<b>15,034</b>	-	146,331
Lain-lain	<b>337,466</b>	-	547,901	-
Kontrak kadar pertukaran utama yang digunakan ialah kontrak pertukaran mata wang asing dan swap matawang bersilang. Kontrak hadapan mata wang asing ialah perjanjian untuk membeli atau menjual sesuatu kuantiti mata wang asing tertentu pada tarikh hadapan pada kadar yang dipersetujui. Biasanya swap matawang bersilang melibatkan pertukaran atau pertukaran notional yang sama amaun bagi kedua-dua mata wang dan penglibatan pertukaran faedah berkala sehingga amaun prinsipalnya ditukar balik pada tarikh hadapan.

Kontrak-kontrak kadar faedah utama yang digunakan ialah kadar faedah hadapan, swap kadar faedah dan perjanjian kadar hadapan. Perjanjian kadar hadapan ialah kontrak untuk bayaran bagi perbezaan di antara kadar faedah tertentu dan kadar rujukan di atas deposit nosisional pada tarikh penjelasan hadapan. Tiada jumlah amaun bagi kedua-dua mata wang dan penglibatan pertukaran faedah berkala sehingga amaun prinsipal dipertukarkan. Kadar faedah hadapan ialah kontrak diniaga di bursa dan dasar nilainya ialah perbezaan di antara kadar faedah tertentu dengan kadar rujukan deposit nosisional atau sekuriti pendapatan tetap pada tarikh penjelasan hadapan. Biasanya urus niaga swap kadar faedah melibatkan kewajipan pembayaran faedah tetap dan terapung tertukar tanpa pertukaran amaun prinsipal masingmasing.

Bagi tujuan pendapatan, Kumpulan mengekalkan kedudukan dagangan dalam instrumen-instrumen tersebut dan terlibat dalam urus niaga-urus niaga dengan pelanggan untuk memenuhi keperluan mengurus pendedahan kadar faedah dan kadar pertukaran mata wang asing mereka. Urus niaga derivatif mewujudkan pendapatan daripada perbezaan harga beli-jual. Kumpulan juga mengambil pendedahan konservatif, di dalam had yang boleh diterima, untuk menyimpan inventori instrumen-instrumen tersebut bagi menyediakan kecairan pasaran dan meraih potensi keuntungan daripada perubahan nilai instrumen-instrumen tersebut.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 50. POLISI PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

#### POLISI PENGURUSAN RISIKO BAGI DERIVATIF KEWANGAN (SAMBUNGAN)

##### Tujuan berurusan dalam derivatif kewangan (Sambungan)

Sebagai sebahagian daripada pengurusan pendedahan aset dan tanggungan, Kumpulan mengguna derivatif untuk mengurus pendedahan risiko pasaran Kumpulan. Oleh kerana nilai derivatif kewangan pada asasnya ditentukan oleh faktor kadar faedah dan kadar pertukaran mata wang asing, Kumpulan menggunakan derivatif kewangan tersebut untuk menurunkan pendedahan kadar faedah dan kadar pertukaran mata wang asing keseluruhan Kumpulan. Ini dilakukan dengan penyertaan dalam pendedahan derivatif yang menghasilkan pergerakan nilai bertentangan dengan pendedahan yang dihasilkan oleh lain-lain aktiviti bukan derivatif Kumpulan. Kumpulan menguruskan risiko-risiko tersebut pada atas portfolio. Oleh itu, pendedahan terhadap derivatif-derivatif akan dikumpulkan atau diimbangi dengan pendedahan serupa yang timbul daripada instrumen-instrumen kewangan lain yang disertai oleh Kumpulan.

##### Risiko berkaitan dengan derivatif kewangan

Oleh kerana derivatif adalah kontrak-kontrak yang memindah risiko, maka ia mendedahkan pemegang kepada risiko pasaran dan risiko kredit yang sama seperti instrumen kewangan lain dan Kumpulan menguruskan risiko ini secara konsisten dalam rangka kerja pengurusan risiko.

##### Risiko pasaran bagi derivatif yang digunakan untuk tujuan perdagangan

Risiko pasaran yang timbul daripada kontrak derivatif berkaitan kadar faedah dan kadar pertukaran mata wang asing di atas menilai potensi kerugian terhadap nilai kontrak-kontrak tersebut yang disebabkan oleh perubahan kadar pasaran/harga. Pendedahan kepada risiko pasaran mungkin dapat dikurangkan dengan mengimbangi kedudukan dalam dan luar kunci kira-kira.

Jumlah yang dikontrakkan dalam kontrak-kontrak ini hanya memberi satu penilaian penglibatan dalam jenis transaksi-transaksi tersebut dan tidak menunjukkan jumlah yang tertakluk kepada risiko pasaran. Kaedah nilai-pada-risiko untuk menilai risiko pasaran daripada kontrak-kontrak tersebut. Nilai-padarisiko adalah kaedah statistik yang menganggar potensi perubahan dalam nilai portfolio yang mungkin berlaku yang disebabkan oleh potensi perubahan kadar dalam pasaran dalam tempoh masa 90 hari pada tahap keyakinan 99% bawah pasaran yang normal.

Pada 31 Mac 2008, nilai-pada-risiko derivatif berkaitan pertukaran mata wang asing dagangan Kumpulan berjumlah RM5,824,499 (RM1,628,136 pada 2007).

Nilai-pada-risiko kontrak kadar faedah portfolio dagangan derivatif Kumpulan berjumlah RM26,191,724 (RM25,885,784 pada 2007).

Nilai-pada-risiko kontrak berkaitan opsyen untuk kegunaan perniagaan Kumpulan berjumlah RM Tiada (RM26,007,863 pada 2007).

Penggunaan instrumen-instrumen ini untuk melindung nilai terhadap pendedahan yang disebabkan oleh pendanaan atau bagi instrumen pendapatan tetap yang diperolehi bagi tujuan pelaburan adalah tidak termasuk di dalam risiko pasaran di atas.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 50. POLISI PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

#### Risiko kredit derivatif

Risiko kredit timbul dari kemungkinan sebarang pihak berkontrak tidak dapat memenuhi syarat-syarat kontrak derivatif tersebut. Tidak seperti instrumen aset konvensional, kerugian kewangan Kumpulan bukan keseluruhan nilai prinsipal derivatif yang dikontrak, tetapi hanya sebahagian bersamaan dengan kos untuk menggantikan kontrak yang diingkar dengan kontrak yang lain di pasaran. Kos penggantian adalah bersamaan dengan perbezaan antara nilai asal derivatif pada masa kontrak ditandatangani dengan pihak berkontrak yang beringkar dan nilai saksama semasa pengganti yang serupa pada harga pasaran semasa. Kumpulan hanya akan menanggung kos penggantian sekiranya kontrak tersebut mempunyai keuntungan nilai saksama pada masa kontrak diingkari.

As at 31 Mac 2008, amaun risiko kredit pinjaman, yang berpandukan kepada kos untuk menggantikan kontrak-kontrak yang berkeuntungan Kumpulan adalah RM8,018,674 (RM27,277,893 pada 2007). Amaun ini akan meningkat atau menurun sepanjang jangkahayat kontrak, biasanya sebagai fungsi pergerakan masa dan kadar pasaran.

Kumpulan telah menghadkan risiko kreditnya melalui satu rangka kerja konservatif yang hanya berurus dengan pihak yang mempunyai kepercayaan kredit, menentukan had kredit pendedahan terhadap pihak lain, dan mendapatkan cagaran apabila perlu.

### 51. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah kontrak yang menimbulkan satu aset kewangan bagi satu syarikat dan satu tanggungan kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu syarikat lain. Nilai saksama untuk instrumen kewangan adalah jumlah di mana instrumen tersebut boleh ditukar atau diselesaikan antara pihak-pihak yang berpengetahuan dan rela dalam keadaan perniagaan biasa, selain daripada jualan dipaksa atau pembubaran. Maklumat-maklumat yang dibentangkan di bawah merupakan anggaran terbaik nilai saksama instrumen kewangan pada tarikh kunci kira-kira.

Sekiranya boleh didapati, harga pasaran disebut harga akan digunakan sebagai penilaian nilai saksama. Sekiranya harga pasaran disebut harga tidak boleh didapati, nilai saksama akan dianggarkan berdasarkan beberapa kaedah dan anggapan-anggapan berkenaan dengan sifat-sifat risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskau, anggaran aliran wang tunai masa hadapan dan faktor-faktor lain. Perubahan dalam anggapan-anggapan boleh menjasaskan anggaran-anggaran dan nilai saksama yang bersehubungan.

Selain itu, maklumat nilai saksama bagi aset dan tanggungan bukan kewangan seperti pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan pencukaian adalah tidak termasuk kerana tidak terlibat dalam skop FRS 132: Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Penyampaian, yang mengkehendaki maklumat nilai saksama didedahkan.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 51. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Anggaran nilai saksama intrumen kewangan Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

2008	Kumpulan		Syarikat	
	Nilai Buku RM'000	Nilai Saksama RM'000	Nilai Buku RM'000	Nilai Saksama RM'000
<b>Aset Kewangan</b>				
Wang tunai dan dana jangka pendek	<b>10,958,364</b>	<b>10,958,364</b>	<b>315,078</b>	<b>315,078</b>
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	<b>52,468</b>	<b>52,468</b>	-	-
Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi kewangan	<b>1,387,810</b>	<b>1,501,566</b>	<b>15,034</b>	<b>15,034</b>
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	<b>6,699,010</b>	<b>6,699,010</b>	<b>20,000</b>	<b>20,000</b>
Sekuriti sedia untuk dijual	<b>1,850,935</b>	<b>1,869,226</b>	<b>3,978</b>	<b>3,978</b>
Sekuriti dipegang sehingga matang	<b>1,179,878</b>	<b>1,318,885</b>	-	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan*	<b>53,298,818</b>	<b>53,968,981</b>	-	-
Aset kewangan derivatif	<b>370,681</b>	<b>370,681</b>	-	-
Amaun ter hutang daripada Syarikat Asal	<b>35,140</b>	<b>35,156</b>	-	-
Aset-aset kewangan lain	<b>3,859,386</b>	<b>3,859,386</b>	<b>26,973</b>	<b>26,973</b>
	<b>79,692,490</b>	<b>80,633,723</b>	<b>381,063</b>	<b>381,063</b>
Aset-aset bukan kewangan	<b>3,499,217</b>		<b>6,544,214</b>	
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>83,191,707</b>		<b>6,925,277</b>	
<b>Liabiliti Kewangan</b>				
Deposit daripada pelanggan	<b>47,767,451</b>	<b>47,568,006</b>	-	-
Deposit dan penempatan bank dan lain-lain institusi kewangan	<b>15,118,689</b>	<b>14,915,013</b>	-	-
Bil dan penerimaan belum bayar	<b>1,909,243</b>	<b>1,909,243</b>	-	-
Obligasi rekursa atas pinjaman Cagamas Berhad	<b>243,979</b>	<b>239,716</b>	-	-
Liabiliti kewangan derivatif	<b>410,929</b>	<b>410,929</b>	-	-
Pinjaman berjangka	<b>1,790,844</b>	<b>1,790,844</b>	<b>1,506,000</b>	<b>1,506,000</b>
Pinjaman berjangka bersubordinat	<b>460,000</b>	<b>494,110</b>	-	-
Nota-nota berjangka sederhana	<b>860,000</b>	<b>962,237</b>	-	-
Bon tidak bercagar	<b>1,750,000</b>	<b>1,895,533</b>	-	-
Modal hibrid	<b>673,830</b>	<b>615,056</b>	-	-
Liabiliti-liabiliti kewangan lain	<b>4,907,324</b>	<b>4,907,324</b>	<b>3,684</b>	<b>3,684</b>
	<b>75,892,289</b>	<b>75,708,011</b>	<b>1,509,684</b>	<b>1,509,684</b>
<b>Liabiliti-liabiliti bukan kewangan</b>				
Liabiliti-liabiliti bukan kewangan	<b>45,473</b>		-	-
Kepentingan minoriti	<b>84,352</b>		-	-
Ekuiti yang berkaitan dengan pemegang ekuiti Syarikat	<b>7,169,593</b>		<b>5,415,593</b>	
	<b>7,299,418</b>		<b>5,415,593</b>	
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI</b>	<b>83,191,707</b>		<b>6,925,277</b>	

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 51. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2007	Kumpulan		Syarikat	
	Nilai Buku RM'000	Nilai Saksama RM'000	Nilai Buku RM'000	Nilai Saksama RM'000
<b>Aset Kewangan</b>				
Wang tunai dan dana jangka pendek	10,593,220	10,593,220	52,964	52,964
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	501,431	501,431	43,450	43,450
Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi kewangan	1,639,857	1,472,779	146,331	146,331
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	6,918,905	6,918,905	20,000	20,000
Sekuriti sedia untuk dijual	1,855,529	1,958,581	2,000	2,000
Sekuriti dipegang sehingga matang	2,312,570	2,501,433	-	-
Aset kewangan derivatif	400,312	400,312	-	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan*	48,389,151	48,921,490	-	-
Amaun ter hutang daripada Syarikat Asal	52,421	52,519	-	-
Aset-aset kewangan lain	2,126,285	2,126,285	29,697	29,697
	<u>74,789,681</u>	<u>75,446,955</u>	<u>294,442</u>	<u>294,442</u>
Aset-aset bukan kewangan	<u>4,193,177</u>	<u>3,701,283</u>		
<b>JUMLAH ASET</b>	<u><b>78,982,858</b></u>	<u><b>78,982,858</b></u>	<u><b>3,995,725</b></u>	<u><b>3,995,725</b></u>
<b>Liabiliti Kewangan</b>				
Deposit daripada pelanggan	42,381,662	42,329,668	-	-
Deposit dan penempatan bank dan lain-lain institusi kewangan	17,441,339	17,497,334	-	-
Kewajipan atas jualan sekuriti bawah perjanjian beli-balik	3,140,243	3,140,243	-	-
Bil dan penerimaan belum bayar	1,461,577	1,461,577	-	-
Kewajipan rekursa atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	755,061	754,627	-	-
Liabiliti kewangan derivatif	470,742	470,742	-	-
Pinjaman berjangka	309,680	309,680	206,000	206,000
Pinjaman berjangka bersubordinat	460,000	535,701	-	-
Bon boleh ditebus dan tidak bercagar	1,322,795	1,456,986	147,795	147,795
Modal Hibrid	666,474	693,089	-	-
Liabiliti-liabiliti kewangan lain	4,513,015	4,513,015	7,044	7,044
	<u>72,922,588</u>	<u>73,162,662</u>	<u>360,839</u>	<u>360,839</u>
<b>Liabiliti-liabiliti bukan kewangan</b>				
Liabiliti-liabiliti bukan kewangan	70,953	-	-	-
Ekuiti yang berkaitan dengan pemegang ekuiti Syarikat	4,787,801		3,634,886	
Kepentingan minoriti	1,201,516		-	
	<u>6,060,270</u>		<u>3,634,886</u>	
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI</b>	<u><b>78,982,858</b></u>		<u><b>3,995,725</b></u>	

\* Peruntukan am bagi Kumpulan berjumlah RM845,225,000 (RM778,396,000 pada 2007) dimasukkan dalam asset-aset bukan kewangan.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 51. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Nilai saksama instrumen derivatif kewangan adalah seperti di Nota 50.

Nilai saksama tanggungan luar jangka dan kemudahan kredit belum diberi tidak sedia dipastikan. Pada masa ini, instrumen-instrumen kewangan tersebut tidak dijual or didagang. Bayaran khidmat yang dihasilkan adalah sejajar dengan harga pasaran bagi pengurusan serupa. Anggaran nilai saksama mungkin diwakili oleh nilai semasa yang dijangka boleh diterima, ditolak kos berkaitan dan potensi kerugian yang mungkin timbul sekiranya penglibatan-penglibatan ini diperjelaskan. Kumpulan menilai bahawa nilai saksama masing-masing adalah tidak berkemungkinan penting kerana bayaran khidmat keseluruhan adalah tidak penting dan tiada peruntukan perlu dibuat.

Kaedah-kaedah dan anggapan-anggapan berikut digunakan untuk menganggar nilai saksama aset dan tanggungan pada 31 Mac 2008 dan 2007:

**(a) Wang tunai dan dana jangka pendek**

Nilai buku merupakan anggaran munasabah bagi nilai saksama kerana risiko kredit boleh diabaikan dan sifat jangka pendek atau sering kali berlaku perletakan harga semula.

**(b) Pembelian Sekuriti Bawah Perjanjian Jual-Balik dan Deposit Dan Penempatan Dengan Bank Dan Lain-Lain Institusi Kewangan**

Nilai saksama sekuriti dibeli di bawah perjanjian jual-balik dan deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi kewangan dengan baki tempoh kematangan kurang daripada enam bulan adalah dianggarkan lebih kurang bersamaan dengan nilai buku. Bagi sekuriti dibeli bawah perjanjian jual-balik dan deposit dan penempatan dengan institusi kewangan dengan tempoh kematangan lebih daripada enam bulan, nilai saksama adalah dianggarkan berdasarkan aliran wang tunai diskaun pada kadar Klibor semasa dan swap kadar faedah.

**(c) Sekuriti Dipegang Untuk Urus niaga, Sekuriti Sedia Untuk Dijual Dan Sekuriti Dipegang Sehingga Matang**

Anggaran nilai saksama adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kirakira. Di mana harga pasaran disebut harga tidak boleh didapati, nilai saksama adalah dianggarkan menggunakan teknik aliran wang tunai didiskaun atau aset ketara bersih. Nilai saksama sekuriti pertukaran ekuiti tidak disebut harga yang tidak didagang dengan aktif, dianggarkan pada nilai par, selepas mengambilkira nilai cagaran. Di mana teknik aliran wang tunai didiskaun digunakan, anggaran aliran wang tunai hadapan didiskaun menggunakan kadar pasaran indikatif bagi instrumen serupa pada tarikh kunci kira-kira.

**(d) Pinjaman, Pendahuluan Dan Pembiayaan Dan Pinjaman Berjangka Bersubordinat (“Pinjaman Dan Pembiayaan”)**

Nilai saksama kadar pinjaman berubah dan pembiayaan adalah dianggarkan lebih kurang bersamaan dengan nilai buku. Bagi pinjaman dan pembiayaan pada kadar tetap, nilai saksama adalah dianggarkan berdasarkan aliran wang tunai masa hadapan bagi pembayaran ansuran berkontrak dan didiskaun pada kadar indikatif semasa dilaraskan untuk risiko kredit. Bagi pinjaman tidak berbayar, nilai saksama adalah dianggap lebih kurang bersamaan dengan nilai buku, ditolak peruntukan tertentu bagi hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan.

**(e) Instrumen Kewangan Derivatif**

Nilai saksama instrumen kewangan derivatif diperoleh daripada kadar-kadar pasaran disebut harga dalam pasaran aktif termasuk urus niaga pasaran dan teknik penilaian yang terbaru, seperti model-model aliran tunai terdiskaun, sebagaimana sesuai.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 51. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### (f) Aset-aset lain

Anggaran nilai saksama lain-lain aset dianggarkan bersamaan dengan nilai buku kerana nilai realisasi ganjaran akhir pada kunci kira-kira adalah sama dengan nilai buku.

#### (g) Deposit Daripada Pelanggan, Deposit Dan Penempatan Bank Dan Lain-Lain Institusi Kewangan Dan Kewajipan Atas Jualan Sekuriti Bawah Perjanjian Beli-Balik

Nilai saksama bagi deposit-deposit tanggungan dibayar atas tuntutan (“semasa dan deposit simpanan”) atau dengan baki tempoh kematangan kurang daripada enam bulan adalah dianggar lebih kurang bersamaan dengan nilai buku pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama deposit berjangka ,instrumen deposit boleh niaga dan kewajipan atas jualan sekuriti bawah perjanjian beli balik dengan baki tempoh kematangan lebih daripada enam bulan adalah dianggarkan berdasarkan aliran wang tunai didiskaun menggunakan kadar Klibor dan swap kadar faedah.

#### (h) Bil Dan Penerimaan Belum Bayar

Nilai Buku adalah anggaran munasabah nilai saksama kerana sifat jangka pendeknya.

#### (i) Lain-lain liabiliti

Nilai saksama lain-lain liabiliti lebih kurang sama dengan nilai buku pada tarikh kunci kira-kira.

#### (j) Kewajipan Rekursa Atas Pinjaman Dijual Kepada Cagamas Berhad

Nilai saksama bagi kewajipan rekursa atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad adalah ditentukan berdasarkan aliran wang tunai didiskaun bagi pembayaran ansuran masa hadapan pada kadar yang ditetapkan oleh Cagamas Berhad pada tarikh kunci kira-kira.

#### (k) Pinjaman Berjangka, Sijil Deposit Bersubordinat, Pinjaman Berjangka Bersubordinat, Bon Boleh Tebus Dan Tidak Bercagar Dan Modal Hibrid (“Pinjaman”)

Nilai-nilai saksama bagi pinjaman dengan baki tempoh kematangan yang kurang daripada enam (6) bulan adalah dianggarkan lebih kurang bersamaan dengan nilai buku pada tarikh kunci kirakira. Nilai-nilai saksama bagi pinjaman dengan tempoh kematangan lebih daripada enam bulan adalah dianggarkan berdasarkan aliran wang tunai didiskaun menggunakan kadar pasaran indikatif instrumen dengan profil risiko yang serupa pada tarikh kunci kira-kira.

#### (l) Swap Kadar Faedah, Niaga Hadapan Dan Kontrak Kadar Hadapan

Anggaran nilai saksama adalah berdasarkan harga pasaran untuk menyertai kontrak pengimbangan pada tarikh kunci kira-kira.

#### (m) Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan Jangka Pendek

Anggaran nilai saksama adalah berdasarkan harga pasaran untuk menyertai kontrak pengimbangan pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama bagi lain-lain aset kewangan dan lain-lain tanggungan kewangan adalah bersifat jangka pendek dan telah dianggar lebih kurang bersamaan dengan nilai buku mereka.

Oleh kerana anggapan telah dibuat berkenaan dengan sifat-sifat risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskau, pengalaman kerugian masa hadapan dijangka dan lain-lain faktor, perubahan di dalam ketidakpastian dan anggapan-anggapan boleh menjelaskan anggaran-anggaran dan anggaran penilaian yang dihasilkan.

# NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

## 52. ASET BERSIH SESAHAM (RM)

Aset ketara bersih sesaham mewakili nilai jumlah aset kunci kira-kira tolak jumlah tanggungan dan kepentingan minoriti dinyatakan sebagai amaun sesaham biasa.

Aset bersih sesaham dikira seperti berikut:

	2008		2007	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Jumlah aset	<b>83,191,707</b>	<b>6,925,277</b>	78,982,858	3,995,725
Tolak:				
Jumlah liabiliti	<b>75,937,762</b>	<b>1,509,684</b>	72,993,541	360,839
Kepentingan minoriti	<b>84,352</b>	-	1,201,516	-
	<b>76,022,114</b>	<b>1,509,684</b>	74,195,057	360,839
Aset bersih	<b>7,169,593</b>	<b>5,415,593</b>	4,787,801	3,634,886
Saham biasa bersih diterbit dan dibayar penuh pada RM1.00 setiap satu	<b>2,722,970</b>	<b>2,722,970</b>	2,130,565	2,130,565
Aset bersih sesaham (RM)	<b>2.63</b>	<b>1.99</b>	2.25	1.71

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 53. ANALISIS SEGMENT PERNIAGAAN

Perniagaan Kumpulan adalah diaturkan dalam enam segmen, berdasarkan produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Segmen-segmen ini adalah perbankan pelaburan, perbankan komersil dan runcit, perbankan luar pesisir, Perbankan Islam, insurans dan lain-lain.

#### **Perbankan Pelaburan**

Perbankan pelaburan merangkumi perbankan saudagar, pembrokeran saham, pembrokeran niaga hadapan, pengurusan dana dan harta tanah serta perkhidmatan amanah. Perbankan saudagar memenuhi keperluan perniagaan pelanggan-pelanggan korporat besar dan institusi kewangan. Perbankan saudagar menyediakan pelbagai jenis opsyen kewangan, perbendaharaan dan perkhidmatan derivatif, perkhidmatan kewangan korporat, pasaran modal hutang dan perbankan persendirian. Melalui Syarikatsyarikat subsidiari AIGB, perbankan pelaburan juga menyediakan produk saham dan broker niaga hadapan serta perkhidmatan melalui AmInvestment Bank dan AmFutures, pengurusan pelaburan, pengurusan unit amanah dan penyelesaian pelaburan khas dan perkhidmatan pengurusan harta tanah melalui AIM, AIS, AmPTMB dan AmARA REIT serta perkhidmatan amanah melalui AmTrustee.

#### **Perbankan komersil dan runcit**

Fokus perbankan komersil dan runcit adalah pemberian produk dan perkhidmatan kepada pelanggan individu dan perniagaan kecil dan sederhana. Produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan termasuk kemudahan kredit seperti pembiayaan berjangka, pinjaman perumahan, dagangan, pinjaman sewa beli, pinjaman dan pembiayaan saham, kad kredit, perkhidmatan pengiriman, pemungutan deposit dan bankassurans.

#### **Perbankan luar pesisir**

Melalui AMIL dan cawangan AmInvestment Bank di Labuan, Kumpulan telah mewujudkan kedudukan dalam arena antarabangsa di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan. Produkproduk dan perkhidmatan yang ditawarkan meliputi kewangan korporat, nasihat dan perkhidmatan amanah, konvensional dan perbankan Islam serta bertindak sebagai Penaja Penyenaraian bagi syarikat korporat yang mahukan penyenaraian dalam Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan.

#### **Perbankan Islam**

Segmen perbankan Islam meliputi aktiviti perniagaan perbankan Islam yang dilaksanakan oleh Kumpulan.

#### **Insurans**

Segmen insurans menawarkan berbagai-bagai jenis produk insurans hayat dan am.

#### **Lain-lain**

Segmen lain-lain terdiri daripada pelbagai aktiviti, yang menyokong perniagaan operasi. Ini termasuk pendapatan korporat dan butiran perbelanjaan yang tidak diagihkan kepada segmen perniagaan individu. Selain itu, pendapatan dan kos pendanaan syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan adalah termasuk dalam kategori ini.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 53. ANALISIS SEGMENT PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

2008 Kumpulan	Perbankan Pelaburan RM'000	Komersil dan Runcit RM'000	Perbankan Luar Pesisir RM'000	Perbankan Islam RM'000	Insuran RM'000	Lain-lain RM'000	Penghapusan/ Pelarasan Penyatuan RM'000	Jumlah RM'000
Pendapatan luar	1,136,036	2,600,363	62,485	1,012,253	971,400	109,013	(260,390)	5,631,160
Pendapatan dari segmen lain	131,707	120,946	6,652	-	4,345	10,974	101,798	376,422
Pendapatan operasi	1,267,743	2,721,309	69,137	1,012,253	975,745	119,987	(158,592)	6,007,582
Keuntungan daripada operasi	359,552	590,020	16,731	192,176	56,530	12,381	(32,953)	1,194,437
Penukaian	(90,216)	(204,854)	(20)	(72,515)	(18,271)	(1,271)	3,529	(383,618)
Kepentingan minoriti	-	-	-	-	-	-	(142,277)	(142,277)
Keuntungan bersih bagi tahun	269,336	385,166	16,711	119,661	38,259	11,110	(171,701)	668,542
<b>Maklumat lain</b>								
Aset segmen	15,146,792	54,581,226	1,108,673	11,091,189	2,613,182	1,370,554	(4,454,082)	81,457,534
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	264,688	814,350	-	-	-	11,007,442	(12,086,480)	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	100	238	-	-	-	100	863	1,301
Ihsan/(Rizab) berpunca dari penyatuan	-	-	-	-	(1,566)	-	1,734,438	1,732,872
Jumlah aset	15,411,580	55,395,814	1,108,673	11,091,189	2,611,616	12,378,096	(14,805,261)	83,191,707
Liabiliti segmen	13,155,170	52,235,560	1,250,281	9,657,718	2,356,468	2,434,937	(5,152,372)	75,937,762
Pembelian harta dan peralatan	11,974	47,255	76	(295)	4,099	276	-	63,445
Susutnilai harta dan peralatan	8,054	37,208	65	122	2,115	825	36	48,425

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 53. ANALISIS SEGMENT PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

2007 Kumpulan	Perbankan						Penghapusan/ Pelarasan Penyatuan RM'000	Jumlah RM'000
	Perbankan Pelaburan RM'000	Komersil dan Runcit RM'000	Luar Pesisir RM'000	Perbankan Islam RM'000	Insuran RM'000	Lain-lain RM'000		
Pendapatan luar	1,174,456	2,451,621	73,879	946,695	882,516	69,336	(101,214)	5,497,289
Pendapatan dari segmen lain	144,206	131,636	13,459	-	1,599	10,492	(301,392)	-
Pendapatan operasi	1,318,662	2,583,257	87,338	946,695	884,115	79,828	(402,606)	5,497,289
Keputusan segmen	355,849	(677,959)	7,189	191,416	68,753	(24,392)	(6,511)	(85,655)
Pelunasan ihsan dari penyatuan	-	-	-	-	-	-	1,043	1,043
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi	355,849	(677,959)	7,189	191,416	68,753	(24,392)	(5,468)	(84,612)
Penukaian	(95,428)	126,333	(20)	(57,922)	(21,682)	714	3,720	(44,285)
Kepentingan minoriti	-	-	-	-	-	-	(153,559)	(153,559)
Keuntungan/(Kerugian) bersih bagi tahun	260,421	(551,626)	7,169	133,494	47,071	(23,678)	(155,307)	(282,456)
<b>Maklumat lain</b>								
Aset segmen	20,401,691	52,950,805	1,076,262	10,533,801	2,235,725	1,304,826	(10,049,127)	78,453,983
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	264,369	814,350	-	-	-	7,700,974	(8,779,693)	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	138	237	-	-	-	100	1,279	1,754
Ihsan/(Rizab) berpunca dari penyatuan	-	-	-	-	(1,565)	-	528,686	527,121
Jumlah aset	20,666,198	53,765,392	1,076,262	10,533,801	2,234,160	9,005,900	(18,298,855)	78,982,858
Liabiliti segmen	18,605,045	51,043,036	1,161,318	9,219,001	2,019,846	1,215,106	(10,269,811)	72,993,541
Pembelian harta dan peralatan	4,806	38,167	162	975	735	817	-	45,662
Susutnilai harta dan peralatan	7,136	41,867	64	55	1,847	614	4	51,587

Maklumat kewangan segmen mengikut geografi tidak dipersembahkan kerana kegiatan Kumpulan terutamanya beroperasi di Malaysia kecuali, FIPL dan syarikat-syarikat subsidiarinya, AMCI, AmSecurities (H.K) Limited dan AmTrade Services, di mana kegiatan-kegiatan ini adalah masing-masing beroperasi di Singapura, Indonesia dan Hong Kong. Kegiatan-kegiatan di Singapura, Indonesia dan Hong Kong adalah tidak penting berbanding dengan kegiatan Kumpulan dalam Malaysia.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 54. TANGGUNGAN PERNIAGAAN NYAWA DAN DANA PEMEGANG POLISI NYAWA

Kedudukan urusan kewangan pada 31 Mac 2008 dan keputusan kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2008 di bawah liabiliti perniagaan nyawa dan dana pemegang polisi nyawa AmAssurance Berhad dan termasuk dalam penyata kewangan, diringkaskan seperti berikut:

#### KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 MAC 2008

	2008 RM'000	2007 RM'000
<b>ASET</b>		
Wang tunai dan dana jangka pendek	<b>204</b>	544
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	<b>207,313</b>	127,980
Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi kewangan	<b>112,741</b>	136,856
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	<b>62,026</b>	55,513
Sekuriti sedia untuk dijual	<b>1,002,244</b>	844,435
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	<b>91,342</b>	87,474
Aset-aset lain	<b>104,008</b>	92,818
Pelaburan harta	<b>82,278</b>	82,278
Harta dan peralatan	<b>29,699</b>	28,297
Aset cukai tertunda	<b>10,614</b>	2,713
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>1,702,469</b>	1,458,908
<b>LIABILITI DAN DANA PEMEGANG POLISI</b>		
Lain-lain tanggungan	<b>189,819</b>	172,281
Dana pemegang polisi nyawa	<b>1,512,650</b>	1,286,627
<b>JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG POLISI</b>	<b>1,702,469</b>	1,458,908
<b>PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2008</b>		
Pendapatan	<b>487,844</b>	474,235
Pendapatan faedah	<b>66,484</b>	56,848
(Masuk kira semula)/Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	<b>11</b>	(390)
Kerugian kemerosotan atas sekuriti	<b>(5,774)</b>	(958)
Lain-lain pendapatan, pelaburan dan premium bersih	<b>60,721</b>	55,500
Pendapatan bersih	<b>421,360</b>	417,387
Lain-lain perbelanjaan operasi dan pindahan ke dana pemegang polisi nyawa	<b>482,081</b>	472,887
Pindahan ke dana pemegang saham	<b>(465,081)</b>	(459,387)
	<b>17,000</b>	13,500

# NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

## 55. NISBAH KECUKUPAN MODAL

Garis panduan BNM mengenai kecukupan modal memerlukan AmInvestment Bank, AmBank dan AmIslamic Bank mengekalkan tahap modal mencukupi bagi menahan sebarang kerugian yang mungkin timbul dari risiko kredit dan lain-lain risiko pinjaman dan berkaitan dengan operasi pembiayaan. Nisbah kecukupan modal dikira berdasarkan kelayakan modal berhubung dengan jumlah aset berwajaran risiko seperti ditentukan oleh BNM.

Berkatkuasa daripada 1 Januari 2008, nisbah kecukupan modal berwajaran risiko Kumpulan dikira berdasarkan dengan pelarasan BNM Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko: Pendekatan Piawaian untuk Risiko kredit dan Risiko Pasaran, dan Pendekatan Asas Indikator untuk Risiko Operasi (Basel II). Walaubagaimanapun, nisbah kecukupan modal berwajaran risiko untuk 31 Mac 2007, tidak diselaraskan berdasarkan garispanduan Basel II.

Nisbah Kecukupan Modal Berwajaran Risiko bagi AmInvestment Bank (termasuk aktiviti AMIL) sebanyak 17.35% (15.22% pada 2007), AmBank sebanyak 12.96% (9.16% pada 2007) dan AmIslamic Bank sebanyak 16.28% (14.45% pada 2007), melebihi kehendak minima.

Pada masa ini, Kumpulan tidak perlu mengekalkan sebarang kehendak nisbah kecukupan modal bagi institusi-institusi kewangan. Walau bagaimanapun, jika Kumpulan dikehendaki mematuhi nisbah tersebut, nisbah kecukupan modal adalaj seperti berikut:

	Kumpulan	
	2008 RM'000	2007 RM'000
Modal tahap 1		
Modal saham biasa dibayar penuh	2,722,970	2,130,565
Premium saham	1,986,857	791,588
Rizab berkanun	1,245,433	1,107,757
Rizab pertukaran mata wang asing	8,166	10,297
Modal Hibrid	673,830	666,474
Keuntungan tidak diagihkan pada akhir tahun	1,163,267	798,502
Kepentingan minoriti	84,352	1,201,516
Jumlah	7,884,875	6,706,699
Tolak : Ihsan	1,732,872	527,121
Aset cukai tertunda - bersih	602,658	861,968
Jumlah modal tahap 1	5,549,345	5,317,610
Modal tahap 2		
Pinjaman berjangka bersubordinat	403,243	421,696
Nota-nota berjangka sederhana	860,000	-
Bon bersubordinat, boleh ditebus dan tidak bercagar	1,750,000	1,175,000
Peruntukan am bagi hutang lapuk dan ragu	845,225	778,396
Jumlah modal tahap 2	3,858,468	2,375,092
Jumlah dana modal	9,407,813	7,692,702
Tolak: Terhad ke atas peminjam	238,571	-
Dana modal	9,169,243	7,692,702
Aset berwajaran risiko	67,898,253	60,987,817
Nisbah modal:		
Nisbah modal intisari	8.17%	8.72%
Nisbah modal berwajaran risiko	13.50%	12.61%
Nisbah modal initisari (bersih selepas cadangan dividen biasa terakhir)	7.99%	8.59%
Nisbah modal berwajaran risiko (bersih selepas cadangan)	13.32%	12.48%

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 55. NISBAH KECUKUPAN MODAL (SAMBUNGAN)

Analisis aset berwajaran risiko kasar untuk pelbagai kategori risiko wajaran:

	2008		2007	
	Prinsipal RM'000	Amaun Berwajaran risiko RM'000	Prinsipal RM'000	Amaun Berwajaran risiko RM'000
0%	<b>11,911,523</b>	-	11,227,356	-
10%	-	-	3,418	342
20%	<b>2,982,733</b>	<b>596,547</b>	7,187,595	1,437,519
35%	<b>2,967,500</b>	<b>1,038,625</b>	-	-
50%	<b>5,750,598</b>	<b>2,875,299</b>	9,572,932	4,786,466
75%	<b>33,910,030</b>	<b>25,432,523</b>	-	-
100%	<b>24,796,708</b>	<b>24,796,708</b>	48,311,104	48,311,104
150%	<b>2,373,580</b>	<b>3,560,370</b>	-	-
	<b>84,692,672</b>	<b>58,300,071</b>	<u>76,302,405</u>	<u>54,535,431</u>
Tambah: Jumlah Aset Berwajaran Risiko Bersamaan dengan risiko pasaran		<b>5,198,595</b>		6,451,937
Tambah: Jumlah aset berwajaran risiko bersamaan dengan risiko operasi		<b>4,384,664</b>		-
Tambah: Pendedahan besar keperluan risiko bagi pemegangan ekuiti		<b>14,923</b>		449
		<b>67,898,253</b>		<u>60,987,817</u>

Nisbah kecukupan modal Kumpulan pada 31 Mac 2007 tidak dinyatakan semula dengan kesan pelarasan tahun lepas sepetimana didedahkan dalam Nota 56 penyata kewangan.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 56. PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

- (1) Pada 18 Mei 2007, setelah memperolehi kelulusan yang diperlukan dari para pemegang saham dan pihak berwajib, Syarikat telah melaksanakan yang berikut:
  - (i) Menambah modal saham yang dibenarkan Syarikat dari RM5,000,000,000 merangkumi 5,000,000,000 saham biasa RM1.00 setiap satu ke RM5,200,000,000 merangkumi 5,000,000,000 saham biasa RM1.00 setiap satu dan 200,000,000 CPS RM1.00 setiap satu;
  - (ii) Menerbitkan 163,934,426 CPS kepada ANZ Funds pada harga terbitan RM3.05 setiap CPS berjumlah RM500,000,000 yang akan ditukar menjadi 163,934,426 saham biasa baru RM1.00 setiap satu dalam Syarikat; dan
  - (iii) Penerbitan RM575,000,000 nilai nominal Bon Boleh Tukar Tidak Bercagar Sepuluh (10) tahun ("EB") oleh AmBank kepada ANZ Funds yang boleh ditukar kepada 188,524,590 saham biasa baru dalam Syarikat pada harga pertukaran RM3.05 sesaham.
- (2) Pada 13 Mac 2008, CPS telah ditukar kepada 163,934,426 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada kadar satu saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham untuk ditukar kepada setiap satu CPS bernilai RM1.00 setiap satu.
- (3) Selepas memperolehi kelulusan yang diperlukan daripada pihak berwajib, AmBank telah menyelesaikan penjualan portfolio pinjaman tidak berbayar runcit dan korporatnya berikutnya penerimaan ganjaran jualan berjumlah RM328.5 juta daripada ABS Enterprise One Berhad, Neptune ABS One Berhad dan Neptune ABS Two Berhad.
- (4) AmInvestment Bank Berhad ("AmInvestment Bank") dan pihak Arab Saudi telah saling bersetuju untuk tidak meneruskan cadangan usaha sama dalam Syarikat yang akan ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pasaran modal di Arab Saudi.
- (5) Syarikat telah mencadangkan dan melaksanakan yang berikut:
  - (i) Terbitan hak boleh diumumkan semula sebanyak 295,972,939 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat ("Terbitan Hak") pada harga terbitan RM3.40 setiap Saham Hak, pada kadar berikut:
    - (a) satu (1) Saham Hak untuk setiap lapan (8) sedia ada saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu; dan
    - (b) satu (1) Saham Hak untuk setiap lapan (8) CPS sedia ada bernilai RM1.00 setiap satu yang dipegang dalam Syarikat.
- (6) Pada 15 Januari 2008, Terbitan hak akan selesai berikutnya sebut harga dan penyenaraian 295,972,939 saham-saham baru diterbitkan kepada pemegang-pemegang saham yang berkelayakan dalam Syarikat. Terbitan Hak diteruskan bagi kegunaan Syarikat untuk membiayai sebahagian pembayaran tunai kepada pemegang saham minoriti AIGB.
  - (ii) Pelarasan kepada Waran 2003/2008 harga pelaksanaan daripada RM2.19 sesaham kepada RM2.15 sesaham dan peningkatan sebanyak 1,281,618 tambahan Waran 2003/2008 berikutnya daripada pelarasan yang timbul dari Terbitan Hak.
  - (iii) Pelarasan kepada harga pengubahan Bon Tidak Berubah dan Tidak Bercagar daripada RM3.05 sesaham kepada RM2.95 sesaham berikutnya daripada pelarasan yang timbul daripada Terbitan Hak.
- (6) Syarikat telah mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia ("BNM") bagi memulakan perbincangan dengan MAA Holdings Berhad ("MAAH"), mengikut Seksyen 67 Akta Insuran, 1996, untuk cadangan perolehan perniagaan insuran am dalam Malaysian Assurance Alliance Berhad, komposit penginsuran, dan pengambilalihan ekuiti dalam MAA Takaful Berhad, dimana operasi perniagaan insuran Takaful dipegang oleh MAAH.

# NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

## 56. PERISTIWA-PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

- (7) Syarikat telah mendapat kelulusan daripada BNM bagi pemegang saham AmAssurance Berhad (“AmAssurance”) untuk memulakan perundingan awal dengan Friends Provident plc, mengikut Akta Insuran 1996 (“Akta Insuran”), bagi cadangan penjualan pengambilalihan minoriti dalam perniagaan insuran nyawa, AmAssurance. Permohonan secara berasingan juga telah diserahkan kepada BNM bagi memperolehi kelulusan dari badan berwajib dibawah Akta Insuran bagi membolehkan Syarikat mengasingkan lesen insuran komposit AmAssurance sedia ada, membolehkan Syarikat mengambil alih perniagaan insuran am dan nyawa melalui dua syarikat yang berasingan.
- (8) Pada 29 November 2007, AmInvestment Bank telah memasuki perjanjian persefahaman dengan Woori, syarikat subsidiari Kumpulan Kewangan Woori, Korea bertujuan mempromosikan kerjasama dalam perniagaan perbankan pelaburan antara dua pihak, bagi membolehkan kedua-dua kumpulan kewangan bagi menstabilkan penubuhan perniagaan francais dan kedua-dua rangkaian domestik dan daerah pasaran modal.
- (9) Selepas mendapat kelulusan daripada badan-badan tertentu pada 11 Mac 2008, AmBank bercadang menerbitkan Dolar Singapura (“SGD”) 425.0 Juta Modal Tidak-Inovatif Tahap 1 (“NIT1”), merangkumi Modal Sekuriti Berterusan Tidak-Kumulatif (“NCPCS”) yang diterbitkan oleh AmBank, dimana mengokot kepada Nota-nota Bersubordinat (“SubNotes”) diterbitkan oleh AmCapital (L) Inc (“AmCapital”) (“Sekuriti Stapled”).

Sekuriti Stapled juga akan diterbitkan dan ditawarkan kepada individu yang tidak mempunyai kerakyatan Amerika Syarikat seperti yang ditentukan dalam Seksyen 902(k) Peraturan S dalam urusniaga luar pesisir dibawah Akta Sekuriti Amerika Syarikat 1933 (“Akta Sekuriti US”), digubal dari semasa ke semasa. Tambahan pula, Sekuriti Stapled hanya akan diterbitkan pada atau ditawarkan atau dilanggan oleh individu diluar Malaysia.

NCPCS dan SubNota tidak boleh diniagakan secara berasingan sehingga berlakunya Acara Tugasan Khas.

Bagi memudahkan Cadangan Terbitan NIT1, pada 26 Februari 2008 AmBank memperolehi tiga (3) saham-saham biasa bernilai USD1.00 setiap satu, mewakili keseluruhan modal saham berbayar dan diterbitkan AmCapital, merupakan syarikat tidak bergiat, untuk ganjaran tunai bernilai USD3.00, dan seterusnya menjadikan AmCapital syarikat subsidiari milik penuh AmBank.

AmCapital diperbadankan pada 2 Januari 2008 dan mempunyai modal saham dibenarkan bernilai USD10,000 dibahagikan kepada 10,000 saham-saham biasa bernilai USD1.00 setiap satu dimana tiga (3) saham-saham biasa bernilai USD1.00 setiap satu diterbitkan dan dibayar sepenuhnya. AmCapital diperbadankan bagi tujuan untuk menerbitkan SubNota.

Sekuriti Stapled di beri pemeringkatan BB oleh kedua-dua Fitch Ratings Ltd. and Standard & Poor's, bahagian McGraw-Hill Companies, Inc.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 56. PERISTIWA-PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

- (10) Pada 11 Mac 2008, Syarikat telah mengumumkan Cadangan Penyusunan Semula Dalaman Kumpulan merangkumi:
- (i) Pindahan aktiviti-aktiviti berdasarkan dana AmInvestment Bank merupakan 100% syarikat subsidiari milik penuh AIGB, kepada AmBank dan syarikat subsidiari milik penuh AmBank iaitu AmIslamic Bank Berhad (“AmIslamic”) (“Cadangan Pindahan Perniagaan”); dan
  - (ii) Penajaran semula struktur pemegangan saham untuk operasi syarikat subsidiari utama kepada membentuk sepenuhnya Kumpulan Modal Pasaran dan Kumpulan Pengurusan Harta (Cadangan Pindahan Dalaman”).

Pada 11 Mac 2008, AmInvestment Bank memasuki Perjanjian Pindahan Perniagaan secara berasingan masing-masing dengan AmBank dan AmIslamic yang berkait dengan Cadangan Pindahan Perniagaan.

Bank Negara Malaysia (“BNM”) dan Kementerian Kewangan (“MOF”) telah meluluskan Cadangan Pindahan Perniagaan pada 19 Disember 2007. Akan dilaksanakan dengan cara arahan peletakan hak (“Arahan”) oleh Mahkamah Tinggi Malaya (“Mahkamah”) akan diperolehi oleh AmInvestment Bank, AmBank dan AmIslamic mengikut Seksyen 50 Akta Institusi Kewangan dan Perbankan 1989, dimana:-

- (i) Bergantung kepada syarat-syarat yang mungkin dipersetujui antara AmInvestment Bank dan AmBank, AmBank akan memperolehi aset-aset dan menganggap liabiliti yang berkaitan dengan Aktiviti Berdasarkan Dana konvensional AmInvestment Bank dimana akan termasuk 100% kepentingan pemegang saham AmInvestment Bank dalam AmInternational (L) Ltd, bank berlesen luar pesisir; dan
- (ii) Bergantung kepada syarat-syarat yang mungkin dipersetujui antara AmInvestment Bank dan AmIslamic, AmIslamic akan memperolehi aset-aset dan menganggap liabiliti yang berkaitan dengan Aktiviti Berdasarkan Dana Islam AmInvestment Bank berdasarkan nilai buku aset dan liabiliti pada tarikh Arahan yang sebenarnya. Ganjaran bagi Cadangan Pindahan Perniagaan, dikira atas dasar nilai buku aset yang diperolehi ditolak nilai buku anggaran liabiliti, akan dijelaskan dalam tunai oleh AmBank dan AmIslamic.

Selepas selesai Cadangan Pindahan Perniagaan, AmInvestment Bank akan menyusun semula dana modal dan sebarang lebihan akan diagihkan kepada Syarikat (melalui AIGB) bagi keperluan modal kerja.

Cadangan Pindahan Dalaman, yang menerima kelulusan dari BNM pada 19 Disember 2007, akan termasuk pindahan antara kumpulan dalam Kumpulan AmBank adalah seperti berikut:-

- (a) AmInvestment Bank akan memperolehi syarikat-syarikat berikut daripada AmSecurities Holding Sdn Bhd (“AMSH”):-
  - (i) AmFutures Sdn Bhd, broker hadapan berlesen untuk ganjaran tunai yang berdasarkan nilai buku;
  - (ii) AmResearch Sdn Bhd, terlibat dalam menyediakan nasihat pelaburan, untuk ganjaran tunai yang berdasarkan nilai buku; dan
  - (iii) PT. AmCapital Indonesia (“AMCI”), pembrokeran stok berlesen, juga akan mengambil tatajamin dan aktiviti-aktiviti pengurusan pelaburan untuk ganjaran tunai yang berdasarkan kos pelaburan.
- (b) AIGB akan memperolehi syarikat-syarkat berikut daripada AmInvestment Bank:-
  - (i) AmInvestment Management Sdn Bhd, syarikat pengurusan aset untuk ganjaran tunai yang berdasarkan nilai buku; dan
  - (ii) AmInvestment Services Berhad, syarikat pengurusan unit amanah untuk ganjaran tunai yang berdasarkan nilai buku.

# NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

## 56. PERISTIWA-PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

Berikutnya kepada kelulusan MOF dan BNM, Cadangan Penyusunan Dalaman juga bergantung kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti untuk Cadangan Pindahan Dalaman (selain daripada AMCI), Badan Pengawas Pasar Modal dan Lembaga Kewangan untuk pindahan AMCI dan mana-mana pihak berkuasa, jika perlu.

Kelulusan daripada Pihak berkuasa Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan untuk pindahan AmInternational (L) Ltd, Ahli JawatanKuasa Pelaburan Luar Negara dan Mahkamah Tinggi Malaya untuk Cadangan Pindahan Perniagaan yang diperolehi masing-masing pada 21 Disember 2007, 7 Mac 2008 dan 12 April 2008.

Pada 12 April 2008, AmInvestment Bank telah selesai Pindahan Perniagaan bagi ganjaran tunai berjumlah RM1,370.5 juta berdasarkan pada nilai buku aset dan liabiliti pada 11 April 2008 mengikut kepada Perjanjian Pindahan Perniagaan bertarikh 11 Mac 2008 kepada AmBank dan Amlslamic.

## 57. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAR PERAKAUNAN DAN PELARASAN TAHUN TERDAHULU

### Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah menerima pakai pelarasan FRS 117 Pajakan yang diterbitkan oleh MASB dan Pelarasan Garis Panduan BNM ke atas intrumen kewangan derivatif yang berurus niaga bagi bertujuan melindung nilai, bagi Kumpulan kedua-duanya berkuat kuasa pada tarikh laporan tahunan kewangan, 31 Mac 2008 dimana kesan berikutnya perubahan dalam dasar-dasar perakaunan adalah seperti berikut:

#### (a) FRS 117: Pajakan

Sebelum 1 April 2007, pajakan tanah dan bangunan yang dipegang untuk kegunaan sendiri telah dikelaskan sebagai harta tanah dan peralatan dan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian pengurangan nilai. Penerimaan pakai FRS 117 pajakan dalam tahun 2007 mengakibatkan perubahan dalam dasar perakuanan berkaitan dengan pengelasan pajakan tanah dan bangunan. Di bawah FRS 117, pajakan tanah dan bangunan adalah dikelaskan sebagai pajakan kendalian atan kewangan iaitu sama seperti pajakan aset-aset lain. Unsur-unsur tanah dan bangunan bagi pajakan tanah dan bangunan adalah diambil kira secara berasingan untuk tujuan pengelasan pajakan. Tanah pegangan pajak yang dipegang untuk kegunaan sendiri kini dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Pembayaran pendahuluan yang dibuat adalah diperuntukkan antara unsur-unsur tanah dan bangunan pajakan tersebut pada permulaan pajakan. Pembayaran pendahuluan merupakan bayaran pajakan tanah prabayar dan dilunaskan atas atas garisan lurus sepanjang baki tempoh pajakan.

Kumpulan telah menerima pakai perubahan dalam dasar perakuanan berkenaan dengan tanah pegangan pajak menurut peruntukan peralihan FRS117. Pada 1 April 2007, amanah dibawa belum dilunas tanah pegangan pajak adalah dikelaskan sebagai bayaran pajakan tanah prabayar. Pengelasan semula tanah pegangan pajak sebagai bayaran pajakan tanah prabayar telah diambil kira secara retrospektif. Perbandingan tertentu kunci kira-kira Kumpulan pada 31 Mac 2007 telah dinyatakan semula. Tiada kesan ke atas penyata pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2008.

# NOTA-NOTA

## PENYATA KEWANGAN

31 MAC 2008

### 57. PERUBAHAN DALAM DASAR-DASAP PERAKAUNAN DAN PELARASAN TAHUN TERDAHULU (SAMBUNGAN)

#### (b) Pelarasan Garis Panduan BNM ke atas Penyata Kewangan bagi Institusi-institusi Berlesen

Kumpulan menerima pakai Pelaran Garis Panduan Bank Negara Malaysia ke atas penyata kewangan bagi institusi-institusi berlesen bertarikh 5 Oktober 2004 ke atas pengolahan perakaunan ke atas instrumen kewangan derivatif dimana urus niaga bertujuan bagi melindung nilai dengan berkuat kuasa pada laporan tahunan Kumpulan pada 31 Mac 2008.

